

**MAHAR SEBAGAI SATU BENTUK JAMINAN  
SOSIO-EKONOMI WANITA: KAJIAN  
DI TAWAU, SABAH**

**HASBI HAJI MUH. ALI**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2013**

**MAHAR SEBAGAI SATU BENTUK JAMINAN  
SOSIO-EKONOMI WANITA: KAJIAN  
DI TAWAU, SABAH**

**HASBI HAJI MUH. ALI**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2013**

## **Abstrak**

Mahar merupakan sejumlah wang atau harta yang berhak diterima oleh isteri daripada suaminya dengan sebab pernikahan. Pensyariatan mahar dalam Al-Qur'an bukan sahaja telah merubah sistem mahar pada zaman pra-Islam, bahkan menunjukkan kepentingan dan kelebihan mahar berbanding pemberian-pemberian perkahwinan yang lain yang disandarkan kepada adat dan budaya setempat semata-mata. Permasalahannya, masyarakat dilihat telah terkeliru dengan meletakkan keutamaan kepada adat pemberian hantaran berbanding pemberian mahar sehingga sanggup membelanjakan belasan ribu ringgit demi memenuhi adat hantaran tersebut. Hal ini berkemungkinan kerana persepsi masyarakat yang hanya menganggap mahar sekadar pemberian yang bersifat ritual perkahwinan semata-mata. Masyarakat juga berkemungkinan tidak mengetahui potensi dan peranan mahar dengan lebih luas berbanding dengan peranan hantaran yang kebiasaannya digunakan untuk menampung perbelanjaan kenduri perkahwinan. Panduan kadar mahar yang dilihat sudah terlalu rendah dan tidak meraikan keadaan semasa juga menyebabkan seolah-olah mahar tidak dapat memberi manfaat yang besar kepada wanita, melainkan sebatas pelengkap dalam majlis pernikahan sahaja. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan kedudukan mahar menurut Islam dan masyarakat Melayu, falsafah di sebalik pensyariatan mahar dengan memfokuskan kepada potensi mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti adakah mahar yang diterima berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita di Tawau, Sabah. Metod kepustakaan dan metod temubual merupakan metod utama pengumpulan data, sementara metod deskriptif digunakan dalam penganalisaan data. Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa mahar gagal berfungsi sebagai satu jaminan sosio-ekonomi wanita dalam perkahwinan perceraian dalam skop amalan mahar di Tawau, Sabah terutamanya pada saat-saat sukar seperti kematian suami atau perceraian.

## **Abstract**

*Mahar* is sum of money or other property which the wife is entitled to receive from the husband by reason of marriage. The *mahar* mentioned in the Qur'an, not only has changed the system of *mahar* at the time of Pre-Islamic, but also shows the importance and advantages of *mahar* than other wedding gifts pledged to local customs and cultures. The issue is, community has been misled by placing priority on giving *hantaran* against *mahar*, so they are even willingly to spend thousand of ringgits to meet the custom. This is likely due to the community perception that only considers the provision of *mahar* just mere marriage rituals. The community may not know the potential and philosophy of *mahar* in the wider view, compared to *hantaran* which are typically used to cover the expenses of the wedding ceremony. The low rate of *mahar* and does not up to the current state seem less beneficial to women, but limited by only complement the wedding ceremony. Therefore, this study aims to clarify the position of *mahar* in Islam and the Malay Muslim community, the philosophy of the *mahar* and its importance by giving focus to the function of the *mahar* as a form of socio-economic security for women. This study also aims to look whether the *mahar* provides a degree of socio-economic security for women in Tawau, Sabah. To collect the data, method of library research and interviews were used, while descriptive method used in analysing data. Result shows the *mahar* failed as a form of socio-economic security for woman in marriage in Tawau, Sabah especially after the death of husband or termination of marriage by divorce.

## **PENGHARGAAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Illahi yang telah mempermudahkan segala urusan disertasi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Nabi Muhammad S.A.W., contoh ikutan sepanjang zaman.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Raihanah Haji Azahari selaku penyelia disertasi ini atas curahan ilmu dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga buat semua warga pendidik di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terutama di Jabatan Fiqh dan Usul. Segala nasihat dan teguran yang diberikan akan sentiasa dijadikan panduan pada hari mendatang.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat ayahanda dan bonda tercinta, abang, kakak-kakak dan adik tersayang serta anak-anak buah yang sentiasa memberi semangat untukku meneruskan perjuangan dan pengajian hingga ke tahap ini. Moga Allah sentiasa merahmati hidup kalian dunia dan akhirat. Tidak ketinggalan buat para responden kajian yang banyak memberikan kerjasama dalam memberikan maklumat dan berkongsi fikrah dalam disertasi ini. Tanpa kerjasama kalian, kajian ini tidak mungkin sesempurna yang dirancangkan.

Tidak dilupa kepada rakan-rakan seperjuangan Jabatan Fiqh & Usul (JFU) kerana sudi menyumbangkan idea yang bernalas dan kritikan yang membina kepada pengkaji. Semoga ukhuwah yang terjalin akan berkekalan buat selama-lamanya. Juga kepada teman-teman susah senangku sekalian, terima kasih atas semua pertolongan dan perkongsian dan jasa baik kalian. Moga kita terus terus istiqamah di jalan ilmu yang bisa mengangkat martabat kita ke tahap yang lebih tinggi di sisi Allah S.W.T.

Akhir kalam, jutaan terima kasih diucapkan kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan bantuan kepada pengkaji untuk menyiapkan disertasi ini. Mudah-mudahan usaha yang sedikit ini dapat menyumbangkan sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat. Semoga Allah redha. Amin.

Terima Kasih.

HASBI HAJI MUH. ALI

20 FEBRUARI 2013

TB 4925 BLOK 23-8

TAMAN SEMARAK

91000 TAWAU SABAH.

namasayahasbi@gmail.com

## DAFTAR TRANSLITERASI

Jadual transliterasi adalah seperti berikut:

### **Huruf Konsonan**

| Huruf Arab | Nama  | Huruf Latin |
|------------|-------|-------------|
| أ          | alif  | a,’         |
| ب          | ba’   | b           |
| ت          | ta’   | t           |
| ث          | tha’  | th          |
| ج          | jim   | j           |
| ح          | ha’   | ḥ           |
| خ          | kha’  | kh          |
| د          | dal   | d           |
| ذ          | dhal  | dh          |
| ر          | ra’   | r           |
| ز          | zay   | z           |
| س          | sin   | s           |
| ش          | shin  | sh          |
| ص          | sad   | ṣ           |
| ض          | dad   | ḍ           |
| ط          | ta’   | ṭ           |
| ظ          | za’   | ẓ           |
| ع          | ’ayn  | ‘           |
| غ          | ghayn | gh          |
| ف          | fa’   | f           |
| ق          | qaf   | q           |

|    |              |   |
|----|--------------|---|
| ك  | kaf          | k |
| ل  | lam          | l |
| م  | mim          | m |
| ن  | nun          | n |
| و  | waw          | w |
| هـ | ha'          | h |
| يـ | ya'          | y |
| ةـ | ta' marbutah | h |

## Huruf Vokal

| Vokal   | Huruf Arab | Huruf Latin |
|---------|------------|-------------|
| Pendek  | ( fathah ) | a           |
|         | ( dammah ) | u           |
|         | ( kasrah ) | i           |
| Panjang |            | ā           |
|         |            | ū           |
|         |            | ī           |
| Diftong |            | aw          |
|         |            | ay          |
|         |            | iy / i      |
|         |            | uww         |

## **SENARAI KEPENDEKAN**

|        |  |
|--------|--|
| a.s.   | Alaihi al-Salam                            |
| Abd.   | Abdul                                      |
| Apium  | Akademi Pengajian Islam Univerisiti Malaya |
| bil.   | Bilangan                                   |
| cet.   | cetakan                                    |
| Dr.    | Doktor                                     |
| Ed.    | Edisi                                      |
| et al. | dan rakan-rakan                            |
| ibid.  | Ibidem                                     |
| J.F.U. | Jabatan Fiqh & Usul                        |
| Jil.   | Jilid                                      |
| no.    | Nombor                                     |
| Prof.  | Profesor                                   |
| Resp.  | Responden                                  |
| RM     | Ringgit Malaysia                           |
| S.A.W. | Sallahhu alahi wasallam                    |

|           |                                 |
|-----------|---------------------------------|
| SAR       | Sekolah Agama Rakyat            |
| Sek.      | Sekolah                         |
| Sdn. Bhd. | Sendirian Berhad                |
| S.P.M.    | Sijil Pelajaran Malaysia        |
| S.T.A.M.  | Sijil Tinggi Agama Malaysia     |
| S.T.P.M.  | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| S.W.T.    | Subhanahu wa ta'ala             |
| terj.     | Terjemah                        |
| t.p.      | Tanpa Penerbit                  |
| t.t.      | Tanpa Tahun                     |
| U.P.S.R.  | Ujian Penilaian Sekolah Rendah  |
| U.S.D.    | The United States Dollar        |

## **SENARAI JADUAL**

### **JADUAL**

- Jadual 2.1. : Contoh Kadar Mahar dan Hantaran di Tawau, Sabah.
- Jadual 4.1. : Maklumat Responden
- Jadual 4.2. : Mahar Menurut Responden
- Jadual 4.3. : Kefahaman Terhadap Mahar Yang Ditangguhkan
- Jadual 4.4. : Persepsi Responden Tentang Panduan Kadar Mahar
- Jadual 4.5. : Pandangan Wanita Terhadap Kadar Mahar Semasa
- Jadual 4.6. : Persepsi Responden Tentang Ciri-Ciri Mahar Yang Terbaik  
Menurut Islam
- Jadual 4.7. : Kadar Mahar Yang Diterima Responden
- Jadual 4.8. : Pengurusan Mahar Dalam Kalangan Responden
- Jadual 4.9. : Penggunaan/Perbelanjaan Hasil Perolehan Mahar
- Jadual 4.10. : Peranan Mahar Kepada Responden
- Jadual 4.11. : Potensi Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita Ketika  
Terjadi Musibah Dalam Rumahtangga (Perceraian Atau Kematian  
Suami)

Jadual 4.12. : Pandangan Responden Berkenaan Keperluan Melihat Mahar  
Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Dalam  
Rumahtangga

## **DAFTAR ISI**

Halaman Muka

|                     |      |
|---------------------|------|
| Abstrak             | iii  |
| Abstract            | iv   |
| Penghargaan         | v    |
| Daftar Transiterasi | vii  |
| Senarai Kependekan  | ix   |
| Senarai Jadual      | xi   |
| Daftar Isi          | xiii |

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

|     |                               |    |
|-----|-------------------------------|----|
| 1.1 | Latar Belakang Masalah Kajian | 1  |
| 1.2 | Persoalan Kajian              | 4  |
| 1.3 | Objektif Kajian               | 4  |
| 1.4 | Kepentingan Kajian            | 5  |
| 1.5 | Skop Kajian                   | 5  |
| 1.6 | Lokasi Kajian                 | 6  |
| 1.7 | Ulasan Kajian Lepas           | 6  |
| 1.8 | Metodologi Kajian             | 11 |
| 1.9 | Sistematika Penulisan         | 13 |

|              |   |    |
|--------------|---|----|
| <b>BAB 2</b> | <b>MAHAR MENURUT ISLAM DAN MASYARAKAT MELAYU</b>                |    |
| 2.1          | Mahar Menurut Islam   | 15 |
| 2.2          | Sejarah Pemberian Mahar   | 18 |
| 2.3          | Jenis-Jenis Mahar   | 21 |
|              | 2.3.1  Mahar <i>Musamma</i>                                     | 21 |
|              | 2.3.2  Mahar <i>Mithil</i>                                      | 24 |
| 2.4          | Cara Pemberian Mahar  | 27 |
|              | 2.5.1  Tunai  | 27 |
|              | 2.5.2  Bertangguh   | 27 |
|              | 2.5.3  Separuh Tunai dan Separuh Bertangguh                     | 28 |
| 2.5          | Kadar Dan Syarat Mahar Dalam Islam                              | 29 |
|              | 2.6.1  Boleh Dimiliki   | 31 |
|              | 2.6.2  Diketahui Dan Dipersetujui Isteri                        | 32 |
|              | 2.6.3  Bernilai Dan Bermanfaat                                  | 33 |
| 2.6          | Mahar Menurut Masyarakat Melayu                                 | 33 |
| 2.7          | Hantaran Menurut Masyarakat Melayu                              | 36 |
| 2.8          | Hantaran Menurut Hukum Syara'                                   | 38 |
| 2.9          | Mahar Dan Hantaran Menurut Masyarakat<br>Melayu Di Tawau, Sabah | 39 |
| 2.10         | Kesimpulan  | 41 |

|              |  |    |
|--------------|--|----|
| <b>BAB 3</b> | <b>MAHAR SEBAGAI JAMINAN SOSIO-EKONOMI WANITA</b>                  |    |
| 3.1          | Falsafah Pensyariatan Mahar  | 43 |
| 3.1.1        | Memberi Hak Pemilikan Harta Kepada Wanita                          | 44 |
| 3.1.1.2      | <i>Dowry Dan Bride-price</i>                                       | 45 |
| 3.1.2        | Memberi Perlindungan Sosio-Ekonomi Kepada Wanita                   | 48 |
| 3.1.3        | Memberi Kemuliaan Kepada Wanita                                    | 49 |
| 3.2          | Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita                         | 50 |
| 3.2.1        | Mahar Sebagai Jaminan Awal Kepada Wanita Dalam Pernikahan          | 54 |
| 3.2.2        | Mahar Sebagai Jaminan Pada Saat-Saat Sukar                         | 55 |
| 3.2.2.1      | Perceraian Atau Kematian   | 55 |
| 3.3          | Memperkasakan Peranan Mahar  | 56 |
| 3.3.1        | Mahar Yang Bersifat Mudah  | 56 |
| 3.3.2        | Mahar Yang Relevan Dengan Sosio-Ekonomi Semasa Dan Kemampuan Suami | 59 |
| 3.4          | Kesimpulan   | 61 |
| <b>BAB 4</b> | <b>ANALISA KAJIAN</b>  |    |
| 4.1          | Pengenalan   | 63 |
| 4.2          | Persampelan  | 63 |
| 4.3          | Kerangka Analisa Data  | 63 |
| 4.4          | Analisis Demografi Responden                                       | 66 |
| 4.5          | Persepsi Wanita Terhadap Mahar                                     | 68 |
| 4.5.1        | Kefahaman Wanita Tentang Mahar                                     | 68 |
| 4.5.2        | Persepsi Wanita Terhadap Panduan Kadar Mahar                       | 69 |
| 4.5.3        | Pandangan Wanita Terhadap Kadar Mahar Semasa                       | 70 |

|                    |  |     |
|--------------------|--|-----|
| 4.5.4              | Persepsi Wanita Tentang Ciri-Ciri Mahar Yang Terbaik Menurut Islam       | 72  |
| 4.5.5              | Rumusan  | 73  |
| 4.6                | Amalan Mahar Dalam Kalangan Wanita                                       | 74  |
| 4.6.1              | Kadar Mahar Yang Diterima Oleh Responden                                 | 74  |
| 4.6.2              | Pengurusan Mahar Dalam Kalangan Responden                                | 76  |
| 4.6.3              | Rumusan  | 78  |
| 4.7                | Peranan Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita                       | 80  |
| 4.7.1              | Peranan Mahar Kepada Wanita  | 80  |
| 4.7.2              | Potensi Mahar Sekiranya Terjadi Musibah Dalam Rumahtangga                | 82  |
| 4.7.3              | Keperluan Melihat Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita | 84  |
| 4.7.4              | Rumusan  | 86  |
| 4.8                | Kesimpulan   | 89  |
| <b>BAB 5</b>       | <b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>   |     |
| 5.1                | Rumusan  | 91  |
| 5.2                | Cadangan   | 94  |
| 5.3                | Penutup  | 97  |
| <b>BIBLIOGRAFI</b> |  | 98  |
| <b>LAMPIRAN</b>    |  | 108 |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Pemberian mahar merupakan salah satu kewajipan kepada suami setelah sahnya akad pernikahan. Mahar yang merupakan adat tertua masyarakat jahiliyyah<sup>1</sup> dalam konteks hubungan kekeluargaan ini disyariatkan oleh Islam kerana menyedari kelebihan dan potensi yang terkandung di sebalik pemberian mahar tersebut. Namun, konsep mahar dalam Islam berbeza daripada konsep yang diamalkan oleh masyarakat pra-Islam satu ketika dahulu.<sup>2</sup> Pensyariatan mahar bukan sahaja memberi penghargaan dan kemuliaan kepada para wanita,<sup>3</sup> bahkan telah merubah sistem mahar yang sebelum ini merendahkan kaum wanita<sup>4</sup> kepada satu pemberian yang bertujuan melindungi wanita.<sup>5</sup>

Dalam amalan perkahwinan masyarakat Melayu di Malaysia, pada dasarnya ia terikat kepada dua keadaan, iaitu hukum syara' yang dikuatkuasakan melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri dan adat resam masyarakat setempat. Kesan daripada itu lahirnya dua amalan pemberian perkahwinan dalam masyarakat

<sup>1</sup> Pemberian mahar telah diamalkan pada zaman pra-Islam, di mana amalan asal pemberian mahar berasaskan konsep harga untuk wanita yang ditentukan oleh bapa atau saudara lelaki terdekat kepada wanita tersebut. Lihat Noël J. Coulson, *A History Of Islamic Law* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1994), 14. Menurut adat masyarakat jahiliyyah, perkahwinan tidak sah disisi undang-undang tanpa pemberian mahar yang diberikan kepada wali wanita tersebut. Lihat Raihanah Azahari, "Pengaruh Budaya Dalam Penentuan Kadar Mahar" dlm. *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Mohd Salleh Haji Md @ Haji Ahmad et al., (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 316.

<sup>2</sup> Dalam masyarakat pra-Islam, mahar diberikan sepenuhnya kepada wali wanita tersebut. Sebaliknya, Islam menjadikan mahar hak isteri sepenuhnya dan bukanlah dianggap sebagai harga kepada seorang perempuan. Lihat Yossef Rapoport, "Matrimonial Gifts In Early Islamic Egypt", *Islamic Law and Society*, Vol.7, (2000), 1-2.

<sup>3</sup> Rakesh Kumar, "Law of Dower (Mahr) In India", *Journal of Islamic Law and Culture*, Vol.12, No.1, (2010), 58.

<sup>4</sup> Yossef, "Matrimonial Gifts", 1.

<sup>5</sup> Ziba Mir-Hosseini, *Marriage on Trial: Islamic Family Law in Iran and Morocco*, (I.B.Tauris, 2000), 80.

Melayu, iaitu mahar dan hantaran.<sup>6</sup> Kedua-dua pemberian perkahwinan tersebut berbeza dari sudut pengamalannya di negeri-negeri di Malaysia dan mempunyai konsepnya yang tersendiri menurut amalan masyarakat setempat. Di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung seperti Kelantan dan Terengganu mengamalkan penyelarasan mahar dan hantaran. Ini bermaksud, semua wang yang diberikan walaupun dianggap sebagai hantaran akan disebut di dalam akad sebagai mas kahwin, manakala di negeri-negeri lain pula membezakan di antara mahar dan hantaran. Pentadbiran agama Islam yang berada di bawah bidang kuasa Sultan atau Raja negeri masing-masing telah menyebabkan perbezaan amalan pemberian perkahwinan tersebut, termasuklah perbezaan panduan kadar mahar di setiap negeri.<sup>7</sup> Walaubagaimanapun, perbezaan tersebut bukanlah menjadi persoalan besar masyarakat pada hari ini kerana penetapan panduan kadar mahar bukanlah bersifat mutlak. Sebaliknya, ia hanyalah sebagai garis panduan kepada masyarakat agar mahar tidak diletakkan sewenang-wenangnya pada kadar yang terlalu rendah hingga tidak memberi sebarang manfaat kepada wanita, atau diletakkan pada kadar yang ekstrem hingga memberatkan urusan perkahwinan.

Namun, permasalahannya ialah apabila masyarakat telah terkeliru dalam meletakkan keutamaan kepada adat hantaran berbanding syariat mahar.<sup>8</sup> Ini dibuktikan dengan fenomena hantaran yang dilihat semakin esktrim dalam masyarakat sehingga

---

<sup>6</sup> Raihanah Azahari et.al, "Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dengan Penentuan Kadar Hantaran " dalam *Jurnal Fiqh*, (2009), 107-108.

<sup>7</sup> Di Malaysia, kadar mahar adalah berbeza di setiap negeri berbanding dengan Negara-Negara lain yang kebiasaannya membuat penetapan mahar dalam kadar yang sama. Lihat John L. Esposito & Natana J. De Long-Bas, *Women In Muslim Family Law*, (New York: Syracuse University Press, 2001), 95. Rujuk "Kadar Mas Kahwin Negeri-Negeri", laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, diakses 4 Mei 2011, <http://www.islam.gov.my/maskahwin-negeri-negeri>.

<sup>8</sup> Masyarakat nampaknya telah terkeliru dalam memberikan nilai kepada mas kahwin dan hantaran. Masyarakat kini lebih mengutamakan hantaran daripada mahar, menyebabkan ada segelintir keluarga pihak perempuan sengaja meletakkan hantaran terlalu tinggi sehingga puluhan ribu ringgit. Lihat Raihanah Azahari, "Hubungan Di Antara ", 107-108.

mereka terpaksa untuk membelanjakan wang yang terlalu tinggi mencecah puluhan ribu ringgit semata-mata untuk memenuhi tuntutan hantaran. Sekalipun Islam tidak menghalang pengamalan adat setempat, namun pada masa yang sama Islam juga mementingkan agar urusan perkahwinan diper mudahkan bukan sahaja dalam urusan mahar tapi merangkumi segala urusan perkahwinan termasuklah pemberian hantaran. Lazimnya, perkahwinan pada era ini lebih menilai kepada aspek-aspek material sebagai penanda aras kejayaan sebuah perkahwinan seperti kemampuan mengadakan majlis besar-besaran, bentuk dan kadar hantaran yang elegan yang bertujuan memancing kekaguman orang lain,<sup>9</sup> namun pada masa yang sama masih melihat mahar sebagai satu pemberian yang bersifat klasikal dan rendah nilainya.<sup>10</sup>

Kekeliruan ini berkemungkinan disebabkan oleh persepsi masyarakat yang hanya menganggap mahar sekadar pemberian yang bersifat adat semata-mata,<sup>11</sup> sebaliknya tidak dapat melihat peranan dan hikmah yang terkandung di sebalik pensyariatan mahar. Kesannya, apabila masyarakat semakin mengambil mudah terhadap pemberian mahar, maka pemberian mahar yang disyariatkan seolah-olah gagal memberi apa-apa manfaat dan hikmah kepada wanita melainkan sebatas pemberian simbolik dalam majlis pernikahan sahaja. Hal ini juga berkemungkinan kerana masyarakat tidak dapat melihat potensi dan peranan mahar dengan lebih luas berbanding dengan peranan hantaran yang kebiasaannya digunakan untuk menampung perbelanjaan kenduri perkahwinan. Pensyariatan mahar bertujuan bukan sahaja sebagai lambang kasih sayang antara suami

---

<sup>9</sup> Hafizah Iszahanid, “Hantaran Mahal Lambang Status Pengantin,” *Berita Minggu*, Februari 2009, 22.

<sup>10</sup> Sebagai contoh mahar perkahwinan selebriti Azwaliza Azman dan Kadir Rashid iaitu hanya senashkah Al-Qur'an manakala hantaran mencecah RM 70.000, lihat Norliza Mohd. Zakaria “Kejutan Buat Wawa,” *Utusan Malaysia*, 2009 Januari, 21.

<sup>11</sup> Zainunnisa Abdul Rahman, “Mahar in Malaysia: The Law Revisited”, *Shariah Law Reports*, (2007), 10.

dan isteri, malah berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi isteri.<sup>12</sup> Namun, melihat kepada amalan dan peranannya dalam masyarakat semasa di Malaysia, mahar seolah-olah gagal memberi sebarang manfaat ekonomi kepada wanita.<sup>13</sup> Hal ini berkemungkinan kerana panduan kadar mahar yang sedia ada sudah terlalu rendah dan tidak meraikan keadaan semasa,<sup>14</sup> seolah-olah ia tidak dapat memberi sebarang manfaat dan kepentingan kepada wanita.

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Justeru, kajian ini menjelaskan persoalan berikut:

1. Apakah prinsip mahar dalam Islam dan masyarakat Melayu?
2. Apakah falsafah pensyariatan mahar dalam Islam?
3. Adakah mahar yang ditetapkan boleh berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada golongan wanita?

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji menggariskan beberapa objektif untuk dicapai iaitu:

1. Menjelaskan kedudukan mahar dalam Islam dan masyarakat Melayu.
2. Menjelaskan potensi mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi.
3. Mengenalpasti adakah mahar boleh berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita di Tawau, Sabah.

---

<sup>12</sup> Ghada G. Qaisi, “A Student Note: Religious Marriage Contracts: Judicial Enforcement of Mahr Agreements in American Courts”, *Journal of Law and Religion* 15, (2000), 70. Lihat juga Rakesh, “Law Of Dower, 59.

<sup>13</sup> Bagaimana mahar tersebut boleh berfungsi untuk membeli keperluan dengan kadar yang terlalu kecil. Lihat Zainunnisaa, “Mahar In Malaysia”, 17.

<sup>14</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Famili Harmoni: Memupuk Keluarga Bahagia*, (Shah Alam: Karya Bestari, 2008), 69.

4. Mengemukakan cadangan untuk memperkasakan lagi peranan mahar di Malaysia.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini akan menambah maklumat, menjadi rujukan dan panduan serta meluaskan lagi skop perbincangan mengenai mahar dalam Islam. Hasil daripada kajian akan dapat memberi pendedahan yang bersifat semasa berkaitan dengan kepentingan dan peranan mahar. Kajian ini juga akan membantu pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan-Jabatan Agama Islam dalam membuat peraturan berkenaan pemberian perkahwinan atau garis panduan kadar mahar.

#### **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini tertumpu kepada perbincangan berkenaan institusi mahar, peranan dan falsafah pensyariatannya, amalannya dalam kalangan wanita dan sejauhmana kadar mahar yang diterima dapat memberi manfaat sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita dalam rumahtangga, terutamanya apabila menghadapi saat-saat sukar seperti kematian suami atau perceraian. Skop sosio-ekonomi dalam konteks kajian ini akan menyentuh beberapa aspek yang menjamin kelangsungan hidup responden antaranya meliputi pekerjaan, pendidikan dan pendapatan responden.

## **1.6 LOKASI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di daerah Tawau, Sabah. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada permasalahan semasa yang berlaku di lokasi kajian. Ini kerana, daerah Tawau sering dikaitkan dengan budaya hantaran yang melambung tinggi berbanding nilai mahar. Kepelbagaian etnik Muslim yang mengamalkan kepelbagaian budaya dan fahaman juga menjadi sebab kenapa lokasi kajian ini dipilih. Selain itu, kajian berkaitan kekeluargaan Islam yang menjadikan Sabah khususnya Tawau sebagai lokasi kajian juga tidak banyak dilakukan.

## **1.7 ULASAN KAJIAN LEPAS**

### Mahar Dan Amalannya Menurut Perspektif Islam Dan Masyarakat Melayu

Kajian yang membincangkan tentang mahar dan amalannya dalam masyarakat Melayu antaranya oleh Raihanah Azahari,<sup>15</sup> *Pengaruh Budaya Dalam Penentuan Kadar Mahar* dan Raihanah Azahari<sup>16</sup> *Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dan Penetapan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak*. Kajian-kajian tersebut membincangkan tentang pemberian mahar menurut perspektif Islam dan hantaran menurut masyarakat Melayu. Kajian juga lebih melihat kepada indikator dan faktor yang diambilkira dalam penentuan mahar dan hantaran dalam masyarakat. Perbincangan mengenai hikmah pensyariatan mahar turut dibincangkan namun dalam skop yang lebih umum. Azman Abd. Rahman dan Zahari Musa<sup>17</sup> dalam kertas kerja *Nilai Mas Kahwin Dan Hantaran Di Malaysia Serta Kesannya Terhadap Kebahagiaan Dalam*

---

<sup>15</sup> Raihanah, “Pengaruh Budaya”, 315-323.

<sup>16</sup> Raihanah, “Hubungan Di Antara”, 107-124.

<sup>17</sup> Azman Abd. Rahman dan Zahari Musa, “Nilai Mas Kahwin Dan Hantaran Dan Kesannya Kepada Kebahagiaan Rumahtangga”, (makalah, Seminar Falsafah Perkahwinan, Mac 2006) 1-13.

*Rumahtangga* membincangkan tentang konsep mahar dan hantaran secara umum. Ia juga menyentuh tentang latar belakang pensyariatan mahar dan kesan-kesan pemberian mahar dalam perkahwinan. Walaubagaimanapun, skop perbincangan lebih menekankan kepada kesan pemberian mahar dari segi sosial iaitu terhadap kesejahteraan rumah tangga. Zainunnisa Abdul Rahman dalam *Mahar in Malaysia: The Law Revisited*<sup>18</sup> pula membincangkan tentang urusan mahar serta pengaplikasiannya menurut kerangka Undang-Undang di Malaysia. Perbincangan juga menyentuh beberapa permasalahan yang berlaku berkenaan panduan kadar mahar yang dilihat terlalu rendah dan tidak meraikan keadaan semasa seakan tidak memberi apa-apa nilai kepada wanita, berbanding dengan amalan mahar di Negara-Negara lain. Nora Abdul Hak dalam dalam *Right Of Women To Mahar (Dower) Under Islamic Law and Malaysian Family Law: Some Suggestion For Reform*<sup>19</sup> menyentuh beberapa isu tentang mahar dan beberapa cadangan ke arah penambahbaikan sistem dan amalannya di Malaysia. Antara cadangannya adalah menilai semula kadar mahar yang dilihat tidak sudah tidak relevan dengan keperluan dan keadaan semasa masyarakat, memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan konsep mahar dan kepentingannya secara menyeluruh menurut Islam. Walaubagaimanapun, beberapa perbincangan tersebut tidak menyentuh berkenaan amalan dan kepentingan mahar kepada wanita.

Kajian khusus di peringkat Sarjana Muda banyak dilakukan namun didapati kebanyakan penulisan hanya membincangkan konsep asas mahar dan amalannya dalam masyarakat. Terdapat beberapa kajian di peringkat Sarjana antaranya Wan Bazli Fariz Bin Wan Bakar yang bertajuk *Mahar Dan Hantaran Dalam Perkahwinan: Satu Kajian*

<sup>18</sup> Zainunnisa, “Mahar In Malaysia”, 1-18.

<sup>19</sup> Nora Abdul Hak, *Right Of Women To Mahar (Dower) Under Islamic Law and Malaysian Family Law: Some Suggestion For Reform*, Journal Of Islamic Law Review 8 (2012), 215-229.

*Terhadap Amalannya Di Daerah Kuala Berang, Terengganu.*<sup>20</sup> Namun, didapati kajian hanya membincangkan konsep asas mahar, dasar penetapan kadar dan kefahamannya dalam masyarakat. Meskipun kajian-kajian lepas telah banyak menyentuh perbincangan mahar, namun jika diteliti kebanyakannya daripada kajian-kajian tersebut bersifat tipikal dengan hanya memfokuskan tentang konsep mahar dan indikator yang diambilkira dalam penetapan kadar mahar. Justeru, didapati kajian yang memfokuskan falsafah pensyariatan mahar dan kepentingannya kepada wanita dalam konteks masyarakat Melayu Muslim di Malaysia agak jarang dilakukan.

### Falsafah Pensyariatan Mahar

Penulisan yang membincangkan falsafah dan tujuan pensyariatan mahar antaranya *The Rights Of Women In Islam* oleh Asghar Ali Engineer,<sup>21</sup> Flavia Agnes dalam tulisannya *Economic Rights of Women In Islamic Law*<sup>22</sup>, John L. Esposito & Natana J. De Long-Bas (2001), *Women In Muslim Family Law*,<sup>23</sup> dan *The Rights Of Wowen In Islam* tulisan Murtada Mutahhari.<sup>24</sup> Penulisan-penulisan tersebut juga membincangkan hak-hak ekonomi wanita dalam rumah tangga atau selepas berlakunya perceraian. Sejarah kemunculan mahar sebelum kedatangan Islam dan falsafah yang membezakan mahar dengan amalan pemberian perkahwinan masyarakat lain turut dibincangkan, di mana

---

<sup>20</sup> Wan Bazli Fariz Bin Wan Bakar, “Mahar Dan Hantaran Dalam Perkahwinan: Satu Kajian Terhadap Amalannya Di Daerah Kuala Berang, Terengganu”, tesis sarjana: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001.

<sup>21</sup> Ashgar Ali Engineer, *The Rights Of Women In Islam*, ed. ke-3, (New Delhi: Sterling Publishers Private Limited, 2008), 297-300.

<sup>22</sup> Flavia Agnes, “Economic Rights of Women In Islamic Law”, *Economic and Political Weekly* 31, (1996), 2832-2838.

<sup>23</sup> L. Esposito & Natana, *Women In Muslim Family Law* (New York: Syracuse University Press, 2001), 23-97.

<sup>24</sup> Murtada Mutahhari, *The Rights Of Women In Islam*, (Tehran: World Organization For Islamic Services, 1980).

sistem mahar Islam jelas memberi manfaat kepada wanita berbanding sistem *dowry* dan *bride-price*. Namun, skop perbincangan tidak membincangkan secara detil tentang peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita. Di samping itu, pengkaji juga melihat tulisan-tulisan berkenaan amalan pemberian perkahwinan masyarakat lain seperti *dowry* dan *bride-price* untuk melihat amalannya dan perbandingan sistemnya dengan mahar, antaranya Veena Talwar Oldenburg dalam *Dowry Murder: The Imperial Origins of a Cultural Crime, Bride Burning In India: A Socio Legal Study* oleh Mohd Umar, *The Economics Of Brideprice and Dowry: A Marriage Market Analysis* oleh Michele Tetrilt dan *Bridewealth and Dowry* oleh Jack Goody & Stanley Jeyaraja Tambiah.

#### Peranan Dan Potensi Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita

Penulisan yang memberi fokus kepada pengurusan, peranan dan potensi mahar dalam kalangan wanita, antaranya *The Social Function Of Mahr In Upper Mandailing, Sumatera* tulisan Donald J.Tugby,<sup>25</sup> *Danish Law And The Practice Of Mahr Among Muslim Pakistanis In Denmark* tulisan Rubya Mehdi<sup>26</sup> dan *Women And Dower Property In 12<sup>th</sup> Century Palestine in Jabal Neblus* tulisan Annelis Moors.<sup>27</sup>

Penulisan yang memfokuskan secara langsung tentang potensi dan peranan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada wanita di Malaysia belum ditemukan. Namun, terdapat juga beberapa penulisan luar seperti seperti *Dower In India*

<sup>25</sup> Donald G.Tugby, "The Social Function Of Mahr In Upper Mandailing Sumatera," American Anthropologist, Blackwell Publishing 61, No. 4 (1959), 631-640.

<sup>26</sup> Rubya Mehdi, "Danish Law And The Practice Of Mahr Among Muslim Pakistanis In Denmark", International Journal Of The Sociology Of Law 31 (2003), 115-129.

<sup>27</sup> Annelies Moors, "Women and Dower Property in Twentieh-Century Palestine: The Case of Jabal Neblus", Islamic Law and Society 1 (1994), 301-331.

tulisan Rakesh Kumar,<sup>28</sup> Ghada G. Qaisi dalam penulisannya *A Student Note: Religious Marriage Contracts: Judicial Enforcement of Mahr Agreements in American Courts*,<sup>29</sup> *Dower And Social Class* tulisan J.Henry Korson,<sup>30</sup> *Marriage On Trial: Islamic Family Law In Iran And Morocco* oleh Ziba Mir-Hosseini,<sup>31</sup> *The Islamic Institution of Mahr and American Law* oleh Richard Freeland<sup>32</sup> dan *Matrimonial Gifts In Early Egypt* tulisan Yossef Rapoport.<sup>33</sup> Beberapa penulisan tersebut mendapati mahar telah meningkatkan status dan taraf sosio-ekonomi wanita di samping berpotensi menjadi sekuriti ekonomi ketika berlaku perceraian atau kematian suami. Walaubagaimanapun, beberapa perbincangan tersebut lebih menumpukan kepada peranannya secara umum dari konteks sosial dalam menjaga hubungan suami isteri. Kajian-kajian tersebut juga merujuk kepada budaya dan corak hidup yang diamalkan di lokasi-lokasi kajian sahaja yang lazim memberikan mahar dalam dalam keadaan bertangguh dengan kadar yang tinggi seperti rumah, kereta atau tanah.

Justeru, kajian ini akan menyentuh beberapa topik yang sebelum ini tidak dibincangkan dalam kajian-kajian lepas. Tambahan pula, lokasi kajian kali ini tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini berkaitan amalan dan peranan mahar. Oleh itu, pengkaji beranggapan masih terdapat lagi ruang kajian yang belum disentuh oleh kajian lepas terutamanya perbincangan yang memfokuskan peranan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

---

<sup>28</sup> Rakesh, “Law Of Dower”, 58-73.

<sup>29</sup> Ghada, “A Student Note: Religious Marriage Contracts”, 67-81.

<sup>30</sup> J. Henry Korson, “Dower and Social Class in an Urban Muslim Community”, *Journal of Marriage and Familly* 29 (1967), 527-533.

<sup>31</sup> Ziba Mir-Husaini, *Marriage On Trial: Islamic Family Law In Iran And Morocco*, (London: I.B.Tauris & Co. Ltd., 1993) 72-97.

<sup>32</sup> Richard Freeland, “The Islamic Institution of Mahr and American Law”, laman sesawang law.gonzaga.edu, diakses 31 Oktober 2011, <http://www.law.gonzaga.edu/files/GJIL-Vol4-IslamicInstitution.pdf>

<sup>33</sup> Yossef, “Matrimonial Gifts”, 1-36.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini meliputi dua metod:

1. Metod Pengumpulan Data
2. Metod Analisis Data

### **1.8.1 Metod Pengumpulan Data**

Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji menggunakan metod-metod yang berikut:

- a) Metod Kepustakaan

Metod kepustakaan menjadi asas dalam mengolah persoalan utama mengenai konsep dan falsafah pensyariatan mahar dalam Islam. Metod ini digunakan untuk mengenal pasti konsep mahar menurut Islam dan adat Melayu. Metodologi ini digunakan untuk mendapatkan data-data kajian di dalam bab pertama, bab kedua, bab ketiga dan bab keempat. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Pendeta Za'ba, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya.
5. Perpustakaan Pusat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
6. Perpustakaan Negara Malaysia.
7. Perpustakaan Daerah Tawau, Sabah.

b) Temubual

Data primer juga dikumpulkan melalui kaedah temubual yang difokuskan kepada beberapa tema penting digunakan untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian iaitu adakah mahar yang diterima berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita di Tawau, Sabah.

Beberapa langkah telah diambil dalam memastikan data-data temubual yang diperoleh boleh dipercayai atau *reliable*. Antaranya, pengkaji terlebih dahulu menjalankan kajian rintis sebelum melakukan kajian sebenar. Melalui kajian rintis ini, pengkaji berpeluang memperbaiki soalan temubual yang kurang bertepatan dengan objektif utama kajian. Dalam kajian rintis ini, pengkaji menguji tahap kebolehpercayaan item set temubual sebelum melakukan kajian sebenar. Sampel yang digunakan dalam kajian rintis mempunyai ciri yang sama dengan sampel dalam kajian sebenar. Dalam kajian rintis, pengkaji hanya memilih seramai 6 responden daripada mereka yang sudah berkahwin daripada latar belakang yang berbeza.

Sebelum menjalankan temubual, pengkaji telah membuat temujanji terlebih dahulu bersama responden bagi memastikan mereka betul-betul bersedia untuk ditemubual. Sebelum temubual berakhir, penulis telah membuat proses verifikasi data agar data dan maklumat yang diberikan oleh responden tidak tercicir dan bertepatan dengan maksud sebenar mereka. Semua hasil temubual akan diulang dengar semula dan ditranskripkan satu persatu dalam bentuk dialog yang lebih tersusun dan teratur. Temubual dirakamkan menggunakan perakam suara bagi memudahkan proses analisis dan simpanan data. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara manual mengikut tema bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang ditetapkan.

Kajian sebenar melibatkan 13 orang responden sebagai sampel yang terdiri daripada pelbagai etnik Melayu muslim di Tawau, Sabah yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Sampel dipilih secara bertujuan melalui kaedah *purposive sampling* untuk melihat adakah mahar yang diterima berperanan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

### **1.8.2 Metod Analisis Data**

#### a) Analisis Deskriptif

Metod ini digunakan dalam menganalisis dan mendeskripsikan data temubual untuk menjawab segala persoalan kajian secara intensif dan terperinci berkenaan amalan mahar dan peranannya dalam kalangan wanita serta melihat hubungan antara satu dapatan dengan dapatan yang lain. Pengkaji menggunakan metod deskriptif kualitatif kerana hasil analisis kajian ini berupa data deskriptif dalam bentuk kata tertulis dan lisan daripada para responden.

## **1.9 SISTEMATIKA PENULISAN**

Kajian ini mengandungi lima bab utama. Bab pertama adalah pendahuluan yang merangkumi latar belakang masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian atau batasan kajian dan metodologi yang digunakan dalam melakukan kajian. Selain itu, sorotan kajian lepas turut dimuatkan dalam bab ini bagi membantu memperoleh maklumat yang berkaitan serta mengelakkan pengkaji daripada membuat kajian yang sama dengan kajian sebelumnya. Di akhir bab disertakan sistematika penulisan untuk memberi gambaran dan pembahagian bab dalam kajian ini.

Bab kedua pula mengemukakan perbincangan berkenaan mahar dalam Islam dan masyarakat Melayu yang meliputi pendefinisian, sejarah pemberian mahar, jenis-jenis mahar, kadar dan syarat-syarat mahar dalam Islam. Dalam bab ini juga disentuh berkenaan mahar dan hantaran dalam masyarakat Melayu termasuk amalannya di Tawau, Sabah.

Seterusnya, bab ketiga merupakan landasan teori bagi kajian ini. Dalam bab ini dibincangkan berkenaan pensyariatan mahar, falsafah pensyariatannya dan peranan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita dalam perkahwinan atau ketika menghadapi musibah seperti perceraian atau kematian suami. Di samping itu, pengkaji turut membincangkan beberapa perkara yang perlu diambilkira dalam memperkasakan peranan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

Bab keempat pula merupakan analisis kajian. Dalam bab ini, dapatan kajian yang diperolehi melalui hasil temubual dengan para responden ditunjukkan dalam bentuk jadual serta diuraikan setiap persatu supaya penjelasannya lebih mudah difahami. Dalam konteks kajian ini, analisis kajian lebih menumpukan kepada persepsi responden berkenaan mahar, amalan mahar dalam kalangan responden, relevansi kadarnya dan peranan dan potensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

Bab kelima merupakan kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga memuatkan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi menambah baik urusan mahar serta memperkasakan lagi peranannya kepada wanita.

## BAB 2

### MAHAR MENURUT ISLAM DAN MASYARAKAT MELAYU

#### 2.1 Mahar Menurut Islam

Mahar merupakan harta atau manfaat yang wajib diberikan oleh seorang suami kepada isteri samada dengan sebab pernikahan<sup>34</sup> atau persetubuhan.<sup>35</sup> Mahar juga disebutkan dalam Al-Qur'ān sebagai *ṣaduq*,<sup>36</sup> *nīḥlāh*,<sup>37</sup> *farīdah*,<sup>38</sup> *hibā'* dan *ajr*.<sup>39</sup> Namun, keseluruhan daripada istilah-istilah tersebut membawa maksud dan pengertian yang hampir sama.<sup>40</sup> Lambang kejujuran, tanda persetujuan dan pemberian wajib yang tidak mengharapkan balasan merupakan antara rangkuman nilai di sebalik pengertian mahar. Mahar bukanlah sekadar hadiah pemberian wajib kepada isteri, tetapi lebih cenderung kepada pemberian yang bernilai dan berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita,<sup>41</sup> kerana mahar pada dasarnya mestilah dengan sesuatu yang berharga dan mempunyai nilai.

<sup>34</sup> 'Abdul Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fī as-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 7: 49.

<sup>35</sup> Mahar diwajibkan dengan sebab berlakunya *dukhūl* iaitu persetubuhan secara hakiki, termasuklah persetubuhan secara *syubhah* daripada nikah yang *fasid*. Lihat Wahbah Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr 1989), 7: 252. Sekiranya telah terjadi persetubuhan antara suami dan isteri, maka suami wajib memberikan mahar sebagai satu kewajipan kerana kewajipan pemberian mahar dinaskan dalam Al-Quran. Justeru, tidak ada sebab untuk mengingkarinya. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad Al-Sarkhasī, *Al-Mabsūt* (Beirut, Lubnān: Dār Ibn Hazm, 1978), 64.

<sup>36</sup> Lihat An-Nisā': 4.

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Lihat Al-Baqarah: 236.

<sup>39</sup> Lihat At-Talāq: 10.

<sup>40</sup> 'Abd. Rahmān Al-Jazīrī, *Al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah* (Lubnān: Dār Ibn Hazm, 2001) 4: 224.

<sup>41</sup> G. Qaisi, "A Student Note: Religious Marriage Contracts", 70. Lihat juga Shamim Aleem, *Prophet Muhammad(s) and His Family: A Sociological Perspective* (Bloomington, IN : AuthorHouse, 2007), 93. Lihat juga Henry, "Dower and Social Class", 530.

Mahar bukanlah syarat sah atau rukun nikah,<sup>42</sup> sebaliknya merupakan kesan dan tanggungjawab yang lahir setelah sahnya akad pernikahan. Justeru, ia wajib ditunaikan oleh suami sepermata suami wajib memberikan nafkah yang juga merupakan kesan daripada akad pernikahan yang sah. Menyebut dan memperjelaskan mahar ketika akad bukanlah menjadi satu kewajipan, namun ia digalakkan<sup>43</sup> untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang pertikaian pada masa akan datang. Sekiranya mahar tidak disebutkan dalam akad, pernikahan tetap sah di sisi syara'<sup>44</sup> sementara mahar tetap wajib ditunaikan dan akan menjadi hutang suami.<sup>45</sup> Begitu juga sekiranya terjadi musibah dalam rumah tangga seperti kematian suami sebelum pemberian mahar, mahar tersebut tetap menjadi hutang<sup>46</sup> yang mesti dilunaskan oleh warisnya (keluarga suami).<sup>47</sup> Mahar yang tetap menjadi hutang suami atau warisnya (sebagaimana dalam dua keadaan yang tersebut) menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf mahar sebagai pemberian yang sangat penting kepada wanita. Pensyariatan mahar yang bertujuan memberi hak pemilikan harta kepada wanita<sup>48</sup> menunjukkan bahawa mahar adalah harta atau aset yang produktif dan bernilai tinggi kepada wanita.

---

<sup>42</sup> Muḥammad Abū Zuhrah, *al-Āḥwāl al-Shakhsīyyah* (Beirut: Dār al-Fikr al-`Arabi, 1957), 169.

<sup>43</sup> Terdapat sebahagian fuqaha' daripada kalangan mazhab Syafi'e yang mengatakan bahawa menyebut kadar mahar ketika akad ialah sunat. Mereka berpendapat sedemikian kerana Nabi Muhammad S.A.W. tidak pernah berkahwin atau mengahwinkan anaknya dan orang lain tanpa menyebutkan kadar mahar. Lihat Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 53. Sebahagiannya pula berpendapat bahawa tidak menyebut jumlah mahar dalam akad adalah makruh. Wahbah Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī Wa-AdillatuhU*, (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989), 7: 258.

<sup>44</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 271.

<sup>45</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 88.

<sup>46</sup> Shamim Akhter, *Faith And Philosophy In Islam* (India : Kalpaz Publications, 2009), 223.

<sup>47</sup> G. Qaisi, "A Student Note", 67.

<sup>48</sup> Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 102.

Kewajipan mahar dalam perkahwinan disepakati oleh para ‘ulama<sup>49</sup>, sebagaimana yang telah disyariatkan dalam Al-Qur’ān dan As-Sunnah sepetimana yang berikut;

فَمَا اسْتَمْتَعْنُ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِصَّةً

An-Nisā’ 4: 24

Terjemahan: Maka, isteri-isteri yang telah kamu nikmati (setubuhi) dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maharnya (yang sempurna) sebagai suatu kewajipan.

فَالْتَّمِسْنَ وَلَوْ خَاتِمًا مِنْ حَدِيدٍ

Terjemahan: Carilah (untuk mahar) walaupun sebentuk cincin besi.<sup>50</sup>

Berdasarkan dalil-dalil pensyariatan mahar tersebut, tidak dinafikan bahawa wujud perkaitan antara pemberian mahar dengan *istimtā’*. Ini kerana, Allah S.W.T. memerintahkan kepada para suami yang telah mencampuri isteri mereka agar memberikan mahar sebagai satu pemberian yang wajib. Terdapat juga hadith<sup>51</sup> yang menceritakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. melarang ‘Alī Bin Abī Ṭālib daripada menggauli isterinya, Fātimah sebelum menunaikan hak mahar Fātimah.<sup>52</sup> Ditambah pula dengan sebahagian fuqaha<sup>53</sup> yang menggambarkan mahar seolah-olah hanya sebagai

<sup>49</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 50.

<sup>50</sup> Hadith Riwayat Abu Daud, Kitab Al-Nikāh, Bāb fī al-Tazwīj ‘alā al-‘Amali Yu’mal, no. hadith 2111. Abu Daud mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ*.

<sup>51</sup> Lihat Hadith Riwayat Abu Daud, Kitab Al-Nikāh, Bāb fī al- Rajuli Yadkhulu Biimratih Qabla An Yanqudahā Syaia’n, no. hadith 2126. Hadith ini *Dai’f* menurut Abu Daud.

<sup>52</sup> Abū Zuhrah, *al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah*, 170.

<sup>53</sup> Sebahagian fuqaha’ daripada kalangan mazhab Hanafi mendefinisikan mahar sebagai sejumlah harta yang menjadi hak isteri karena akad perkahwinan atau terjadinya hubungan kelamin suami isteri. Ulama’ mazhab Maliki pula mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menjadikan isteri halal untuk disetubuhi. Sementara Ulama mazhab Syafi’e mendefinisikannya sebagai sesuatu yang wajib diberi

imbalan dan upah kepada *istimtā'* iaitu persetubuhan yang dinikmati oleh suami dan isteri.<sup>54</sup> Beberapa indikator tersebut tidak menggambarkan konsep dan falsafah di sebalik pensyariatan mahar secara keseluruhannya dan menunjukkan bahawa mahar masih diertikan dalam skop yang sempit. Ia bukan sahaja memberi implikasi terhadap status wanita dalam kehidupan berumahtangga, bahkan memberi kesan yang negatif<sup>55</sup> terhadap peranan mahar itu sendiri seolah-olah ia hanya sebagai bayaran untuk menghalalkan hubungan kelamin semata-mata sepertimana amalan dan tradisi masyarakat Jahiliyyah.

Islam mengiktiraf bahawa mahar merupakan hak ekslusif seorang isteri. Justeru, selagimana hak mendapatkan mahar belum ditunaikan oleh suami seperti yang dijanjikan dan dipersetujui bersama, maka isteri berhak untuk menafikan hak dan tanggungjawabnya kepada suami.<sup>56</sup> Ini bermakna, isteri bukan sahaja berhak menahan diri daripada persetubuhan bersama suaminya,<sup>57</sup> malahan dalam konteks hak dan tanggungjawab rumah tangga yang lain,<sup>58</sup> seperti tanggungjawab mentaati suami atau menguruskan keperluan rumah tangga yang lain. Walaubagaimanapun, walaupun mahar belum diberikan kepada isteri, hubungan kelamin suami isteri tidaklah menjadi haram<sup>59</sup> atas keredhaan dan pelepasan hak yang diberikan oleh isteri, kerana mahar tersebut akan menjadi hutang suami kelak. Sekiranya isteri diceraikan sebelum berlakunya persetubuhan, bekas isteri juga berhak mendapatkan separuh mahar sekiranya mahar

---

disebabkan akad nikah atau persetubuhan. Ulama mazhab Hanbali pula mendefinisikannya sebagai balasan dari suatu perkahwinan, termasuk dengan sebab persetubuhan. Lihat Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 251.

<sup>54</sup> Pascale Fournier, *Muslim Marriage*, 16. Lihat juga Al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī*, 257.

<sup>55</sup> Ia memberi gambaran mahar seakan gantian harga diri, barang dagangan, harga belian atau seumpamanya. Lihat Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya”, 315-316.

<sup>56</sup> Sābiq, al-Sayyid, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dār al-Fatḥ li-al-Ilām al-`Arabī, 2000) 2: 104. Lihat juga Mehdi, “Danish Law”, 117.

<sup>57</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 85. Lihat juga Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa* (Selangor: Intel Multimedia And Publication, 2007), 48.

<sup>58</sup> Agnes, “Economic Rights”, 2833.

<sup>59</sup> Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 104.

disebutkan dan dijelaskan ketika akad.<sup>60</sup> Begitu juga sekiranya suami meninggal dunia sebelum berlaku persetubuhan, isteri juga berhak mendapatkan keseluruhan maharnya.<sup>61</sup> Hal tersebut bukan sahaja menafikan bahawa mahar merupakan bayaran untuk persetubuhan, bahkan secara tidak langsung menunjukkan bahawa pensyariatan mahar bertujuan memberikan satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada wanita, terutamanya apabila berlaku musibah dalam rumah tangga seperti perceraian atau kematian suami.

## 2.2 Sejarah pemberian mahar

Pemberian mahar dalam perkahwinan telah diamalkan semenjak zaman pra-Islam lagi. Namun, mahar dalam konteks amalan masyarakat pra-Islam adalah sebagai bayaran ganti dan harga kepada seorang wanita yang kebiasaan dimiliki oleh penjaga kepada wanita tersebut.<sup>62</sup> Dalam amalan masyarakat Jahiliyyah, mahar merupakan syarat sah perkahwinan. Ini kerana, setelah mahar diberikan barulah perkahwinan tersebut dianggap sah dari segi undang-undang.<sup>63</sup> Bayaran mahar juga dianggap sebagai balasan dan upah<sup>64</sup> kepada wali yang menjaga dan membesarwan wanita tersebut.<sup>65</sup> Amalan tersebut menunjukkan wanita seolah-olah dijadikan barang dagangan, sementara mahar merupakan bayaran kepada penjaga atau wali untuk mendapatkan wanita yang ingin dinikahi.

---

<sup>60</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 104.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 90.

<sup>62</sup> Rakesh, “Law of Dower”, 58. Lihat juga juga Yossef, “Matrimonial Gifts”, 1-2.

<sup>63</sup> Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya”, 316.

<sup>64</sup> Di dalam kitab-kitab tafsir juga disebutkan apabila seorang anak perempuan dilahirkan, masyarakat di sekelilingnya akan mengucapkan tahniah kepada ayah si bayi dengan mengatakan, “selamat, semoga ia menjadi sumber kekayaan untukmu.” Hal ini adalah satu petanda bahawa ayahnya akan mendapat kekayaan ketika mengahwinkannya dengan orang lain, kerana mas kahwin yang diberikan akan menjadi hak milik ayahnya. Lihat Murtada, *The Rights Of Women*, 204.

<sup>65</sup> Ismā`il ibn `Umar Ibnu Kathīr, *Tafsīr Ibnu Kathīr: Tafsīr Ibnu Kathīr*, terj. M. Abd. Ghoffar E.M. et al. (Bogor: Pustaka Imam As-Syafie, 2008), 234.

Pemberian mahar berbentuk manfaat juga telah diamalkan satu ketika dulu seperti mahar perkahwinan Nabi Musa A.S. dengan puteri Nabi Syu'aib A.S.<sup>66</sup> Namun, manfaat tersebut juga menjadi hak wali. Ini kerana, calon suami mesti berkerja dengan bakal mentuanya sebelum berkahwin, dan pekerjaan (manfaat) itu akan dikira sebagai mahar perkahwinannya. Firman Allah:

قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنْكِحَكَ إِخْدَى ابْنَيَ هَاتِئِنِ عَلَى أَنْ  
تَأْجُرِنِي ثَمَانِي حِجَّاجٍ فَإِنْ أَتَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ وَمَا  
أُرِيدُ أَنْ أَشْقَى عَلَيْكَ سَتَّاجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ

Al-Qaṣāṣ 28: 27

Terjemahan: Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): "Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang daripada dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama lapan tahun. Jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu, engkau akan dapati aku Insya Allah, daripada orang-orang yang baik (layanannya)".

Konsep mahar yang diamalkan pada zaman pra-Islam juga dilihat menindas hak-hak wanita dan tidak dapat melindungi wanita dalam rumah tangga. Ini kerana, suami juga berhak menuntut kembali mahar yang telah diberikan samada keseluruhan atau sebahagiannya dengan bertindak kasar supaya isterinya akan meminta cerai daripadanya. Kesan daripada perceraian itu, isteri haruslah memulangkan kembali mahar tersebut sepetimana yang dikehendaki suami.<sup>67</sup> Pensyariatan mahar dalam Al-Quran telah

<sup>66</sup> Rujuk Al-Qaṣāṣ: 27.

<sup>67</sup> Murtada, *The Rights Of Women*, 207.

merubah konsep<sup>68</sup> mahar yang sebelum ini tidak telus dan menindas hak wanita kepada satu pemberian yang melindungi hak wanita. Allah S.W.T. berfirman dalam Al-Qur'an:

وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذَهَّبُوا بِعَضِيْ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ

An-Nisā' 4:19

Terjemahan: Dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya.

Berikut itu, wali yang sebelum ini mempunyai hak ke atas pemilikan mahar tidak berhak lagi menganggap mahar tersebut sebagai hak milik mereka<sup>69</sup> kerana mahar yang disyariatkan Islam menjadi hak ekslusif isteri. Suami juga tidak berhak memaksa isterinya (yang telah disetubuhi) untuk memulangkan mahar yang telah diberikan sekiranya berlaku perceraian. Islam juga tidak menganggap bahawa mahar sebagai bayaran kepada nilai dan harga diri bagi seorang wanita, sebaliknya sebagai pemberian yang bertujuan memberi penghormatan dan perlindungan kepada wanita.<sup>70</sup>

---

<sup>68</sup> Cyril Glassé dan Huston Smith, *The New Encyclopedia Of Islam* (Walnut Creek, CA: AltaMira Press, 2001), 281.

<sup>69</sup> Muṣṭafā Al-‘Adāwī, *Jāmi’Aḥkām An-Nisā'* (Riyādh: Dār As-Sunnah, 1992), 294. Lihat juga Murtada, *The Rights Of Women In Islam*, 205.

<sup>70</sup> Pascale, *Muslim Marriage, Muslim Marriage in Western Courts: Lost in Transplantation* (England: Ashgate Publishing, 2010), 16.

## 2.3 Jenis Mahar

Kesan daripada lafaz akad akan menyebabkan pengklasifikasian mahar yang berbeza, iaitu:

### 1. Mahar Musammā

Mahar *musammā* merupakan mahar yang disebutkan jumlahnya ketika atau selepas akad dan disepakati<sup>71</sup> oleh kedua belah pihak. Para ulama' berpendapat mahar haruslah diberikan sepenuhnya apabila terjadinya salah satu daripada beberapa perkara berikut;

- Persetubuhan telah berlaku,<sup>72</sup> kerana mahar melibatkan hak seorang isteri. Hal ini berdasarkan firman Allah:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً

An-Nisā' 4: 24

Terjemahan: Maka, isteri-isteri yang telah kamu nikmati (setubuh) dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maharnya (yang sempurna) sebagai suatu kewajipan.

- Salah seorang di antara pasangan (suami atau isteri) meninggal dunia,<sup>73</sup> walaupun sebelum berlakunya persetubuhan.<sup>74</sup> Hal ini berdasarkan hadith

Rasulullah S.A.W:

فِي رَجُلٍ تَزَوَّجُ امْرَأَةً فَمَاتَ عَنْهَا وَلَمْ يَدْخُلْ إِلَيْهَا وَلَمْ يَعْرِضْ لَهَا الصِّدَاقَ، فَقَالَ : لَهَا الصِّدَاقُ كَامِلاً وَعَلَيْهَا الْعِدَّةُ وَلَهَا الْمِيرَاثُ

<sup>71</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 265.

<sup>72</sup> Para fuqaha' bersetuju sekiranya telah berlaku persetubuhan antara suami isteri ketika mahar disebutkan ketika akad, maka isteri berhak mendapatkan mahar *musammā* keseluruhannya dan tiada sebab untuk menggugurkan atau menafikannya, dan ianya akan menjadi hutang suami. Lihat Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 88.

<sup>73</sup> Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 104.

<sup>74</sup> Karīm Zaydān (1993), *Al-Mufaṣṣal*, 90.

Terjemahan: Sekiranya seorang lelaki mengahwini seorang perempuan, kemudian lelaki tersebut meninggal dunia sebelum berlakunya persetubuhan dan sebelum memberikan mahar, maka Rasulullah bersabda: “Untuknya (isteri) keseluruhan mahar, dan baginya ‘iddah dan harta pusaka.”<sup>75</sup>

Terdapat juga keadaan di mana isteri berhak mendapatkan separuh mahar sahaja.

Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

وَإِنْ طَلَقُتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ هُنَّ  
فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ إِلَّا أَنْ يَعْفُونَ أَوْ يَعْفُوَ الَّذِي  
بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ ۝ وَإِنْ تَعْفُوا أَفْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۝ وَلَا  
تَنْسِئُوا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ ۝ إِنَّ اللَّهَ يُمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Al-Baqarah 2: 237

Terjemahan: Sekiranya kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal sesungguhnya kamu telah menentukan maharnya, maka berilah separuh daripada mahar yang telah kamu tentukan itu, kecuali jika isteri-isterimu memaafkan atau dimaafkan oleh orang yang memegang ikatan nikah, dan kemaafan kamu itu lebih dekat kepada taqwa. Dan janganlah kamu melupakan keutamaan antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang kamu kerjakan.

---

<sup>75</sup> Hadith Riwayat Abu Dāūd, Kitab Al-Nikāh, Bāb fī Man Tazawwaja Wa Lam Yusammā Lahā Ṣadāqan Hattā Māta, no. hadith 2114. Hadith ini *Sahīh* menurut Abu Dāūd.

Berdasarkan ayat tersebut, isteri hanya berhak mendapatkan separuh mahar sahaja apabila terjadinya keadaan-keadaan yang berikut:

- i. Perceraian (talak) berlaku sebelum persetubuhan.<sup>76</sup>
- ii. Mahar telah ditentukan.<sup>77</sup>
- iii. Isteri tetap ingin menuntut haknya.<sup>78</sup>

Pemberian separuh mahar adalah lambang kasih sayang Islam dalam memuliakan dan memberikan hak yang sepatutnya kepada wanita yang diceraikan berdasarkan prinsip ‘*Taṣrīḥ bi Ihsān*’ iaitu melepaskan dengan cara yang baik.<sup>79</sup> Ini bermakna, walaupun ikatan suami isteri telah terpisah, hubungan baik di antara mereka tetap harus dijaga tanpa memudharatkan atau menzalimi hak-hak bekas isteri<sup>80</sup> seperti hak menerima separuh mahar atau mendapatkan mut‘ah. Pemberian separuh mahar kepada isteri yang diceraikan juga membuktikan bahawa mahar bukanlah bayaran kepada persetubuhan semata-mata, bahkan sebagai satu bentuk penghargaan dan jaminan sosio-ekonomi wanita terutama apabila berlaku musibah dalam rumahtangga seperti perceraian.

Terdapat juga beberapa keadaan di mana isteri tidak berhak mendapat mahar samada keseluruhan atau sebahagiannya. Hal ini disebabkan oleh:

- i. Berlaku fasakh disebabkan akad nikah yang fasid.

Sekiranya berlaku perpisahan disebabkan akad yang fasid,<sup>81</sup> seperti tersilap wali atau tidak memenuhi syarat dalam rukun nikah, maka isteri tidak berhak

<sup>76</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 104. Lihat juga Al-‘Adāwī, *Jāmi’ Aḥkām*, 309.

<sup>77</sup> Abū Zuhrah, *al-Ahwāl al-Shakhsīyyah*, 194.

<sup>78</sup> Ala’eddin Kharofa, *Islamic Family Law: A Comparative Study With Other Religions* (Selangor: Syarikat Percetakan Ihsan, 2004), 91.

<sup>79</sup> Lihat Abū Zuhrah, *al-Ahwāl al-Shakhsīyyah*, 194.

<sup>80</sup> Ismā`il ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-Āzīm* (Kaherah: Muassasah Qurtubah, t.t.), 2: 341.

<sup>81</sup> Abū Zuhrah, *al-Ahwāl al-Shakhsīyyah*, 205.

mendapatkan mahar tersebut dengan syarat belum berlaku persetubuhan di antara mereka (suami dan isteri).<sup>82</sup>

ii. Perceraian yang berpunca daripada isteri dalam rumah tangga.

Sekiranya berlaku perceraian yang berpunca daripada isteri misalnya isteri murtad atau berlaku curang terhadap suami, maka isteri tidak berhak mendapatkan mahar tersebut dengan syarat belum berlaku persetubuhan di antara mereka.<sup>83</sup> Ini kerana, perceraian tersebut adalah disebabkan kesalahan daripada pihak isteri sendiri, bukannya disebabkan oleh suami.<sup>84</sup>

iii. Fasakh disebabkan perkahwinan tidak sekufu.

Sekiranya wali memohon fasakh dengan sebab perkahwinan yang tidak sekufu, maka dalam hal ini isteri juga tidak akan mendapatkan mahar, dengan syarat belum berlaku persetubuhan di antara mereka (suami dan isteri).<sup>85</sup>

## 2. **Mahar Mithil**

Sekiranya mahar tidak ditetapkan kadar, jenis dan cara pemberiannya di dalam akad, maka ia wajib diberikan berdasarkan kepada kadar mas kahwin yang diterima oleh ahli keluarga atau kaum kerabat isteri, dan ia disebut sebagai mahar *mithil*.<sup>86</sup> Mahar *mithil* ialah mahar yang munasabah dan sebanding dengan mengambilkira kadar yang biasa diterima oleh keluarga wanita tersebut.<sup>87</sup> Menurut Imam Abu Hanifah, jumlah mahar *mithil* ditentukan dengan melihat kepada mahar saudara perempuan sebelah bapa yang

---

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh Al-Islāmī*, 266.

<sup>87</sup> *Ibid.*

sudah berkahwin kerana keturunan dilihat sebelah bapa, bukannya sebelah ibu.<sup>88</sup> Sekiranya tiada, maka diqasikan pula kepada mahar perempuan-perempuan lain yang setaraf dari segi kedudukannya dalam masyarakat. Sekiranya tiada seperti yang tersebut, ia akan mengikut kadar yang biasa ditetapkan dalam masyarakat setempat.<sup>89</sup> Antara perkara yang diambilkira dalam penentuan mahar *mithil* ini ialah kecantikan, umur, kekayaan, budi pekerti, pendidikan, moral dan nilai agama.<sup>90</sup> Mahar *mithil* wajib diberikan sekiranya terjadi salah satu daripada keadaan berikut:

1. Mahar tidak disebutkan dalam akad.<sup>91</sup>
2. Mahar disebut dalam akad, tetapi dengan sesuatu yang tidak sah mengikut syara'.<sup>92</sup>
3. Suami dan isteri bersetuju untuk tidak memberi atau menerima mahar.<sup>93</sup>
4. Berlaku pertelingkahan tentang kadar mahar selepas akad.<sup>94</sup>
5. Salah seorang daripada pasangan suami isteri meninggal dunia sementara mahar tidak disebut dalam akad.<sup>95</sup> Akan tetapi, sekiranya terjadi perceraian (talak) sebelum persetubuhan sementara mahar tidak disebut ketika akad, fuqaha' bersepakat wanita hanya mendapatkan mut'ah.<sup>96</sup>

---

<sup>88</sup> Muḥammad Amīn ibn `Umar Ibn `Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā ad-Dur al-Mukhtār* (Bayrūt : Dār al-Fikr, 2005), 3: 151.

<sup>89</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh Al-Islāmī*, 266. Lihat juga Ala’eddin, *Islamic Family Law*, 86.

<sup>90</sup> Ibn `Ābidīn, *Radd al-Mukhtār*, 151. Lihat juga Abū Zuhrah, *al-Āhwāl al-Shahsīyyah*, 183.

<sup>91</sup> *Ibid.*, 182.

<sup>92</sup> Ibn `Ābidīn, *Radd al-Mukhtār*, 148. Lihat juga ‘Abd. Rahmān Tāj, *al-Syari’ah al-Islāmiyyah fī aḥwāl al-Shahsīyyah* (Mesir : Dār al-Taalīf, 1952), 135.

<sup>93</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 272.

<sup>94</sup> Muwaffaq al-Dīn `Abd. Allāh Ibn Ahmad Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī* (Riyādh: Dār al-‘Ālam al-Kutub, 1997), 132.

<sup>95</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 117. Lihat juga Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 51.

<sup>96</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 271. Lihat juga Mohamad Som Sujimon, *Fikah Kekeluargaan*, (Selangor: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007), 74

6. Ketika isteri meyerahkan urusan mahar kepada bakal suami atau walinya tanpa menentukan dan menyebutkan kadarnya ketika akad.<sup>97</sup>
  7. Isteri merelakan dirinya dikahwinkan tanpa mahar.<sup>98</sup>
  8. Berlaku persetubuhan *syubhah* daripada akad pernikahan yang *fasid*.<sup>99</sup>
- Sekiranya telah berlaku persetubuhan *syubhah* daripada akad yang *fasid*, maka suami tetap diwajibkan membayar mahar *mithil* sama ada mahar disebut ketika akad atau tidak<sup>100</sup> disebabkan telah berlakunya persetubuhan, bukannya kerana akad tersebut. Hal ini pernah berlaku ketika zaman Rasulullah S.A.W. berdasarkan kisah Basyrah bin Akhsam yang pernah mengahwini seorang wanita yang sedang hamil dan telah berlakunya persetubuhan di antara mereka. Maka, Rasulullah S.A.W. pun memisahkan mereka lalu bersabda:<sup>101</sup>

إِنَّمَا امْرَأَةً نُكِحْتُ بِعَيْرٍ إِذْنٍ وَلَيْهَا، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ،  
 فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِذَا دَخَلَ هَكَا فَلَهَا  
 الْمَهْرُ إِمَّا أَسْتَحْلَلَ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنْ اشْتَرَوْهَا فَالسُّلْطَانُ  
 وَلَيْهِ مَنْ لَا وَلَيْهِ لَهُ

Terjemahan: Setiap perempuan yang telah bernikah tanpa izin walinya maka nikahnya itu batal, maka nikahnya itu batal, maka nikahnya itu batal. Jika suami menyebutuhinya (*dukhūl*) maka baginya (perempuan itu) mahar kerana dia (suaminya) telah menghalalkan farajnya. Jika ada pertengkaran antara mereka (wali dan orang yang diwalikan), maka hakim adalah wali bagi orang yang tidak mempunyai wali.

<sup>97</sup> Lihat juga Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 268.

<sup>98</sup> *Ibid.*, 269.

<sup>99</sup> Ibn `Ābidīn, *Radd al-Mukhtār*, 150.

<sup>100</sup> *Ibid.*, 144. Lihat juga Abū Zuhrah, *al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah*, 190. Lihat juga Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 115.

<sup>101</sup> Hadith riwayat Al-Tirmidhī, Kitab Al-Nikāh, Bab Mā Jāa' Lā Nikāh Illā Bi Walī, no. hadith 1102. Al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ*.

## 2.4 Cara pemberian mahar

Syariat Islam sangat mengambilkira keadaan dan situasi semasa masyarakat, begitu juga dengan pensyariatan mahar. Islam memberi kemudahan dan keringanan kepada lelaki yang tidak mampu untuk memberikan mahar secara tunai samada keseluruhan atau sebahagiannya,<sup>102</sup> untuk memberikannya secara hutang atau bertangguh ke satu masa yang ditetapkan atas persetujuan dan keredhaan bersama. Namun, Islam menggalakkan mahar diberikan secara tunai bagi mereka yang mampu.<sup>103</sup> Ringkasnya, mahar boleh diberikan secara:

### 1. Tunai (*Mu'ajjal*)

Mahar *mu'ajjal* ialah mahar tunai yang disegerakan pemberiannya. Sekiranya suami gagal memberikannya secara tunai sepertimana yang telah dipersetujui sebelumnya, isteri berhak untuk menahan dirinya daripada menunaikan hak dan tanggungjawabnya terhadap suami. Oleh itu, suami tidak berhak memaksa isteri untuk melaksanakan hak dan tanggungjawabnya selagimana isteri belum mendapatkan hak maharnya.

### 2. Bertangguh (*Mu'ajjal*)

Mahar *mu'ajjal* ialah mahar yang diberikan secara hutang atau ditangguhkan pemberiannya kepada isteri.<sup>104</sup> Pemberian mahar secara bertangguh adalah satu bentuk kelonggaran untuk mempermudahkan urusan perkahwinan bagi golongan yang tidak mampu untuk memberikannya secara tunai. Sekiranya isteri bersetuju untuk menerima keseluruhan mahar secara bertangguh, maka isteri tidak berhak untuk menuntut mahar tersebut sebelum waktu yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama. Namun,

<sup>102</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 84.

<sup>103</sup> Al-'Adāwī, *Jāmi' Aḥkām*, 294.

<sup>104</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 277. Lihat juga Maulana Wahiduddin Khan, *Woman in Islamic Shariah* (New Delhi India: Goodword Books, 2000), 215.

sekiranya terjadi perceraian atau kematian<sup>105</sup> sebelum tempoh yang telah ditetepkan dan dipersetujui bersama, fuqaha berpendapat mahar tersebut harus ditunaikan segera.<sup>106</sup>

Adapun sekiranya waktu pemberian mahar tidak ditetapkan dengan jelas, maka ia akan mengikut ‘uruf masyarakat di kawasan tersebut<sup>107</sup> bersetujuan dengan kaedah fiqh ‘al-Ma’rūf ُعُرْفًا كالمُشْرُوط شَرْطًا’.<sup>108</sup> Ini bermaksud,

sekiranya amalan kebiasaan dan ‘uruf masyarakat setempat memberikan mahar secara tunai, maka suami haruslah menyegerakan pemberian mahar tersebut kepada isterinya.<sup>109</sup>

### 3. Separuh tunai dan separuh bertangguh

Pemberian mahar juga boleh disegerakan sebahagiannya dan ditangguhkan lagi sebahagiannya.<sup>110</sup> Dalam konteks ini, sekiranya suami sudah menjelaskan separuh mahar yang tunai tersebut dan isteri meredhainya, maka isteri haruslah menunaikan tanggungjawab dan melaksanakan hak suami kerana persetujuannya menerima mahar secara bertangguh tersebut menunjukkan keredhaan menggugurkan sebahagian haknya.<sup>111</sup>

Oleh itu, sekiranya isteri menafikan hak suami dan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai isteri, maka dia akan dikira *nusyūz*.<sup>112</sup> Adapun sekiranya suami berjanji untuk memberikan keseluruhan mahar secara tunai, akan tetapi dia hanya menjelaskan

<sup>105</sup> Rakesh, “Law Of Dower”, 59.

<sup>106</sup> Menurut pendapat Ibnu Taimīyyah, isteri tidak boleh menuntut mahar tersebut melainkan terjadinya perceraian atau kematian. Lihat Karīm Zaydān, *Al-Muṣaṣṣal*, 84.

<sup>107</sup> Abū Zuhrah, *al-Āḥwāl al-Shakhsīyyah*, 174.

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> Sekiranya status pemberian mahar tersebut tidak jelas, fuqaha’ menetapkan ia harus ditunaikan segera ketika akad kerana ia berkait dengan kesempurnaan akad, kerana mahar merupakan kesan daripada akad pernikahan. Justeru, sekiranya mahar secara bertangguh tersebut tidak dinyatakan, maka ia haruslah disegerakan sebelum berlakunya persetubuhan. Lihat Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 277. Lihat juga Abū Zuhrah, *al-Āḥwāl al-Shakhsīyyah*, 175.

<sup>110</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 277. Lihat juga Henry, “Dower and Social Class”, 529.

<sup>111</sup> Ala’eddin, *Islamic Family Law*, 89.

<sup>112</sup> *Ibid.*, 90.

sebahagian daripada kadar tersebut, maka isteri mempunyai hak untuk menahan dirinya daripada melaksanakan tanggungjawabnya sebagai isteri.<sup>113</sup>

Keharusan menangguhkan mahar menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf mahar sebagai satu pemberian yang bernilai tinggi yang kebiasaannya di luar kemampuan lelaki. Pemberian mahar secara bertangguh bukan sahaja dilihat memudahkan urusan lelaki, bahkan memberikan perlindungan secara tidak langsung kepada wanita. Dengan baki mahar yang masih tertangguh, ia bukan sahaja berperanan sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita ketika berlakunya musibah seperti perceraian atau kematian suami,<sup>114</sup> tetapi juga dianggap sebagai pelindung<sup>115</sup> kepada ikatan rumah tangga,<sup>116</sup> di mana suami tidak akan sewenang-wenangnya memperlakukan isterinya atau menceraikannya dengan mudah.<sup>117</sup> Ini kerana, apabila perceraian berlaku, maka bekas suami terpaksa menjelaskan dan menyerahkan keseluruhan mahar kepada bekas isterinya.<sup>118</sup>

## 2.5 Kadar Dan Syarat Mahar Dalam Islam

Islam mengiktiraf bahawa setiap individu dan anggota masyarakat mempunyai taraf sosio-ekonomi dan kemampuan yang berbeza. Inilah di antara sebab mengapa Islam pada dasarnya tidak menetapkan sebarang kadar tetap (minimum dan maksimum mahar),<sup>119</sup> sebaliknya menyerahkan urusan tersebut kepada masyarakat mengikut kemampuan masing-masing.<sup>120</sup> Walaubagaimanapun, sebahagian fuqaha' membataskan kadar mahar

---

<sup>113</sup> *Ibid.*

<sup>114</sup> Henry, "Dower and Social Class", 529.

<sup>115</sup> Flavia Agnes, "Economic Rights" 2835.

<sup>116</sup> Rakesh, "Law Of Dower", 5.

<sup>117</sup> Mehdi, "Danish Law", 120.

<sup>118</sup> Henry, "Dower and Social Class", 529.

<sup>119</sup> Muḥammad Ḥasan Al-Sābūnī, *Rawā'i` al-Bayān : Tafsīr Āyāt al-Aḥkām 'Ain al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Sābūnī, 2007), 324.

<sup>120</sup> Maulana Wahiduddin, *Woman in Islamic Shariah*, 209.

pada jumlah tertentu, manakala sebahagiannya pula tidak. Imam Abu Hanifah dan ulama' mazhab Hanafi berpendapat kadar minima mahar adalah 10 dirham iaitu dengan mengikut nisab hukum wajib potong tangan bagi jenayah mencuri dan berdasarkan hadith "tiada mahar yang kurang daripada 10 dirham".<sup>121</sup> Imam Malik pula menetapkan 1/4 dinar atau 3 dirham. Sementara jumhur fuqaha' termasuk ulama' mazhab Syafie dan Hanbali tidak menetapkan sebarang kadar minimum.<sup>122</sup> Berkenaan kadar maksima mahar, jumhur 'ulama bersepakat bahawa tidak ada batasan kadarnya. Ketika pemerintahan Khalifah 'Umar al-Khattāb R.A.,<sup>123</sup> beliau cuba untuk membataskan kadar maksima mahar dengan melarang wanita-wanita pada ketika itu untuk meletakkan mahar yang tinggi. Akan tetapi, ianya mendapat bantahan daripada seorang wanita Quraisy dengan menegaskan bahawa penetapan mahar bukanlah hak seorang pemimpin, tetapi hak yang diberikan kepada kaum wanita. Lalu, beliau diperingatkan dengan ayat Al-Qur'an berkenaan permasalahan tersebut,<sup>124</sup> lantas Khalifah 'Umar mengakui kesilapannya dan menarik balik larangan tersebut.<sup>125</sup>

Justeru, dalam konteks ini wanita berhak meminta kadar mahar mengikut kehendak dan keperluan mereka kerana Islam pada dasarnya tidak menetapkan sebarang batasan kadar dan larangan tertentu kepada wanita. Ini kerana, mahar adalah nafkah awal sebelum nafkah rutin berikutnya diberikan oleh suami kepada isteri. Oleh itu, wajarlah apabila seorang wanita meminta mahar dalam bentuk harta yang mempunyai nilai jaminan yang tinggi seperti emas, tanah, rumah, kenderaan, saham, tanah atau aset

---

<sup>121</sup> Hadith riwayat Al-Tirmīdhī, Kitab Al-Nikāḥ, Bab Mā Jāa' fī Muhūr al-Nisā', no. hadith 1113. Al-Timidhi mengatakan bahawa hadith ini *Daīf*.

<sup>122</sup> Lihat Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 59. Lihat juga Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 99. Lihat juga Mahmood Zuhdi, *Famili Harmoni*, 18.

<sup>123</sup> Al-Sābūnī, *Rawā'i` al-Bayān*, 324. Lihat juga Ala'eddin, *Islamic Family Law*, 87.

<sup>124</sup> Rujuk An-Nisā': 20.

<sup>125</sup> Al-'Adāwī, *Jāmi' Aḥkām*, 300. Lihat juga Maulana Wahiduddin, *Woman in Islamic Shariah*, 211.

berharga yang lain kerana mahar adalah hak eksklusif isteri. Walaubagaimanapun, dalam hal ini Islam menganjurkan agar kadar mahar tidak diletakkan secara berlebihan serta tidak melakukan persaingan hingga memberatkan urusan perkahwinan.<sup>126</sup>

Islam telah menggariskan beberapa syarat bagi menentukan sesuatu yang boleh menjadi mahar, antaranya:

### 1. Boleh dimiliki<sup>127</sup>

Mahar mestilah merupakan harta yang boleh dimiliki secara syara' dan diharuskan penggunaannya<sup>128</sup> samada dalam bentuk aset seperti rumah, kereta, tanah,wang ringgit<sup>129</sup> ataupun berbentuk manfaat.<sup>130</sup>

Pada dasarnya, jumhur ulama' mengharuskan mahar berbentuk manfaat seperti menyewakan tempat tinggal atas dasar manfaat tersebut jelas dan<sup>131</sup> boleh dinilai dengan wang.<sup>132</sup> Namun, mereka berselisih pendapat berkenaan menjadikan pengajaran Al-Qur'an ataupun ilmu-ilmu agama sebagai mahar perkahwinan. Jumhur ulama' berpendapat ianya dibolehkan berdasarkan kisah yang pernah terjadi pada zaman Rasulullah S.A.W. di mana Rasulullah pernah mengahwinkan seorang pemuda pada ketika itu dengan mahar mengajarkan Al-Quran.<sup>133</sup>

Namun, ulama' terdahulu dalam kalangan Hanafiyyah dan Malikiyyah berpendapat menjadikan pengajaran Al-Qur'an sebagai mahar adalah tidak diterima.<sup>134</sup> Hal ini kerana mengajarkan Al-Qur'an atau ilmu-ilmu agama yang lain tidak boleh

<sup>126</sup> Lihat Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 101.

<sup>127</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 259.

<sup>128</sup> Lihat Al-Jazīrī, *Al-Fiqh 'alā*, 97. Lihat juga Ala'eddin, *Islamic Family Law*, 86.

<sup>129</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 260.

<sup>130</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 54.

<sup>131</sup> *Ibid.*, 55.

<sup>132</sup> *Ibid.*

<sup>133</sup> Lihat Hadith Riwayat Abu Daud, Kitab Al-Nikāh, Bāb Bāb fī al-Tazwīj 'alā al-'Amali Yu'mal, no. hadith 2111. Hadith ini *Ṣaḥīḥ* menurut Abu Daud.

<sup>134</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 55.

diambil upah,<sup>135</sup> dengan sebab ianya termasuk dalam amalan ketaatan kepada Allah.<sup>136</sup> Maka, dengan itu menjadikan pengajaran Al-Qur'an sebagai pemberian perkahwinan adalah tidak diterima. Namun, ulama' Hanafiyah yang terkemudian mengharuskan pengambilan upah dengan mengajarkan Al-Quran atau ilmu-ilmu agama yang lain.<sup>137</sup> Justeru, secara tidak langsung, mereka juga mengharuskan pengajaran Al-Qur'an sebagai mahar.<sup>138</sup>

## 2. Diketahui dan dipersetujui isteri

Salah satu elemen yang menjadi syarat mahar ialah diketahui kategori, jenis, kadar dan sifatnya<sup>139</sup> dan perlu mendapat persetujuan daripada isteri.<sup>140</sup> Elemen ini sangat dititikberatkan Islam bagi melindungi wanita daripada sebarang penipuan atau *gharar* dalam akad pernikahan dan bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan pada masa akan datang.

Justeru, mahar tersebut hendaklah jelas dan bersih daripada sebarang penipuan seperti memberikan sesuatu yang tidak diketahui samada pada jenis, jumlah atau sifatnya. Contohnya, memberikan tanah yang tidak ditentukan nilai dan kawasannya untuk dijadikan mahar. Begitu juga yang aset belum sempurna pemilikannya, seperti barang belian yang belum diterima atau sesuatu yang tidak mampu untuk diserahkan, seperti burung yang terbang di udara atau binatang liar di dalam hutan.

---

<sup>135</sup> *Ibid.*, 58.

<sup>136</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 260.

<sup>137</sup> *Ibid.*

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> Al-Sābūnī, *Rawā'i` al-Bayān*, 326. Lihat juga Raihanah Azahari, "Pengaruh Budaya", 317.

<sup>140</sup> Muḥammad Bin Idrīs Al-Syāfi`ī, *al-Umm*, (Mansūrah: Dār al-Wafā, 2011), 2: 154.

### **3. Bernilai dan bermanfaat**

Mahar mestilah memiliki nilai yang dapat memberi manfaat kepada isteri.<sup>141</sup> Jumhur fuqaha' menjelaskan bahawa mahar mestilah daripada *māl mutaqawwam*<sup>142</sup> iaitu harta yang bernilai dan boleh diambil manfaatnya oleh si pemilik. Justeru, sesuatu yang tidak bernilai di sisi Islam seperti khinzir, anjing, arak<sup>143</sup> atau dengan sesuatu yang tidak bermanfaat tidak diterima sebagai mahar.<sup>144</sup>

Mahar yang bernilai menurut fuqaha' ialah sesuatu yang berharga seperti emas, perak<sup>145</sup> atau seguni beras atas dasar barang atau manfaat tersebut mempunyai ukuran harga.<sup>146</sup> Justeru, sekiranya mahar tersebut tidak memberi manfaat kepada isteri seperti memberikan sebiji beras atau setitis minyak, maka ia tidak diterima.

#### **2.6 Mahar Menurut Masyarakat Melayu**

Mahar dalam konteks masyarakat Melayu sinonim disebut sebagai mas kahwin.<sup>147</sup> Mahar dalam tafsiran masyarakat Melayu tradisional adalah hadiah mutlak daripada seorang lelaki yang akan menikahi seorang perempuan dan wang itu mestilah daripada wang pengantin lelaki itu sendiri.<sup>148</sup> Mahar juga dianggap sebagai belanja tubuh yang ditetapkan mengikut kadar ketetapan negeri-negeri masing.<sup>149</sup> Masyarakat Melayu

---

<sup>141</sup> Lihat G. Qaisi, "A Student Note", 70.

<sup>142</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 260.

<sup>143</sup> *Ibid.*

<sup>144</sup> Lihat 'Abdullāh bin Abdul Raḥmān Al-Bassām, *Taudhīhul Aḥkām min Bulūghul Marām*, ed ke- 5 (Mekah: Dār Al-Asadi, 2003), 5: 257. Lihat juga Jamila Hussain, *Islam: Its Law And Society* (Sydney: The Federation Press, 2004), 83.

<sup>145</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 257.

<sup>146</sup> Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal*, 54.

<sup>147</sup> Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975), 78.

<sup>148</sup> H.M. Sidin, *Asal-Usul Adat Resam Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1964), 42.

<sup>149</sup> Yaacob Harun, *Kekeluargaan Dan Perkahwinan Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1995), 98.

menganggap mahar sebagai tuntutan syarak yang bersendikan adat<sup>150</sup> yang memainkan peranan yang sangat penting kerana ia menunjukkan kesungguhan bakal pengantin lelaki. Oleh kerana itu, kebiasaan pihak keluarga perempuan akan meletakkan mahar pada kadar yang tinggi untuk menguji kemampuan lelaki ataupun sebagai salah satu cara untuk menolak hajat pihak lelaki tersebut secara halus.<sup>151</sup>

Kemunculan istilah mas kahwin yang telah digunakan sejak turun-temurun adalah kerana amalan masyarakat terdahulu yang sinonim memberikan emas sebagai mahar perkahwinan. Berdasarkan istilah emas yang digunakan, berkemungkinan masyarakat pada ketika itu telah melihat mahar sebagai harta yang dapat memberi jaminan sosio-ekonomi dalam kehidupan mereka, sesuai dengan sifat emas itu sendiri yang bersifat produktif. Tambahan pula, mereka tidak yakin wang kertas boleh laku selama-lamanya.<sup>152</sup>

Mengikut amalan perkahwinan masyarakat terdahulu, mahar mestilah daripada emas yang beratnya sabahara<sup>153</sup> iaitu seberat bara api persapan untuk kemenyan atau dua bahara mengikut keadaan dan kemampuan mereka masing-masing.<sup>154</sup> Dikatakan juga bahawa nilai sabahara pada satu ketika dahulu sebanyak RM 22.00 manakala dua sabahara sebanyak RM 44.00.<sup>155</sup> Kadar RM 22.00 dan RM 44.00 tersebut adalah nisbah kepada nilai emas yang digunakan dalam menentukan kadar mahar pada ketika itu. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kadar RM 22.00 atau RM 44.00 sebagai mas kahwin, merupakan satu nilai yang tinggi pada ketika itu. Namun, melihat kepada

---

<sup>150</sup> *Ibid.*

<sup>151</sup> Yaacob Harun, *Kekeluargaan Dan Perkahwinan*, 98.

<sup>152</sup> H.M. Sidin, *Asal-Usul Adat*, 42

<sup>153</sup> *Ibid.*

<sup>154</sup> *Ibid.*

<sup>155</sup> *Ibid.*

panduan kadar mahar semasa iaitu dalam kadar RM 22.50 - RM 300.00,<sup>156</sup> sebahagian kadar tersebut dilihat sudah terlalu rendah<sup>157</sup> seolah-olah tidak dapat memberi sebarang manfaat kepada isteri. Mengambil contoh panduan kadar mahar di Sabah sekitar tahun 1970-an iaitu sebanyak RM 88.00, kadar tersebut dikatakan setara dengan gaji anggota tentera pada ketika itu.<sup>158</sup> Jika dinisbahkan panduan kadar mas kahwin semasa dengan gaji anggota tentera pada masa kini, didapati kadar mas kahwin semasa sekurang-kurangnya mencecah RM 2000.00.<sup>159</sup>

Menurut Undang-Undang Keluarga Islam pula, mahar diertikan sebagai suatu pembayaran yang wajib dibayar di bawah hukum syara' oleh suami kepada isteri sewaktu akad perkahwinan, samada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengannya atau tanpa sebarang cagaran, atau berupa sesuatu yang bernilai menurut hukum syara', atau dapat dinilai dengan wang.<sup>160</sup> Lazimnya, masyarakat hari ini lebih cenderung kepada pemberian wang ringgit<sup>161</sup> kerana di samping mempunyai nilai, ia juga dilihat lebih mudah dan selamat.<sup>162</sup> Kebiasaannya, mahar akan terus diberikan secara tunai ketika majlis akad, kemudian digunakan mengikut kehendak mutlak pengantin perempuan untuk membeli barang kemas dan sebagainya.<sup>163</sup> Mahar tersebut boleh juga diberikan secara bertangguh (hutang)

---

<sup>156</sup> "Kadar mas kahwin setiap negeri di Malaysia", laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, diakses 4 Mei 2011, <http://www2.islam.gov.my/maskahwin-negeri-negeri>.

<sup>157</sup> Zainunnisaa, "Mahar in Malaysia", 1.

<sup>158</sup> Puan Asanah Rabel (Responden ke-7), dalam temubual dengan pengkaji, 22 Mac 2012.

<sup>159</sup> *Ibid.*

<sup>160</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984, (Akta A902, 1984)

<sup>161</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan and Sven Cederroth, *Managing Marital Disputes in Malaysia: Islamic Mediations And Conflict Resolutions in The Syariah Courts Surrey* (United Kingdom: Routledge Curzon, 1997), 39.

<sup>162</sup> Lihat Peunoh Daily, *Hukum Perkahwinan Islam: Satu Kajian Perbandingan Di Kalangan Ahlus-Sunnah dan Negara-Negara Islam* (Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd. 2007), 223.

<sup>163</sup> Yaacob Harun, *Kekeluargaan Dan Perkahwinan*, 98.

bergantung kepada persetujuan kedua belah pihak (suami isteri). Namun, ‘uruf mahar di Malaysia lumrahnya diberikan secara tunai.<sup>164</sup>

## 2.7 Hantaran Menurut Masyarakat Melayu

Dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu, selain perlu menyediakan mas kahwin, pihak lelaki juga perlu menyediakan hantaran. Hantaran adalah amalan bersendikan adat<sup>165</sup> yang telah sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu. Amalan hantaran ini dipercayai kesan dan pengaruh daripada amalan Hinduisme-Buddhisme<sup>166</sup> yang telah menapak awal di Tanah Melayu sebelum kedatangan Islam.<sup>167</sup>

Masyarakat Melayu merupakan sebuah rumpun yang berpegang kuat kepada adat dan warisan. Ungkapan pepatah ‘biar mati anak jangan mati adat’ menunjukkan betapa pentingnya adat dalam mengatur kehidupan mereka.<sup>168</sup> Justeru, mereka akan cuba memastikan adat yang diwarisi sejak turun-temurun akan terus diamalkan dan diteruskan walaupun ianya memberi beban kepada mereka. Lantaran itulah bagi sesetengah masyarakat Melayu, adat bukan hanya tradisi setempat, tetapi merupakan undang-undang yang perlu dipatuhi.<sup>169</sup>

---

<sup>164</sup> Zaini Nasohah, *Perceraian: Hak Wanita Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004), 88.

<sup>165</sup> Sharifah and Sven, *Managing Marital Disputes*, 39.

<sup>166</sup> Mohtar bin Md. Dom, *Malay Wedding Customs* (Selangor: Federal Publications, 1979), 1.

<sup>167</sup> Kathleen Kuiper, *Islamic Art Literature and Culture* (New York: Britannica Educational Publishing, 2009), 26.

<sup>168</sup> Amran Kasimin, *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 53.

<sup>169</sup> Anisah Ab.Ghani dan Saadan Man (2006), “Nilai-Nilai Adat Dan Budaya Dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu” dlm. *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Mohd Salleh Haji Md @ Haji Ahmad et al., (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 162.

Hantaran merupakan wang yang dihantar oleh pihak pengantin lelaki kepada bakal mentua untuk perbelanjaan perkahwinan.<sup>170</sup> Ia juga dikenali dalam masyarakat Melayu sebagai belanja hangus.<sup>171</sup> Hantaran kebiasannya digunakan samada untuk membiayai segala persiapan<sup>172</sup> termasuk untuk menjamu tetamu<sup>173</sup> atau terus diserahkan kepada pengantin sendiri. Mengikut adat resam melayu, belanja kahwin atau hantaran akan dihantar terlebih dahulu dan secara berasingan daripada majlis akad nikah. Namun bagi sesetengah masyarakat, wang belanja akan dihantar dan diserahkan ketika majlis akad<sup>174</sup> beserta dengan barang-barang hantaran kerana ia dilihat lebih mudah dan menjimatkan masa dan tenaga.

Pemberian hantaran berbeza mengikut adat dan budaya setempat. Perbezaan ini berlaku bukan sahaja dalam penyediaan barang-barang hantaran tetapi juga dalam penetapan kadar wang hantaran. Antara faktor yang boleh mempengaruhi penetapan kadar wang hantaran ini ialah faktor tempat, kedudukan keluarga, latar belakang pendidikan serta taraf ekonomi seseorang.<sup>175</sup> Kelaziman masyarakat Melayu seolah-olah menjadikannya sebagai kewajipan yang tidak tertulis selari dengan mas kahwin yang diwajibkan syara'.

---

<sup>170</sup> Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) 437, entri “hantaran”.

<sup>171</sup> David C. Buxbaum, *Family Law And Customary Law in Asia: A Contemporary Legal Perspective* (Netherlands : Martinus Nijhoff Publishers, 1968), 117.

<sup>172</sup> Michael G. Peletz, *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Rembau* (England: University of California Press, 1992), 245. Lihat juga Sharifah and Sven, *Managing Marital Disputes*, 39.

<sup>173</sup> Amran, *Istiadat Perkahwinan Melayu*, 24.

<sup>174</sup> David, *Family Law*, 117.

<sup>175</sup> Michael, *A Share of the Harvest*, 245.

## 2.8 Hantaran Menurut Hukum Syara'

Hantaran dikategorikan sebagai *hibah*<sup>176</sup> iaitu hadiah sukarela daripada pengantin lelaki sebagai menghargai isterinya. Dari segi pemilikan, hantaran pada dasarnya bukanlah hak ekslusif wanita, sebaliknya lazim digunakan untuk perbelanjaan perkahwinan.<sup>177</sup> Hakikatnya, Islam tidak mewajibkan pemberian hantaran kerana ia merupakan amalan bersendikan adat dan budaya yang baru timbul dalam masyarakat Melayu. Justeru, adalah tidak wajar kadar hantaran jauh lebih tinggi daripada mahar, sedangkan mahar lebih tinggi kedudukannya dalam syara' samada dari segi hukum atau pemilikan.<sup>178</sup> Tidak ada satu pun dalil yang menerangkan kadar, syarat dan konsep hantaran itu sendiri tetapi ia telah sebatи dalam masyarakat Melayu. Ini kerana, adat hantaran yang menjadi amalan majoriti masyarakat Melayu telah diterima pakai sebagai adat dan 'urf dalam masyarakat. Dalam konteks ini, adalah dimaklumi bahawa adat atau 'urf diterimapakai sebagai sumber hukum bagi perkara-perkara yang tidak dinaskan. Justeru, adat hantaran diharuskan dalam Islam apabila ianya menepati kriteria 'urf sahil yang ditetapkan Islam. Ini kerana, pada dasarnya adat hantaran memenuhi kriteria-kriteria urf sahil iaitu<sup>179</sup> ;

1. Tidak bercanggah dengan nas syarak,
2. Diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh,
3. Sudah wujud sejak berzaman dan masih diamalkan hingga sekarang.

---

<sup>176</sup> Hibah ialah anugerah, hadiah atau pemberian hak milik oleh pemilik harta kepada seseorang secara rela hati semasa hayatnya. Lihat Syaikh Muhammad Bin Šāliḥ Al-‘Uthaimin, Al-Syarḥ Al-Mumti Kitāb Al-Waqf wa Al-Hibah wa Al-Washiyah, terj. Abu Hudzaifah (Jakarta: Pustaka Imam Al-Syafi’I, 2008), 115.

<sup>177</sup> Raihanah Azahari, "Pengaruh Budaya", 321.

<sup>178</sup> *Ibid.*, 322.

<sup>179</sup> ‘Abdul Karīm Zaydān, *Al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006), 202.

## **2.9 Mahar Dan Hantaran Menurut Masyarakat Melayu Di Tawau, Sabah**

Tawau merupakan salah satu bahagian, daerah dan juga bandar di Sabah. Tawau merupakan bandar ketiga terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu dan Sandakan. Sehingga ke tahun 2010 mengikut kadar bancian, populasi Tawau dianggarkan kira-kira 381, 736 orang penduduk.<sup>180</sup> Penduduk Daerah Tawau terdiri daripada pelbagai suku kaum antaranya Suluk, Tidung, Bajau, Bolongan, Visaya, Bugis, Banjar, Butun dan Jawa.

Mas kahwin bagi kebanyakan masyarakat di Sabah dikenali sebagai berian.<sup>181</sup> Namun, bagi kebanyakan masyarakat Melayu di Tawau, istilah yang sering digunakan ialah mas kahwin. Kadar mahar mengikut panduan yang ditetapkan di Sabah adalah RM 100.00 bagi perempuan yang belum berkahwin (dara) manakala RM 80.00 bagi yang pernah berkahwin (janda).<sup>182</sup> Seperti amalan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, masyarakat Melayu di Tawau juga lazim dengan adat hantaran. Antara faktor yang diambilkira dalam penetapan kadar hantaran ialah latarbelakang pengantin, status keluarga, pekerjaan dan tahap pendidikan.

Kepelbagaian suku kaum dan etnik di Tawau ditambah dengan pengaruh budaya negara jiran terdekat iaitu Sumatera, Indonesia telah mencetuskan variasi amalan yang berkaitan dengan protokol dan adat perkahwinan.<sup>183</sup> Antaranya, tempoh keseluruhan majlis perkahwinan diadakan dalam tempoh 4 hari termasuk malam khatam Al-Qur'an, malam berzanji, malam berinai (dikenali sebagai malam *mapacci* bagi kaum bugis),

---

<sup>180</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, “Population Distribution by Local Authority Areas And Mukims 2010”, laman sesawang *Department Of Statistics*, diakses 23 Julai 2012, [http://http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1353&lang=en](http://http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1353&lang=en).

<sup>181</sup> David, *Family Law*, 117.

<sup>182</sup> “Kadar mas kahwin setiap negeri di Malaysia”, laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, diakses 4 Mei 2011, <http://www2.islam.gov.my/maskahwin-negeri-negeri>.

<sup>183</sup> Kathleen Kuiper, *Islamic Art*, 26.

majlis akad nikah dan hari persandingan.<sup>184</sup> Tambahan pula, durasi majlis kenduri perkahwinan dan persandingan pula diadakan bermula daripada waktu pagi sehingga ke malam. Amalan ini mungkin berbeza dengan sebahagian tempat yang mana persandingan hanya diadakan bermula daripada waktu pagi hingga ke petang atau diadakan pada waktu malam sahaja.<sup>185</sup>

Melihat kepada adat hantaran bagi kebanyakan masyarakat Melayu di Tawau, hantaran bukan sahaja berbentuk hadiah yang biasa diberikan ketika majlis perkahwinan seperti pakaian, jam tangan atau sebagainya bahkan perlu memenuhi tuntutan adat seperti menyediakan kerbau, perahu layar, buah rantai emas, kain putih dan lain-lain lagi.<sup>186</sup> Berikut adalah beberapa contoh kadar mahar dan hantaran di Tawau, Sabah:

**Jadual 2.1: Contoh Kadar Mahar dan Hantaran di Tawau, Sabah**

| Nama           | Mahar  | Hantaran                   |
|----------------|--------|----------------------------|
| Puan Nur Islam | RM100  | RM 15,000                  |
| Puan Ridfana   | RM 100 | RM 15, 000                 |
| Puan Rosalin   | RM 100 | RM 15, 000 + Seekor kerbau |

Sumber: Temubual bersama responden

Selain itu, terdapat satu majlis khas yang dipanggil '*Majlis Mappendrek Duik*' [Majlis Naik Duit] atau lazimnya dikenali sebagai majlis menghantar belanja. Dalam majlis tersebut, pihak lelaki akan membawa wang hantaran yang telah ditetapkan samada ketika majlis merisik ataupun majlis pertunangan. Kebiasaannya majlis tersebut akan diadakan 3 bulan daripada tarikh perkahwinan untuk memudahkan pihak keluarga pengantin perempuan membuat persediaan yang secukupnya dengan wang hantaran

<sup>184</sup> Puan Hasnah Mappiara (Responden ke-6), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mac 2012.

<sup>185</sup> *Ibid.*

<sup>186</sup> Puan Rosalin Salleh (Responden ke-9), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2012.

tersebut. Oleh yang demikian, dulang wang hantaran yang diberikan ketika hari perkahwinan adalah simbolik semata-mata kerana wang hantaran telah pun diserahkan sepenuhnya ketika ‘Majlis Naik Duit’ tersebut. Melihat kepada kepelbagai dan perbezaan amalan-amalan tersebut, secara tidak langsung ia berkemungkinan memberi kesan kepada peningkatan kadar hantaran dan turut mempengaruhi kos keseluruhan urusan perkahwinan.

### **Kesimpulan**

Mahar bukannya imbalan atas mana-mana faedah yang diperoleh oleh pihak suami, tetapi pemberian wajib dengan penuh kerelaan hati kepada isteri samada berupa aset atau manfaat dalam memulakan hidup bersama. Pemberian mahar dalam Islam dibina atas dasar persetujuan dan keredhaan bersama suami dan isteri. Islam sama sekali tidak menganggap bahawa mahar merupakan harga kepada seorang wanita, tetapi bertujuan memberi penghargaan untuk mengiktiraf hak-hak wanita dalam perkahwinan. Pensyariatan mahar dalam Al-Qur'an bukan sahaja telah merubah amalan mahar yang mendiskriminasi dan merendahkan status wanita, bahkan menunjukkan bahawa Islam sangat menitikberatkan pemberian mahar kepada wanita walaupun ia merupakan amalan asal tradisi masyarakat Jahiliyyah. Islam memberikan wanita hak ekslusif untuk meminta dan menetapkan kadar mahar mengikut kehendak dan keperluan mereka samada berbentuk aset atau manfaat yang halal dan bernilai, kerana pada dasarnya syariat Islam tidak menetapkan sebarang batasan kadar tertentu. Walaubagaimanapun, Islam menganjurkan agar kadar mahar tidak diletakkan secara berlebihan hingga memberatkan urusan perkahwinan.



## **BAB 3**

### **Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita**

#### **Pendahuluan**

Segala hukum yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. mempunyai maqasid dan falsafah di sebalik pensyariatannya.<sup>187</sup> Melihat kepada kedudukan mahar yang wajib diberikan setelah sahnya akad perkahwinan, maka pastinya terkandung pelbagai hikmah dan objektif di sebalik pensyariatannya. Mahar bukanlah sekadar pemberian wajib dalam perkahwinan, tetapi berkepentingan dalam memberi perlindungan<sup>188</sup> dan berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita<sup>189</sup> terutamanya ketika terjadi musibah dalam rumah tangga seperti perceraian atau kematian suami.<sup>190</sup> Lantaran itulah, Islam menegaskan bahawa mahar mestilah daripada harta yang berharga dan mempunyai nilai<sup>191</sup> dan bermanfaat kepada wanita. Justeru, bab ini akan membincangkan falsafah pensyariatan mahar dengan memberi fokus kepada peranan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

#### **3.1 Falsafah Pensyariatan Mahar**

Mahar disyariatkan dalam Al-Qur'an melalui ayat 4 dalam Surah An-Nisā':

وَآتُوا النِّسَاءَ صَدْقَاهُنَّ بِخَلْقِهِنَّ

An-Nisā' 4: 4

<sup>187</sup> Muhammad Tāhir al-Misawī Ibnu ‘Asyūr, *Maqāsid al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*, (Kaherah: Dār as-Salām, 2007), 11.

<sup>188</sup> Rakesh, “Law of Dower”, 59.

<sup>189</sup> G. Qaisi, “A Student Note”, 70.

<sup>190</sup> Mehdi, “Danish Law”, 120.

<sup>191</sup> G. Qaisi, “A Student Note”, 70.

Terjemahan: Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu nikahi) itu mas kahwin mereka sebagai pemberian dengan penuh kerelaan.<sup>192</sup>

Menurut amalan mahar masyarakat pra-Islam, mahar tidak dimiliki oleh wanita, tapi menjadi hak milik wali iaitu bapa, adik beradik lelaki atau saudara mara yang menjaga wanita tersebut. Pensyariatan mahar dalam Al-Qur'an seperti yang tersebut telah merubah sistem tersebut yang tidak memberi hak pemilikan dan manfaat kepada wanita<sup>193</sup> kepada satu pemberian yang memberi maslahah dan manfaat kepada wanita dengan memberikan hak ekslusif wanita dalam urusan dan kepemilikan mahar.

Secara umumnya, tujuan pensyariatan sesuatu hukum adalah untuk memberi kemaslahatan kepada manusia<sup>194</sup> samada memberi manfaat atau menolak keburukan daripadanya.<sup>195</sup> Justeru, di antara falsafah pensyariatan mahar dalam Islam adalah untuk:

### **1. Memberi hak pemilikan harta kepada wanita<sup>196</sup>**

Islam memberikan hak-hak pemilikan harta kepada wanita dan salah satu daripada hak pemilikan tersebut ialah dengan sebab perkahwinan, iaitu hak menerima dan memiliki mahar. Pensyaritan mahar telah menzahirkan prinsip dan sistem Islam yang adil dan telus berbanding sistem dan amalan mahar pada zaman jahiliyyah yang menafikan hak wanita dalam aspek pemilikan wanita.<sup>197</sup>

---

<sup>192</sup> Pemberian dengan senang hati dan penuh kerelaan. Sesetengah ulama' menafsirkannya dengan erti kewajipan. Maksudnya, "Berikanlah kepada wanita yang kamu nikahi itu mas kahwin sebagai satu kewajipan yang ditetapkan Allah." Ismā`īl ibn `Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm: Tafsīr Ibn Kathīr* (Kaherah: Maktabah Aulād Al-Syeikh Lil Thurāth, t.t.), 348. Lihat juga Zulkifli Mohd Yusoff, *Tafsir: Ayat Ahkam: Huraian Hukum-Hakam Dalam Al-Quran* (Selangor: PTS Darul Furqan, 2011), 102.

<sup>193</sup> Jalāl al-Dīn Al-Sayūṭī, *Lubab al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* (Kaherah: Maktabah Al-Qiyāmah, t.t.), 112. Lihat juga Ashgar, *The Rights Of Women*, 65.

<sup>194</sup> Mohammad Hashim Kamali, *An Introduction To Shariah* (Selangor: Ilmiah Publishers, 2006), 24.

<sup>195</sup> `Abdul Karīm Zaydān, *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh* (Lubnān: Muassasah al-Risālah, 2006), 187.

<sup>196</sup> Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 102. Lihat juga Moors, "Women and Dower", 301.

<sup>197</sup> Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito, *Islam, Gender, & Social Change* (New York: Oxford University Press, 1998), 149.

Islam dengan pensyariatan mahar telah memberikan hak mutlak tersebut kepada wanita<sup>198</sup> tanpa membenarkan sebarang campur tangan daripada suami, wali<sup>199</sup>, penjaga mahupun ataupun pemerintah. Hal ini bertujuan memberikan penghargaan<sup>200</sup> dan jaminan sosio-ekonomi kepada wanita,<sup>201</sup> sekaligus membezakan mahar dengan pemberian-pemberian perkahwinan yang lain<sup>202</sup> seperti *dowry* mahupun *bride-price*.

### **3.1.1.2 Dowry dan bride-price**

Amalan *dowry* berasal daripada masyarakat Hindu berkasta tinggi di India.<sup>203</sup> Ia merupakan pemberian perkahwinan samada berupa wang tunai atau barang berharga daripada keluarga pengantin perempuan kepada keluarga pengantin lelaki.<sup>204</sup>

Nilai *dowry* akan ditetapkan mengikut status sosio-ekonomi pengantin lelaki.<sup>205</sup> Apabila pihak wanita memberikan *dowry* yang tinggi dan ianya dipersetujui oleh pihak keluarga lelaki, maka wanita tersebut akan dipandang tinggi oleh ahli keluarga pengantin lelaki dan masyarakat sekitarnya.<sup>206</sup> Namun, jika yang berlaku adalah sebaliknya, berkemungkinan besar wanita tersebut akan dianiaya oleh keluarga pengantin lelaki selepas berkahwin.<sup>207</sup> Tambahan pula, jika keluarga suami tidak berpuas hati dengan jumlah yang diberikan, ia akan mengundang pelbagai

---

<sup>198</sup> Jamal Al-Badawī, *The Status Of Women In Islam* (Riyadh: International Islamic Publishing House, 1980), 21.

<sup>199</sup> Haifaa A. Jawad, *The Rights Of Women In Islam: An Authentic Approach* (Wiltshire: Antony Rowe Ltd. Chippenham, 1998), 35.

<sup>200</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 257.

<sup>201</sup> Flavia Agnes, “Economic Rights” 2835.

<sup>202</sup> Richard Freeland (2001), “The Islamic Institution of Mahr and American Law”, laman sesawang law.gonzaga.edu, diakses 31 Oktober 2011, <http://www.law.gonzaga.edu/files/GJIL-Vol4-IslamicInstitution.pdf>

<sup>203</sup> Veena Talwar Oldenburg, *Dowry Murder: The Imperial Origins of a Cultural Crime* (Oxford University Press, 2002), 30.

<sup>204</sup> Mohd Umar, *Bride Burning In India: A Socio Legal Study* (New Delhi: A.P.H. Publishing Corporation, 1998) 68.

<sup>205</sup> Prabhat Chandra Tripathy, *Contemporary Social Problems and the Law* (New Delhi: A.P.H. Publishing, 2000) h. 17.

<sup>206</sup> Tesfa G. Gebremedhin, *Women, Tradition and Development: A Case Study of Eritrea* (United States: The Red Sea Press, 2002), 38.

<sup>207</sup> Prabhat, *Contemporary Social Problems*, 17.

masalah lain hingga boleh membawa kepada pembunuhan.<sup>208</sup> Fenomena yang dikenali sebagai ‘*dowry-death*’ tersebut berlaku akibat daripada kegagalan wanita membayar *dowry* yang dipersetujui kepada pihak pengantin lelaki.<sup>209</sup> Wanita yang menjadi mangsa pembunuhan (*dowry-death*) selalunya dilaporkan sebagai mangsa kemalangan atau dilaporkan sebagai membunuh diri.<sup>210</sup> Pemberian *dowry* yang kebiasaannya ditetapkan dengan nilai yang sangat tinggi dan didasarkan atas kepentingan individu dan budaya semata-mata bukan sahaja mengakibatkan pelbagai *mafsadah* dalam masyarakat, malah turut mengakibatkan ramai wanita di India tidak berkahwin kerana tidak mampu untuk menyediakan *dowry* tersebut.<sup>211</sup>

*Bride-price* pula adalah bayaran perkahwinan berupa wang atau barang-barang daripada pengantin lelaki dan keluarganya kepada keluarga pengantin perempuan.<sup>212</sup> Pembayaran tersebut dianggap sebagai sumber keuntungan<sup>213</sup> dan sumber kekayaan<sup>214</sup> kepada ahli keluarga pengantin perempuan. Kebiasaannya, ia diberikan dengan nilai yang tinggi seperti berlian, emas, tanah dan sebagainya.<sup>215</sup> Kadar yang ditetapkan pula kebiasannya lebih tinggi daripada jumlah gaji tahunan pengantin lelaki.<sup>216</sup>

---

<sup>208</sup> Veena, *Dowry Murder*, 5.

<sup>209</sup> Taisha Abraham, *Women And The Politics Of Violence* (New Delhi: Har-Anand Publications, 2002), 273.

<sup>210</sup> Prabhat, *Contemporary Social Problems*, 17.

<sup>211</sup> Tesfa, *Women Tradition*, 38.

<sup>212</sup> Michele Tetttilt, “The Economics Of Brideprice and Dowry: A Marriage Market Analysis”, laman sesawang [www2.wiwi.hu-berlin.de](http://www2.wiwi.hu-berlin.de), diakses 11 November 2011, <http://www2.wiwi.hu-berlin.d/institute/wpol/html/.../bag/.../tertilt.pdf>

<sup>213</sup> Jack Goody and Stanley Jeyaraja Tambiah, “Bridewealth and Dowry”, *Cambridge Papers in Social Anthropology*, Vol. 7 (1973), 69.

<sup>214</sup> Junius P. Rodriguez, *Slavery in the Modern World: A History of Political, Social, and Economic Oppression* (California: ABC-CLIO, LLC, 2011) 146-147.

<sup>215</sup> Tetttilt, “The Economics Of Brideprice”

<sup>216</sup> H. S. Shyldendra and Uma Rani, *Diversification and Sustainable Rural Livelihood: A Study in Semi-Arid Villages of Western India* (India: Concept Publishing Company, 2005), 91.

Dalam menetapkan kadar *bride-price*, status dan taraf sosio-ekonomi wanita dalam pelbagai aspek seperti tahap pendidikan, status keluarga dalam masyarakat akan diambilkira. Sekiranya wanita tersebut masih dara, maka nilainya akan semakin tinggi.<sup>217</sup> Walaupun pemberian yang disebut sebagai *gift of the virgin daughter*<sup>218</sup> ini diberikan dengan kadar yang tinggi, namun ia tetap dilihat sebagai pemberian yang menjatuhkan martabat wanita kerana ia dianggap sebagai harga dan bayaran pembelian seorang wanita.<sup>219</sup> *Brude-price* juga tidak dapat berfungsi sebagai jaminan sosio-ekonomi dan tidak mengiktiraf hak wanita kerana aset tersebut tidak dimiliki oleh isteri, sebaliknya diberikan kepada ahli keluarga wanita tersebut.<sup>220</sup>

Apa yang jelas membezakan mahar dengan pemberian-pemberian tersebut adalah dalam konteks hak pemilikannya. Pada dasarnya, mahar akan menjadi hak milik isteri, sebaliknya bayaran *dowry* dan *bride-price* tidak dimiliki oleh isteri. Pemberian-pemberian tersebut juga dianggap sebagai bayaran perkahwinan, berbeza dengan pensyariatan mahar yang bertujuan melindungi wanita dengan memberikan aset yang berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada mereka. Sistem mahar dalam Islam juga bersifat mudah dan tidak bersifat rigid dalam aspek penentuan kadarnya. Ini kerana, bagi mereka yang tidak berkemampuan, mahar boleh ditangguhkan atas keredhaan dan persetujuan kedua belah pihak, berbeza dengan pemberian *dowry* misalnya yang mewajibkan wanita memberi *dowry* mengikut kehendak mutlak keluarga pengantin lelaki, tanpa perlunya keredhaan dan persetujuan daripada pengantin wanita tersebut.

---

<sup>217</sup> Judith Romney Wegner, *Chattel Or Person?: The Status of Women in the Mishnah*, Vol. 29 (United Kingdom: Oxford University Press, 1992), 21.

<sup>218</sup> Goody and Tambiah, “Bridewealth”, 69.

<sup>219</sup> *Ibid.*

<sup>220</sup> P. Rodriguez, *Slavery in the Modern World*, 146.

## **2. Memberi perlindungan sosio-ekonomi kepada wanita**

Sistem mahar yang diamalkan pada zaman pra-Islam dilihat menindas dan tidak dapat melindungi wanita dalam rumahtangga. Ini kerana, suami berhak menuntut kembali mahar yang diberikan samada keseluruhan atau sebahagiannya dengan cara memudharatkan isteri supaya isteri akan meminta cerai daripadanya.<sup>221</sup> Apabila perceraian berlaku, isteri terpaksa memulangkan kembali mahar sepermula yang dikehendaki suami.<sup>222</sup>

Sebaliknya, Islam melihat mahar bukan sahaja sebagai lambang kasih sayang<sup>223</sup> yang digambarkan melalui pemberian yang berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi, bahkan sebagai pelindung kepada wanita dalam rumahtangga<sup>224</sup> kerana ia juga berpotensi mengelakkan berlakunya perceraian dengan mudah.<sup>225</sup> Dicatatkan dalam kebanyakan kes wanita di Eropah yang meminta mahar yang tinggi adalah bertujuan sebagai jalan untuk menghalang perceraian berlaku dengan mudah.<sup>226</sup> Mahar yang kebiasaannya diterima dalam nilai yang tinggi<sup>227</sup> seperti sebuah kereta dan wang 20.000 U.S.D.<sup>228</sup> dan dalam keadaan bertangguh bukan sahaja berperanan sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita, tetapi juga dianggap sebagai pelindung kepada hubungan

---

<sup>221</sup> Murtada, *The Rights Of Women In Islam*, 207.

<sup>222</sup> *Ibid.*

<sup>223</sup> Henry, “Dower and Social Class”, 527. Lihat juga Rakesh, “Law of Dower”, 61.

<sup>224</sup> Flavia Agnes, “Economic Rights” 2835.

<sup>225</sup> Pascale Fournier, *Muslim Marriage in Western Courts: Lost in Transplantation* (England : Ashgate Publishing, 2010), 21. Dicatatkan dalam kebanyakan kes di mana wanita meminta mahar yang tinggi bertujuan sebagai jalan untuk menghalang perceraian berlaku dengan mudah. Lihat selanjutnya dalam Richard Moon, *Law And Religious Pluralism In Canada* (Canada: UBC Press, 2008), 148.

<sup>226</sup> Lihat selanjutnya dalam Richard Moon, *Law And Religious Pluralism In Canada* (Canada: UBC Press, 2008), 148.

<sup>227</sup> Jamila Hussain, *Islam: Its Law And Society* (Sydney: The Federation Press, 2004) h. 83.

<sup>228</sup> Lynn Welchman, *Women's Rights And Islamic Family Law: Perspectives On Reform* (London: Zed Books, 2004), 189.

rumahtangga.<sup>229</sup> Ini kerana, suami tidak sewenang-wenangnya memperlakukan isterinya atau menceraikannya dengan mudah.<sup>230</sup> Ini kerana, sekiranya terjadinya perceraian, suami terpaksa menyerahkan keseluruhan mahar kepada isterinya yang kebiasaannya dalam jumlah dan kadar yang tinggi.<sup>231</sup>

### **3. Memberi kemuliaan kepada wanita**

Islam menolak diskriminasi kepada kaum wanita. Malah, kedudukan wanita sejak kedatangan Islam lebih terjamin berbanding status wanita ketika zaman jahiliyyah. Melihat kepada amalan masyarakat jahiliyyah, mahar hanya dianggap sebagai harga kepada wanita semata-mata,<sup>232</sup> sementara wanita dianggap sebagai aset dan sumber kekayaan keluarga. Ini kerana, apabila seorang anak perempuan dilahirkan, masyarakat di sekelilingnya akan mengucapkan tahniah kepada ayah si bayi dengan mengatakan, “selamat, semoga ia menjadi sumber kekayaan untukmu.” Hal ini adalah satu petanda bahawa ayahnya akan mendapat kekayaan ketika mengahwinkannya dengan orang lain, kerana mahar yang diterima akan menjadi hak milik ayahnya.<sup>233</sup> Mereka menganggap bayaran perkahwinan tersebut sebagai upah dan kos membesarwanita,<sup>234</sup> seperti dalam konsep *bride-price*.

Pensyariatan mahar bukan sahaja telah merubah konsep dan amalan mahar<sup>235</sup> yang sebelum ini hanya mengeksplorasi dan merendahkan status wanita, bahkan ia

---

<sup>229</sup> Rakesh, “Law Of Dower”, 61.

<sup>230</sup> Mehdi, “Danish Law”, 120.

<sup>231</sup> Henry, “Dower and Social Class”, 529.

<sup>232</sup> Yossef, “Matrimonial Gifts”, 1.

<sup>233</sup> Lihat Murtada, *The Rights Of Women In Islam*, 204.

<sup>234</sup> *Ibid.*

<sup>235</sup> Cyril Glassé & Huston Smith, *New Encyclopedia Of Islam* (Walnut Creek, CA: AltaMira Press, 2001), 28. Rakesh, “Law Of Dower”, 60.

melambangkan penghormatan<sup>236</sup> dan menunjukkan bahawa syariat Islam sangat memuliakan wanita.<sup>237</sup> Perletakan tanggungjawab memberikan mahar hanya kepada lelaki juga menunjukkan keadilan dan keprihatinan Islam dalam memuliakan wanita. Falsafah ini telah membezakan pemberian mahar dengan pemberian dan bayaran perkahwinan yang lain seperti *dowry* yang dilihat mendiskriminasi kaum wanita dengan mewajibkan mereka menyediakan wang dan mengorbankan hartanya semata-mata untuk dikahwini.<sup>238</sup>

### 3.2 Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita

Mahar digambarkan sebagai pemberian dengan harta yang banyak, sebagaimana disebutkan dalam Al-Qur'an:

وَإِنْ أَرَدْتُمُ اسْتِبْدَالَ رَوْجٍ مَكَانَ رَوْجٍ وَآتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ  
فَطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا

An-Nisā' 3: 20

Terjemahan: Dan jika kamu ingin menggantikan isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan seorang di antara mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun daripadanya.

<sup>236</sup> Murtada, *The Rights Of Women In Islam*, 210. Lihat juga Rakesh, "Law of Dower", 4.

<sup>237</sup> Pascale, *Muslim Marriage*, 16.

<sup>238</sup> Mohd Umar, *Bride Burning In India: A Socio Legal Study* (New Delhi: A.P.H. Publishing Corporation, 1998), 68.

Berdasarkan ayat tersebut, penggunaan lafaz قِنْطَار (*qintār*) yang membawa maksud harta yang banyak<sup>239</sup> bukan sahaja menunjukkan bahawa mahar boleh diberikan dalam kadar yang tinggi, bahkan membuktikan bahawa mahar pada dasarnya merupakan harta yang berharga dan bernilai tinggi yang dapat memberi manfaat kepada isteri.<sup>240</sup> Jumhur fuqaha' turut menetapkan bahawa mahar mestilah daripada *māl mutaqawwam*<sup>241</sup> iaitu harta yang bernilai, laku dan sesuatu yang boleh diambil manfaatnya oleh si pemilik seperti emas, perak, tanah dan seumpamanya.<sup>242</sup> Mereka bersepakat bahawa sekiranya mahar yang diberikan tidak bermanfaat, maka ia tidak diterima.<sup>243</sup>

Tambahan pula, keharusan memberikan mahar secara bertangguh bagi mereka yang tidak berkemampuan juga menunjukkan bahawa mahar pada dasarnya memiliki nilai yang tinggi, yang kebiasaannya di luar kemampuan lelaki. Walaupun pensyariatan mahar bukanlah bertujuan utama sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita, namun sistem mahar yang digariskan Islam dilihat memiliki potensi dan berperanan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada wanita,<sup>244</sup> terutamanya ketika berlakunya perceraian ataupun kematian suami.

Melihat kepada amalan perkahwinan kebanyakan masyarakat Muslim di Timur Tengah, Eropah mahupun Afrika, mahar merupakan satu pemberian yang sangat penting bukan sahaja sebagai lambang kasih sayang suami dan isteri, bahkan berperanan sebagai

<sup>239</sup> Lihat Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr Al-Tabarī, *Jam'i Al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān* (Beirūt: Muassasah Al-Risālah, 2000), 123.

<sup>240</sup> G. Qaisi, "A Student Note", 70.

<sup>241</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 260.

<sup>242</sup> *Ibid.*, 257.

<sup>243</sup> 'Abdullāh bin Abdul Raḥmān Al-Bassām, *Taudhīhul Aḥkām min Bulūghil Marām*, ed. ke- 5, (Mekkah: Dār Al-Asadi, 2003), 5: 257. Lihat juga Jamila, *Islam: Its Law* 83.

<sup>244</sup> Murtada, "The Rights Of Women In Islam", 214. G. Qaisi, "A Student Note", 70.

jaminan sosio-ekonomi wanita.<sup>245</sup> Namun, corak amalan dan sistem mahar di sana berbeza dengan amalan dan sistemnya di Malaysia. Berikutan permintaan mahar yang tinggi dan kebiasaannya melebihi kemampuan ekonomi lelaki,<sup>246</sup> mereka lazimnya mengamalkan mahar secara bertangguh.<sup>247</sup> Mahar bertangguh (samada ditangguhkan keseluruhan atau sebahagiannya)<sup>248</sup> akan diserahkan ketika terjadinya sesuatu perkara yang telah disepakati bersama, berlakunya perceraian atau salah seorang daripada pasangan meninggal dunia.<sup>249</sup>

Mereka melihat bahawa mahar bertangguh bukan sahaja boleh meringankan urusan perkahwinan, malah berperanan melindungi wanita<sup>250</sup> dan memberi satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada wanita.<sup>251</sup> Dengan menangguhkan sebahagian mahar, wanita bukan sahaja telah mempunyai aset yang berada dalam kekuasaannya, bahkan masih lagi mempunyai hak dan aset yang boleh dituntut kepada bekas suami sekiranya perkahwinan tersebut gagal.<sup>252</sup> Justeru, apabila berlaku perceraian, maka suami wajib menjelaskan keseluruhan mahar tersebut<sup>253</sup> dan isteri akan mendapatkan keseluruhan maharnya.

---

<sup>245</sup> Henry, “Dower and Social Class”, 527. Lihat juga Ziba Mir-Hosseini, *Marriage on Trial: Islamic Family Law in Iran and Morocco* (United Kingdom: I.B. Tauris, 2000), 75.

<sup>246</sup> Yossef, “Matrimonial Gifts”, 8.

<sup>247</sup> Lene Løvdal, *Private International Law, Muslim Laws and Gender Equality: The Adjudication Of Mahr In Scandinavian, English and French Courts* (Oslo: University Of Oslo, 2009), 116. Lihat juga corak pemberian mahar dalam kalangan masyarakat muslim di Pakistan yang mana peratusan menunjukkan kebanyakan masyarakat mengamalkan mahar bertangguh berbanding tunai. Lihat Henry, “Dower and Social Class”, 532.

<sup>248</sup> Madeline C. Zilfi, *Women in the Ottoman Empire: Middle Eastern Women in the Early Modern Era* (BRILL, 1997), 98.

<sup>249</sup> Rakesh, “Law Of Dower”, 64.

<sup>250</sup> Rakesh, “Law Of Dower”, 59.

<sup>251</sup> Lynn, *Women's Rights*, 189.

<sup>252</sup> Henry, “Dower and Social Class”, 529.

<sup>253</sup> Lene, *Private International Law*, 40.

Begitu juga sekiranya suami membawa isteri berpindah ke tempat lain,<sup>254</sup> maka suami juga perlu menjelaskan keseluruhan mahar bertangguh tersebut kerana mereka menganggap mahar adalah sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita di tempat baru.<sup>255</sup> Justeru, apabila seorang wanita ingin berkahwin, ibu bapa mereka akan memastikan bahawa anak mereka memiliki satu bentuk jaminan sosio-ekonomi yang boleh melindungi kehidupan mereka samada dalam perkahwinan,<sup>256</sup> ketika berlakunya perceraian atau kematian suami.<sup>257</sup> Mereka juga melihat mahar yang ditangguhkan sebagai sekuriti (bayaran pelepasan perkahwinan mereka) melalui perceraian *khulu'* sekiranya berlaku kemudharatan seperti penderaan dan keganasan berterusan dalam rumah tangga.<sup>258</sup>

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat daripada kalangan wanita yang tidak menuntut dan gagal mendapatkan tunggakan mahar mereka setelah berlakunya perceraian.<sup>259</sup> Ini kerana, apabila berlaku perceraian atau kematian suami, mahar tersebut tidak akan dimiliki secara mudah dan terus,<sup>260</sup> sebaliknya perlu melalui proses-proses yang panjang dan sukar, antaranya berulang-alik ke mahkamah untuk membuat tuntutan mahar dan sebagainya.<sup>261</sup> Hal ini menyukarkan dan membebankan wanita untuk mendapatkan hak mahar mereka. Berikut itu, didapati peratusan wanita yang membuat tuntutan tunggakan mahar di mahkamah semakin menurun.<sup>262</sup> Keenggan dan kegagalan suami atau waris dalam memberikan kerjasama bagi menyelesaikan hutang

<sup>254</sup> Yossef, "Matrimonial Gifts", 13.

<sup>255</sup> Madeline, *Women in the Ottoman Empire*, 101.

<sup>256</sup> Mereka juga selalu menyatakan, "We won't give away a girl like this without a guarantee." Lihat Ziba, *Marriage on Trial*, 80.

<sup>257</sup> *Ibid.*, 82. Mehdi, "Danish Law", 120.

<sup>258</sup> Ziba, *Marriage on Trial*, 80.

<sup>259</sup> Moors, "Women, Property and Islam", 146.

<sup>260</sup> *Ibid.*, 142.

<sup>261</sup> *Ibid.*, 127.

<sup>262</sup> *Ibid.*, 142.

mahar tersebut<sup>263</sup> juga mendorong kegagalan wanita dalam mendapatkan kembali hak mereka.

Justeru, konteks kajian ini akan melihat kepada potensi dan peranan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita dalam tiga keadaan iaitu dalam ikatan perkahwinan, ketika berlakunya perceraian dan kematian suami.

### **3.2.1 Mahar sebagai jaminan awal kepada wanita dalam perkahwinan**

Mahar adalah nafkah awal, sebelum nafkah rutin berikutnya yang wajib diberikan suami kepada isteri. Oleh itu, sangat wajar apabila seorang wanita meminta mahar yang memiliki nilai yang tinggi seperti emas, tanah, rumah, kenderaan, saham atau aset berharga yang lain kerana mahar adalah hak ekslusif wanita. Dengan itu, mahar berfungsi sebagai jaminan awal<sup>264</sup> kepada isteri dalam memulakan kehidupan baru bersama suami.<sup>265</sup> Mengikut amalan kebiasaan, sekiranya seorang wanita telah berkahwin, maka dia akan memulakan kehidupan di tempat baru bersama suami. Oleh itu, wanita sekurang-kurangnya perlulah mempunyai persediaan awal termasuklah memiliki satu bentuk jaminan sosio-ekonomi. Tambahan pula, pada dasarnya tidak semua wanita memiliki kemampuan dan kemandirian ekonomi. Dengan pemilikan mahar yang bersifat produktif, ia bukan sahaja berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi di tempat baru, bahkan boleh dijadikan modal bisnes atau dilaburkan<sup>266</sup> ke mana-mana institusi kewangan untuk tujuan perniagaan dan sebagainya. Hal ini dilihat berpotensi meningkatkan status sosio-ekonomi wanita samada dalam kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan atau tidak.

---

<sup>263</sup> Yossef, “Matrimonial Gifts”, 6.

<sup>264</sup> Flavia, “Economic Rights”, 2833.

<sup>265</sup> Madeline, *Women in the Ottoman Empire*, 101.

<sup>266</sup> Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito, *Daughters of Abraham: Feminist Thought In Judaism, Christianity, and Islam* (United States Of America: University Press of Florida, 2001), 131.

### **3.2.2 Jaminan pada saat-saat sukar**

#### **Mahar sebagai jaminan apabila berlakunya kematian atau perceraian**

Mahar antara lainnya berperanan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita ketika terjadinya musibah seperti kematian suami.<sup>267</sup> Selain harta warisan peninggalan suami, mahar tersebut berpotensi menjadi jaminan sosio-ekonomi tambahan seorang wanita ketika dia menjadi ibu tunggal.<sup>268</sup> Sekiranya seorang isteri ditinggalkan dalam keadaan tidak memiliki sebarang harta, dengan memiliki mahar yang bernilai tinggi dan bersifat produktif pada ketika itu, dia tidak akan risau untuk memikirkan pembiayaan hidup diri dan anak-anaknya sehingga dia tidak perlu menagih simpati orang lain, apatah lagi sekiranya keadaan ibu tunggal tersebut sudah uzur dan tidak berkemampuan.

Begitu juga bagi golongan isteri yang bergantung sepenuhnya kepada suami dalam aspek perbelanjaan hidup, akan menjalani hidup dalam serba kesulitan apabila terjadinya perceraian.<sup>269</sup> Walaupun Islam telah meletakkan tanggungjawab nafkah kepada suami sepanjang ikatan perkahwinan, tiada sebarang jaminan bahawa isteri akan menerima nafkah bulanan yang dipertanggungjawabkan ke atas suami, begitu juga hak-hak yang patut diterima selepas terjadinya perceraian. Kenyataan tersebut diperkuuhkan lagi dengan punca utama berlakunya perceraian di Malaysia yang disebabkan faktor ekonomi, termasuklah kegagalan suami menyediakan nafkah kepada isteri.<sup>270</sup> Terdapat juga dalam kalangan isteri yang tidak meminta nafkah kerana tidak

---

<sup>267</sup> Rakesh, “Law of Dower”, 58.

<sup>268</sup> Mehdi, “Danish Law”, 120.

<sup>269</sup> Mazlan Abd Manan, “Kesalahan-Kesalahan Matrimoni Kalam Kes Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah: Kajian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan”, (tesis sarjana: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 95.

<sup>270</sup> Raihanah Azahari, “Permasalahan Rumah tangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor”, *Jurnal Syariah* 15, no.1 (2007), 125. Lihat juga Raihanah Azahari “Factors Contribute To Marital Problems Among Malay Muslim Women : A Case Study In Malaysia”, *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 257. Lihat juga Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin,

mengetahui hak mereka dengan jelas<sup>271</sup> dan hanya menuntut nafkah apabila terjadinya perceraian.<sup>272</sup> Walaupun bekas isteri pada dasarnya berhak mendapatkan nafkah setelah perceraian, namun nafkah ‘iddah tersebut hanya akan diterima dalam tempoh tiga bulan, iaitu selama waktu ‘iddah sahaja.<sup>273</sup> Justeru, dengan pemilikan mahar yang bernilai tinggi telah memberikan satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada isteri terutamanya apabila berdepan situasi-situasi tersebut.

### 3.3 Memperkasakan Peranan Mahar

Ke arah memperkasakan peranan mahar sebagai jaminan kepada sosio-ekonomi wanita, di samping mengambilkira syarat-syarat mahar, terdapat beberapa elemen lain yang harus diambilkira dan diperhalusi, iaitu:

#### 1. Mahar yang bersifat mudah

Dalam konteks memudahkan mahar, ia bukanlah bermaksud memurahkan,<sup>274</sup> tetapi bermaksud meringankan.<sup>275</sup> Ini kerana, murah dari sudut etimologi merujuk kepada sesuatu harga.<sup>276</sup> Sebaliknya, mahar dalam Islam bukanlah dianggap sebagai harga atau bayaran kepada wanita. Memudahkan urusan mahar adalah dalam konteks tidak membebangkan pihak yang memberi.<sup>277</sup> Mengambil contoh mahar baju besi yang

---

dan Che Hashim Hassan, *Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2006), 57.

<sup>271</sup> Zaharah Jaafar, “Penetapan Kadar Nafkah Isteri: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan”, (tesis sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 185.

<sup>272</sup> *Ibid.*

<sup>273</sup> Al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī*, 658.

<sup>274</sup> Sebagaimana dalam hadith “جَرِيَ الصَّدَاقُ أَيْسَرٌ” [mahar yang baik ialah yang paling mudah], hadith riwayat Al-Baiḥāqī, Kitab Al-Ṣadāq, Bāb Al- Nikāḥ Yun’aqadu bi Ghairi Mahr, no. hadith 13882.

<sup>275</sup> Syamsul Haq Al-‘Adzīm, ‘Aunul Ma’būd Syarḥ Sunan Abū Dāud (Madīnah: Al-Maktabah Al-Salafiyah, 1968), 152.

<sup>276</sup> Kamus Dewan, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) 909, entri “murah”.

<sup>277</sup> Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya”, 324.

diterima oleh Fatimah,<sup>278</sup> pada ketika itu Rasulullah S.A.W. memberikan keringanan kepada ‘Ali untuk memberikan mahar mengikut kemampuannya dengan tujuan memudahkan urusan perkahwinannya. Walaupun mahar yang diberikan seakan-akan tidak memberi nilai yang tinggi kepada isterinya, namun pada hakikatnya urusan mahar yang dipermudahkan tersebut tetap mempunyai nilai yang sangat tinggi (400 dirham)<sup>279</sup> dan merupakan harta terbaik yang dimiliki oleh Saidina ‘Ali ketika itu.

Apabila urusan mas kahwin dipermudahkan, maka ia sekaligus akan memudahkan bakal pengantin mendirikan rumahtangga.<sup>280</sup> Terdapat beberapa saranan yang menyeru agar urusan mahar dipermudahkan antaranya dalam sebuah hadith:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ أَتَرْضَى أَنْ أُرْوِجُكَ فُلَانَةً قَالَ نَعَمْ وَقَالَ لِلْمَرْأَةِ أَتَرْضِينَ أَنْ أُرْوِجُكَ فُلَانًا قَالَتْ نَعَمْ فَزَوَّجَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَدَخَلَ إِلَيْهَا الرَّجُلُ وَلَمْ يُفْرِضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ يُعْطِهَا شَيْئًا وَكَانَ مِنْ شَهَدَ الْخَدِيْنَيَّةِ وَكَانَ مِنْ شَهَدَ الْخَدِيْنَيَّةِ لَهُ سَهْمٌ بِخَيْرٍ فَلَمَّا حَضَرَتِهِ الْوَفَاءَ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَوْجِي فُلَانَةً وَلَمْ أَفْرِضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ أَعْطِهَا شَيْئًا وَلَيْسَ أَشْهَدُكُمْ أَنِّي أَعْطَيْتُهَا مِنْ صَدَاقِهَا سَهْمِيِّ بِخَيْرٍ فَأَخَذَتْ سَهْمَاهَا فَبَاعَتْهُ مِائَةً أَلْفٍ قَالَ أَبْوُ دَاؤُدْ وَرَادَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ وَحَدِيثُهُ أَتَمَّ فِي أَوَّلِ الْحَدِيثِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ النِّكَاحِ أَيْسَرُهُ.

Terjemahan: ‘Uqbah bin Amir meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. berkata kepada seorang lelaki: “Relakah engkau aku nikahkan dengan si Fulanah?” Lelaki itu menjawab, “Ya”. Rasulullah berkata kepada si Fulanah: “Relakah engkau aku

<sup>278</sup> Yousuf N. Lalljee, *Know Your Islam*, ed. ke-3 (New York: Taknike Tarsile Quran, 1981), 119.

<sup>279</sup> Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa baju besi itu bernilai 480 dirham. Lihat Shamim, *Prophet Muhammad*, 193.

<sup>280</sup> Al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī*, 256.

nikahkan dengan si Fulan? Wanita itu menjawab: “Ya”. Si lelaki itu pun menggauli isterinya tanpa memberi mahar atau memberikan sesuatu kepadanya. Lelaki itu merupakan salah seorang pejuang Perang Hudaibiyah. Pejuang Hudaibiyah berhak mendapatkan bahagian dari tanah Khaibar. Ketika ajalnya hampir tiba, lelaki itu berkata “Ketika Rasulullah menikahkanku dengan si Fulanah, aku belum memberi mahar dan memberikan sesuatu kepadanya. Sekarang, saksikanlah bahawa akau akan memberikannya mahar iaitu bahagianku dari tanah Khaibar.” Setelah lelaki itu meninggal dunia, wanita itu mengambil bahagiannya dan menjualnya dengan harga 100.000 dirham. Salah seorang perawi hadis menambahkan di awal hadis bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda, “Sebaik-baik pernikahan adalah yang mudah (maharnya).”<sup>281</sup>

Merujuk kepada maksud hadith tersebut, saranan memudahkan mahar tersebut bertujuan mengelakkan kadar mahar yang berlebihan hingga merumitkan urusan perkahwinan.<sup>282</sup> Tambahan pula mahar adalah merupakan satu-satunya amalan pemberian perkahwinan masyarakat pada ketika itu.<sup>283</sup> Justeru, dalam mengaplikasikan saranan tersebut dalam masyarakat Muslim di Malaysia, memudahkan urusan perkahwinan bukan hanya terbatas kepada mahar sahaja tetapi juga harus melibatkan keseluruhan urusan perkahwinan seperti adat hantaran dan urusan kenduri perkahwinan keseluruhannya. Ini kerana, mahar di Malaysia (merujuk kepada panduan kadar mahar) masih dianggap rendah.<sup>284</sup> Sebaliknya, adat hantaran ekstrem mencecah belasan ribu ringgit yang dilihat menyebabkan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat<sup>285</sup> sehingga

---

<sup>281</sup> Hadith Riwayat Abu Daud, Kitab Al-Nikāh, Bāb fī Man Tazawwaja wa Lam Yusammā (Lahā) Ṣadāqan Ḥattā Māta, no. hadith 2117. Abu Daud mengatakan bahawa hadith ini *Sahīh*.

<sup>282</sup> Syamsul Haq Al-'Adzīm, 'Aunul Ma'būd Syarḥ Sunan Abū Dāud (Beirut: Dār Al-Kutub al-'Ilmīyah, 1995), 107.

<sup>283</sup> *Ibid.* Lihat juga Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 256.

<sup>284</sup> Zainunnisa, “Mahar in Malaysia”, 1.

<sup>285</sup> *Ibid.*

mendesak pasangan berhutang demi memenuhi tuntutan adat hantaran tersebut.<sup>286</sup>

Amalan memberatkan pemberian perkahwinan sehingga menyulitkan urusan perkahwinan seperti inilah yang jelas tidak bertepatan dengan prinsip Islam dan akan menghilangkan keberkatan dalam perkahwinan.<sup>287</sup>

## **2. Mahar yang relevan dengan sosio-ekonomi semasa dan kemampuan suami**

Pada dasarnya, syariat Islam tidak menetapkan sebarang kadar mahar tertentu (minimum dan maksimum)<sup>288</sup> agar urusan mahar dilaksanakan mengikut kemampuan dan keadaan ekonomi semasa.<sup>289</sup> Namun, dalam memastikan mahar yang diterima memberi manfaat kepada wanita, maka dalam konteks ini fuqaha' berpendapat penentuan kadar mahar juga perlulah selari dan relevan dengan keadaan ekonomi semasa masyarakat pada ketika itu.<sup>290</sup> Ini kerana, taraf sosio-ekonomi masyarakat akan sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan.

Walaupun mahar merupakan hak mutlak isteri, namun kemampuan dan keadaan suami juga perlu diambil kira.<sup>291</sup> Kemudahan dan keringanan<sup>292</sup> yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W. dalam urusan mahar seperti saranan memberikan mahar dengan cincin besi, sandal atau mengajarkan Al-Quran<sup>293</sup> adalah merupakan antara bukti dan contoh bagaimana Baginda sentiasa mengambil kira kemampuan pihak lelaki dalam menetapkan kadar mahar setelah mengetahui tahap kemampuan mereka. Peristiwa-peristiwa tersebut jelas menunjukkan bahawa keadaan suami perlu juga diambil kira

---

<sup>286</sup> *Ibid.*

<sup>287</sup> Muṣṭafā al-Khin, al-Syeikh Muṣṭafā al-Bughā dan 'Alī al-Syarbājī, *Al-Fiqh al-Manhajī 'alā al-Madhab al-Imām al-Syāfi'i* (Damsyik : Dār al-Qalam, 1992), 88.

<sup>288</sup> Al-Sābūnī, *Rawā'i` al-Bayān*, 324.

<sup>289</sup> *Ibid.*

<sup>290</sup> Mehdi, "Danish Law", 118.

<sup>291</sup> *Ibid.*, 119.

<sup>292</sup> Al-Bassām, *Taudhīhul Ahkām*, 258.

<sup>293</sup> Lihat Al-'Adāwī, *Jāmi' Aḥkām*, 304.

sesuai dengan kemampuannya ditambah dengan kerelaan isteri. Sekiranya suami daripada kalangan mereka yang tidak mampu untuk memberikan mahar seperti golongan fakir miskin, suami dibolehkan memberi mahar dalam bentuk apa pun dengan persetujuan dan keredhaan isteri. Di samping itu, saranan turut diberikan kepada golongan yang tidak mampu memberikan mahar dan menafkahi isteri iaitu menahan diri sepetimana dalam firman Allah S.W.T:

وَلْيُسْتَعْفِفِ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِبُهُمُ اللَّهُ  
مِنْ فَضْلِهِ

An-Nūr 24: 33

Terjemahan: Dan orang-orang yang tidak mampu untuk berkahwin hendaklah menjaga kesucian dirinya, sehingga Allah menganugerahkan mereka dengan kurnia-Nya.

Namun, sekiranya suami daripada kalangan mereka yang mampu memberikan mahar yang tinggi, Islam tidak memberi halangan mahupun larangan selagimana ia tidak memberatkan urusan perkahwinan. Ini kerana, semakin tinggi nilai mahar yang diterima oleh isteri, maka semakin besar nilai jaminan sosio-ekonomi yang dimiliki oleh isteri.<sup>294</sup> Pemilikan wanita terhadap mahar memberi manfaat yang sangat signifikan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi mereka, berbanding hantaran yang kebiasaannya milik ahli keluarga dan lazimnya digunakan untuk perbelanjaan perkahwinan.

Walaubagaimanapun, amalan meninggikan mahar yang memberi kesan positif sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita juga mendatangkan kesan negatif dalam masyarakat. Amalan tersebut bukan sahaja dilihat menyukarkan dan membebankan

---

<sup>294</sup> Pascale Fournier, *Muslim Marriage*, 21.

lelaki untuk berkahwin,<sup>295</sup> bahkan turut membebankan pihak keluarga. Ini kerana, merujuk kepada amalan masyarakat di Timur Tengah contohnya, kebiasaannya pihak lelaki bukan sahaja wajib menyediakan wang dan cincin, malah perlu menyediakan keperluan-keperluan lain seperti rumah (atau set bilik tidur sekiranya pihak lelaki kurang berkemampuan), perabot, baju dan sebagainya sebagai mahar.<sup>296</sup> Justeru, sebahagian daripada mereka terpaksa menyimpan duit untuk menampung kos perkahwinan sehingga sanggup berhutang atau menjual tanah dan harta untuk dijadikan mas kahwin.<sup>297</sup>

Justeru, dalam konteks ini, titik keseimbangan perlu dicari dengan merujuk kepada kerangka asas dan falsafah pensyariatan mahar dalam Islam iaitu berdasarkan kemampuan dan keredhaan kedua belah pihak (suami dan isteri), dalam konteks tidak membebangkan lelaki dan pada masa yang sama memberi aset yang bermanfaat, bernilai kepada wanita dan relevan dengan keadaan semasa.

## Kesimpulan

Falsafah pensyariatan mahar telah menzahirkan prinsip Islam yang adil berbeza dengan amalan mahar pada zaman Jahiliyyah yang tidak mengiktiraf hak-hak wanita malah meletakkan wanita pada kedudukan yang terendah dalam masyarakat. Pensyariatan mahar juga jelas memberikan manfaat dan maslahah yang besar kepada wanita, berbanding dengan pemberian-pemberian perkahwinan yang lain seperti *dowry* dan *bride-price*. Falsafah pensyariatan mahar tidak bertujuan memperdagangkan wanita, tetapi merupakan suatu penghormatan kepada mereka. Justeru, mahar tidak harus dilihat

<sup>295</sup> L. Esposito & Natana, *Women In Muslim Family*, 120.

<sup>296</sup> Diane Singerman, *Avenues of Participation: Family, Politics, and Networks in Urban Quarters of Cairo*, (U.S.A.: Princeton University Press, 1996), 112.

<sup>297</sup> L. Esposito & Natana, *Women In Muslim Family*, 120.

sekadar pemberian wajib atau pemberian yang bersifat ritual ketika akad perkahwinan, bahkan perlu dilihat secara lebih luas dalam konteks berperanan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita dalam ikatan perkahwinan terutamanya ketika berdepan musibah dalam rumah tangga seperti perceraian atau kematian suami.

## **BAB 4**

### **Analisis Kajian**

#### **Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita:**

#### **Kajian di Tawau, Sabah**

#### **4.1 Pengenalan**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti adakah mahar berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita. Metod temubual dilakukan untuk mendapatkan data-data dalam bab ini. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara manual mengikut tema-tema bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Justeru, dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan analisa yang telah dilakukan.

#### **4.2 Persampelan**

Kajian ini melibatkan 13 orang responden sebagai sampel yang terdiri daripada daripada pelbagai etnik Muslim di Tawau, Sabah yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza. Responden dipilih secara bertujuan melalui kaedah *purposive sampling* daripada mereka yang telah berkahwin untuk melihat adakah mahar yang diterima berperanan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

#### **4.3 Kerangka Analisa Data**

Beberapa langkah telah diambil dalam memastikan data-data temubual yang diperolehi boleh dipercayai atau bersifat *reliable*. Antaranya, pengkaji terlebih dahulu menjalankan

kajian rintis sebelum melakukan kajian sebenar. Melalui kajian rintis ini, pengkaji berpeluang memperbaiki soalan yang kurang bertepatan dengan objektif utama kajian. Di samping itu, pengkaji juga menguji tahap kebolehpercayaan item set temubual sebelum melakukan kajian sebenar. Sampel yang digunakan dalam kajian rintis mempunyai ciri yang sama dengan kumpulan sebenar yang digunakan dalam penyelidikan. Dalam kajian rintis, pengkaji hanya memilih seramai 6 responden daripada mereka yang sudah berkahwin daripada latar belakang etnik, pekerjaan dan pendidikan yang berbeza.

Sebelum menjalankan temubual, pengkaji telah membuat temujanji terlebih dahulu bersama responden bagi memastikan mereka betul-betul bersedia untuk ditemubual. Sebelum temubual berakhir, pengkaji membuat proses verifikasi data agar data dan maklumat yang diberikan tidak tercicir dan bertepatan dengan maksud sebenar responden. Sebelum data-data temubual dianalisis, semua hasil temubual akan diulang dengar semula dan ditranskripkan satu persatu dalam bentuk dialog yang lebih tersusun dan teratur. Temubual dirakamkan menggunakan perakam suara bagi memudahkan proses analisis dan simpanan data. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara manual mengikut tema yang telah ditetapkan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

Pengkaji menggunakan temubual berstruktur dan tidak berstruktur. Temubual berstruktur digunakan untuk mengumpulkan maklumat demografi responden seperti umur, pekerjaan, pendidikan, pendapatan dan jenis etnik. Manakala, temubual semi-berstruktur yang difokuskan kepada beberapa tema penting digunakan untuk menjawab persoalan utama kajian dan mencapai objektif kajian. Berikut merupakan tema-tema yang ditetapkan:

### **1. Persepsi wanita terhadap mahar**

Pengkaji terlebih dahulu mengkaji apakah persepsi dan pandangan responden tentang mahar berdasarkan kefahaman dan pengetahuan mereka. Hal ini bertujuan mengenalpasti persepsi wanita samada melihat mahar sebagai pemberian pelengkap ketika akad pernikahan semata-mata atau satu pemberian yang bermanfaat kepada mereka. Di samping itu, pengkaji juga melihat pandangan responden mengenai mahar yang ditangguhkan dan berkenaan panduan kadar mahar, samada mereka melihat ia sebagai garis panduan sahaja ataupun kadar yang wajib diikuti. Tema ini secara keseluruhannya dibentuk untuk menjawab persoalan kajian “apakah persepsi wanita tentang mahar?”

### **2. Amalan mahar dalam kalangan wanita**

Skop amalan mahar dalam kajian ini hanya menyentuh tentang kadar mahar yang diterima oleh responden, relevansinya serta mengenal pasti pengurusan mahar dalam kalangan responden. Bagi memastikan data bersifat lebih praktikal, natural dan bersifat lokaliti, responden diarahkan untuk menjawab persoalan berdasarkan pengamalan dan pengalaman mereka sendiri.

### **3. Peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita**

Dengan merujuk amalan dan kadar mas kahwin yang diterima oleh responden, tema ke-3 ini bertujuan menguji mekanisme mahar dari segi potensi dan kepentingannya kepada wanita terutamanya ketika berlaku musibah seperti perceraian dalam rumah tangga. Tema ini dibentuk untuk menjawab persoalan kajian ke-4 iaitu “adakah mahar yang diterima boleh berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada golongan wanita di Tawau, Sabah?”

#### **4.4 Analisis demografi responden**

**Jadual 4.1. Maklumat Responden**

| <b>Resp.</b> | <b>Status<br/>(Tahun<br/>Perkahwinan)</b> | <b>Etnik</b> | <b>Pekerjaan</b>       | <b>Pendidikan</b>     | <b>Anggaran<br/>Pendapatan<br/>Bulanan</b> |
|--------------|---|--------------|------------------------|-----------------------|--|
| R1           | Berkahwin<br>(2000)                       | Tidung       | Suri Rumah             | SPM                   | Tiada                                      |
| R2           | Ibu Tunggal<br>(1972)                     | Jawa         | Tukang<br>Jahit        | Sek. Rendah<br>(UPSR) | RM 400                                     |
| R3           | Berkahwin<br>(2009)                       | Banjar       | Guru SAR               | STPM                  | RM 850                                     |
| R4           | Berkahwin<br>(1990)                       | Buton        | Peniaga                | Sek. Rendah<br>(UPSR) | RM 700                                     |
| R5           | Berkahwin<br>(2012)                       | Bugis        | Peniaga                | SPM                   | RM 350                                     |
| R6           | Berkahwin<br>(1970)                       | Bugis        | Suri Rumah             | Sek. Rendah<br>(UPSR) | Tiada                                      |
| R7           | Berkahwin<br>(1979)                       | Bajau        | Suri Rumah             | Sek.Rendah<br>(UPSR)  | Tiada                                      |
| R8           | Berkahwin<br>(2012)                       | Visaya       | Guru                   | Sarjana<br>Muda       | RM 2500                                    |
| R9           | Berkahwin<br>(2012)                       | Suluk        | Suri Rumah             | SPM                   | Tiada                                      |
| R10          | Berkahwin<br>(2011)                       | Jawa         | Eksekutif<br>Pemasaran | Diploma               | RM 1500                                    |
| R11          | Berkahwin<br>(2011)                       | Bugis        | Guru SAR               | STPM                  | RM 850                                     |
| R12          | Berkahwin<br>(2007)                       | Cocos        | Guru                   | Diploma               | RM 1800                                    |
| R13          | Berkahwin<br>(2012)                       | Bugis        | Guru                   | Sarjana<br>Muda       | RM 2500                                    |

Sumber: Temubual

Para responden dikategorikan kepada mereka yang masih dalam ikatan perkahwinan dan berstatus ibu tunggal (janda). Pemilihan responden daripada mereka yang telah berkahwin dapat membantu memberikan jawapan-jawapan yang lebih praktikal kepada soalan-soalan yang dikemukakan berdasarkan pengalaman dan pengamalan dalam perkahwinan mereka. Responden terdiri daripada mereka yang berpendidikan di peringkat SPM 3 orang, diikuti mereka yang berpendidikan pada tahap sekolah rendah 4 orang, STPM 2 orang, diploma 2 orang manakala Ijazah Sarjana Muda 2 orang.

Pekerjaan responden dibahagikan kepada empat kategori iaitu bekerja di sektor kerajaan, sektor swasta, bekerja sendiri dan responden yang tidak bekerja. Didapati responden yang bekerja di sektor kerajaan ialah 5 responden, di sektor swasta 1 responden, 3 responden bekerja sendiri sementara 4 responden yang lain tidak bekerja (suri rumah sepenuh masa) disebabkan latar belakang pendidikan yang rendah.

Berdasarkan data yang telah dianalisis, responden yang berpendapatan bawah RM500 adalah seramai 2 orang, berpendapatan antara RM 500 - RM1000 seramai 3 orang, berpendapatan antara RM 1501-2000 1 orang, berpendapatan antara RM 2001- RM 2500 1 orang sementara mereka yang berpendapatan antara RM 2501-RM 3000 seramai 2 orang. Sementara itu, responden yang tidak mempunyai pendapatan adalah seramai 4 orang atas faktor tidak bekerja.

## **4.5 Persepsi Wanita Terhadap Mahar**

### **4.5.1 Kefahaman Wanita Tentang Mahar**

Pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan untuk menilai kefahaman wanita berkenaan mahar. Respon berkenaan pengertian mahar ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.2. Mahar Menurut Responden**

| <b>Respon</b>   | <b>Kekerapan</b> |
|---|------------------|
| Pemberian wajib daripada suami kepada isteri dengan sebab perkahwinan | 12               |
| Hadiah perkahwinan kepada isteri                                      | 1                |

Sumber: Temubual

Jadual tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 12 orang berpendapat mahar adalah pemberian wajib daripada suami kepada isteri dengan sebab perkahwinan samada melalui pemberian wang tunai, cek dan sebagainya, sementara hanya seorang responden berpendapat mahar adalah hadiah perkahwinan kepada isteri dalam konteks hadiah tersebut tetap wajib diberikan kepada isteri, bukan sekadar hadiah sukarela. Responden dilihat mempunyai pengetahuan yang baik tentang pengertian mahar berkemungkinan disebabkan kerana faktor latar belakang kesemua responden yang telah berkahwin dan pernah menerima mas kahwin.

Selain itu, responden juga diajukan persoalan berkenaan kedudukan mahar yang ditangguhkan pemberiannya. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi dan kefahaman wanita berkenaan mahar *mu’ajjal* yang jarang diamalkan oleh masyarakat Melayu Malaysia. Hasil kajian mendapati 3 responden mengatakan mahar tidak boleh diberikan secara hutang dan menyebabkan perkahwinan tidak sah, manakala responden yang lain berpendapat sebaliknya. Ini kerana mereka beranggapan bahawa pemberian

mahar adalah syarat sah nikah. Ini menunjukkan masih terdapat dalam kalangan responden yang belum memahami konsep mahar secara lebih menyeluruh walaupun mereka telah berkahwin. Selain itu, persepsi mereka juga meletakkan bahawa memberikan mahar secara bertangguh ataupun hutang adalah satu perkara yang mengaibkan.

*“Sekiranya hutang, itu bukan maskahwin. Ini kerana, mas kahwin perlu diberikan masa nikah.” R2.*

*“Memalukanlah bah kalau mas kahwin diberikan hutang..” R3.*

Fakta ini dibuktikan melalui hasil kajian dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.3. Kefahaman Responden Terhadap Mahar Yang Ditangguhkan**

| Respon                | Kekerapan |
|-----------------------|-----------|
| Sah perkahwinan       | 10        |
| Tidak sah perkahwinan | 3         |

Sumber: Temubual

#### **4.5.2 Persepsi Wanita Terhadap Panduan Kadar Mahar**

Walaupun panduan kadar mahar adalah merupakan garis panduan kepada masyarakat, namun pengkaji mendapati telah berlaku salah faham dalam kalangan wanita berkenaan panduan kadar tersebut. Ini kerana, kebanyakan daripada responden berpendapat bahawa ia wajib diikuti dan tindakan menambah atau merubah kadar mahar yang sedia ada adalah salah di sisi Islam. Hal ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa 10 daripada responden menganggap kadar tersebut wajib diikuti oleh setiap individu, manakala 3 responden lain menafikannya, seperti dalam jadual di bawah:

#### **Jadual 4.4. Persepsi Responden Tentang Panduan Kadar Maher**

| Respon        | Kekerapan |
|---------------|-----------|
| Wajib diikuti | 10        |
| Tidak wajib   | 3         |

Sumber: Temubual

*“Ya, itulah kadar yang perlu diikuti sebab itulah kadar yang ditentukan oleh MUIS (Majlis Agama Islam Sabah)..” R2.*

*“Kadar mahar sudah tertera dalam buku akad nikah dan kita tidak boleh mengubahnya.” R7.*

*“Yang penting tidak menyusahkan lelaki. Kalau di Tawau ni, nilai RM100 yang terbaik sebab itulah kadar yang wajib bagi kita. Jadi perempuan tak perlulah minta lebih daripada itu.” R3.*

#### **4.5.3 Pandangan Wanita Terhadap Kadar Maher Semasa (Panduan Kadar Maher)**

Berkenaan panduan kadar mahar semasa di Tawau Sabah, didapati 10 daripada responden berpendapat bahawa panduan kadar mahar semasa iaitu RM100 dan RM80 untuk janda masih mencukupi dan relevan dengan keadaan semasa, sementara 3 responden berpendapat sebaliknya. Dapatan ditunjukkan dibuktikan dalam jadual di bawah:

#### **Jadual 4.5. Pandangan Wanita Terhadap Kadar Maher Semasa**

| Respon                          | Kekerapan |
|---------------------------------|-----------|
| Relevan (mencukupi)             | 10        |
| Tidak relevan (tidak mencukupi) | 3         |

Sumber: Temubual

Berdasarkan hasil analisa temubual bersama para responden, pengkaji mendapati bahawa alasan responden berpendapat kadar mahar tersebut masih relevan dan tidak perlu untuk diubah adalah kerana:

**1. Menaikkan kadar mahar akan memberatkan urusan perkahwinan**

Sekiranya kadar mahar semasa dinaikkan, lelaki akan semakin terbeban memandangkan kadar hantaran yang juga perlu ditanggung oleh lelaki semakin tinggi. Pengkaji mendapati responden lebih mengambil kira kepentingan dan bebanan suami yang terpaksa menanggung kos perbelanjaan perkahwinan termasuk urusan hantaran berbanding kepentingan mahar tersebut kepada mereka.

*“Untuk apa minta mahar lebih-lebih sebab ada lagi adat hantaran yang perlu dibayar oleh lelaki..” R3.*

**2. Tiada arahan perubahan kadar daripada Jabatan Agama.**

*“Tidak boleh lari (terlepas) dari nilai itu. Sebab ia dah ditetapkan oleh Jabatan Agama, sehingga dalam buku akad nikah pun dah tertera nilai itu. Jadi, tidak elok rasanya kita ubah yang sudah ditetapkan..” R8.*

**3. Meninggikan kadar mahar akan merendahkan kemuliaan wanita dan menghilangkan keberkatan perkahwinan.**

*“Meletak mahar yang tinggi pun macam menjual anak sebab ada tawar menawar. Yang penting, keberkatan. Bagi saya dan budaya masyarakat jawa, semakin rendah mahar, semakin tinggi maruah wanita tersebut.”R2.*

Adapun sebab-sebab yang diberikan oleh responden yang melihat panduan kadar mahar semasa sudah tidak relevan adalah:

## **1. Kadar mahar yang terlalu rendah berbanding hantaran.**

*“Bagi saya tidak relevan. Sepatutnya, perlu diseimbangkan antara kadar mas kahwin dengan hantaran. Kalau kita lihat sekarang pun, hantaran makin tinggi tapi mas kawhin tetap dengan kadar begitu.” R7.*

## **2. Panduan kadar mahar sudah tidak meraikan keadaan semasa.**

*“Perlu juga diambilkira keperluan ekonomi sekarang macamana? Kos sara hidup yang semakin tinggi juga sekarang perlu diambilkira. Kalau dulu, mungkin nilai RM100 sangat besar, tapi sekarang keadaan itu tak sama.” R1.*

### **4.5.4 Persepsi Wanita Tentang Ciri-Ciri Mahar Yang Terbaik Menurut Islam**

Hasil analisa mendapati 9 daripada responden berpendapat ciri-ciri mahar yang terbaik menurut Islam ialah yang paling rendah kadarnya (mengikut panduan kadar mahar yang sedia ada) dan tidak membebankan lelaki, sementara 4 responden pula berpendapat mahar yang bernilai tinggi yang diberikan mengikut kepada kemampuan lelaki adalah mahar yang terbaik.

*“Tidak semestinya mas kahwin yang paling murah dan rendah itu yang paling baik. Lagi baik kalau mas kahwin itu dinaikkan sedikit supaya ia dilihat lebih bernilai dan bermanfaat kepada wanita.” R1.*

*“Kalau suami mampu memberikan yang lebih tinggi dan beri sesuatu yang ‘maujud’ dan bersifat lebih kekal daripada mahar yang ditentukan di setiap negeri, tiada salahnya bagi saya.” R13*

Persepsi wanita kebanyakannya melihat mahar sebagai pemberian yang memberi keberkatan kepada wanita, yang mana nilai keberkatan tersebut disandarkan kepada rendahnya kadar mahar yang diterima. Mereka melihat kadar mahar yang paling rendah adalah yang terbaik dalam konteks semakin rendah kadar mahar, maka semakin tinggi maruah seorang wanita dan semakin berkat sebuah perkahwinan.

*“Mahar yang paling rendah itulah yang paling bagus. Saya tak bersetuju dengan mahar yang tinggi. Bukan sahaja membebankan lelaki, takut dilihat riak dan menunjukkan.” R2.*

*“Mas kahwin yang paling rendah itu yang paling baik. Untuk apa kita minta mas kahwin tinggi-tinggi? Ia hanya akan menyusahkan lelaki sahaja..” R11.*

Dapatan tersebut ditunjukkan dalam Jadual di bawah:

#### **Jadual 4.6. Persepsi Responden Tentang Ciri-Ciri Mahar Yang Terbaik**

##### **Menurut Islam**

| <b>Respon</b>                           | <b>Kekerapan</b> |
|---|------------------|
| Rendah dan tidak membebankan suami      | 9                |
| Tinggi dan berpotensi melindungi isteri | 4                |

Sumber: Temubual

#### **4.5.5 Rumusan**

Daripada beberapa persoalan dan respon yang dikemukakan berkenaan persepsi dan kefahaman wanita tentang mahar, pengkaji mendapati bahawa persepsi wanita keseluruhannya melihat pemberian mahar hanya sebagai pemberian tipikal dan bersifat ritual dalam majlis perkahwinan. Responden juga dilihat kurang faham berkenaan kedudukan mahar yang ditangguhkan. Ini kerana, terdapat dalam kalangan mereka yang melihat mahar yang ditangguhkan adalah perkara yang mengaibkan dan menyebabkan perkahwinan tidak sah.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa telah berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat berkenaan panduan kadar mahar. Ini kerana, kebanyakan wanita menganggap bahawa kadar tersebut wajib diikuti dan sebarang perubahan kadar mahar adalah sesuatu yang negatif dan akan menghilangkan keberkatan perkahwinan.

Walaupun panduan kadar tersebut bertujuan menjadi garis panduan kepada masyarakat, namun realitinya ia telah menjadi kadar yang wajib diikuti masyarakat.

Pada masa yang sama, wanita juga melihat kadar mahar semasa (panduan kadar mahar) di lokasi kajian masih relevan dengan mengambil kira faktor pengantin lelaki yang terpaksa menanggung perbelanjaan perkahwinan termasuk menyediakan hantaran. Ini menunjukkan bahawa wanita lebih mengutamakan untuk memudahkan urusan perkahwinan dengan cara tidak membebankan kaum lelaki dengan mahar yang tinggi. Namun, amalan memudahkan urusan perkahwinan hanya terbatas dalam urusan mahar sahaja tetapi tidak melibatkan urusan perkahwinan yang lain seperti urusan hantaran. Atas dasar melihat mahar sebagai pemberian yang melambangkan keberkatan kepada wanita, maka mahar yang diberikan dalam kadar yang paling rendah adalah mahar yang terbaik bagi wanita.

#### **4.6 Amalan Mahar Dalam Kalangan Wanita**

##### **4.6.1 Kadar Mahar**

**Jadual 4.7. Kadar Mahar Yang Diterima Oleh Responden**

| <b>Respon</b>                                   | <b>Kekerapan</b> |
|---|------------------|
| RM 88- RM 100 (Berdasarkan panduan kadar mahar) | 12               |
| RM100 dan ke atas                               | 1                |

Sumber: Temubual

Berdasarkan jadual di atas, majoriti daripada responden didapati menerima kadar mahar berpandukan garis panduan kadar mahar. Sejak tahun 1970 sehingga tahun 2012, sebanyak 12 daripada 13 responden menerima mahar selari dengan panduan kadar

mahar, iaitu 9 responden menerima RM100 (pada tahun 1990-2012) manakala 3 responden menerima mahar sebanyak RM 88 (pada tahun 1970-1979) berdasarkan panduan kadar mahar pada tahun tersebut. Sementara itu, hanya 1 responden yang menerima mahar di luar panduan kadar mahar iaitu seutas rantai dan sepasang gelang emas.

*“Nilai RM100 itu tak kekal lama. Bagi saya, emas ini lagi baik, ‘memorable’ dan bermanfaat”.* R13

Majoriti daripada responden meletakkan urusan kadar mahar sepenuhnya berdasarkan panduan kadar mahar. Pengkaji mendapati amalan ini kesan daripada salah faham responden berkenaan panduan kadar mahar. Ini kerana, walaupun mereka berpandangan bahawa kadar tersebut sudah tidak relevan, namun mereka seolah-olah telah terikat dengan panduan kadar mahar tersebut.

*“Ya, mahar yang saya terima kalau difikirkan memang terlalu rendah, tapi kadar itu sudah ditetapkan. Jadi, kita ikut saja..”* R1.

Panduan kadar mahar yang tidak mengalami sebarang perubahan sejak beberapa dekad yang lalu juga menyebabkan mahar yang diterima oleh sebahagian besar responden juga tidak mengalami sebarang pertambahan nilai daripada tahun ke tahun (1990-2012). Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa pengaruh etnik juga membataskan hak wanita untuk meminta atau menerima mahar yang relevan berdasarkan kehendak mereka sendiri. Hal ini berlaku disebabkan kepercayaan dan pegangan etnik yang masih kuat dalam kalangan masyarakat terutama bagi golongan tua dalam keluarga. Mereka percaya bahawa merubah kadar mahar yang sedia ada akan menghilangkan keberkatan pernikahan. Justeru, mereka akan memastikan anak cucu mereka meneruskan tradisi dan kepercayaan tersebut. Berikut itu, bakal pengantin yang ingin berkahwin terpaksa akur kepada larangan tersebut sebagai tanda

penghormatan kepada ahli keluarga yang lain dan meneruskan tradisi kepercayaan mereka.

*“Orang-orang tua kami sangat menitikberatkan pasal mas kahwin. Bagi kami, kalau kita menambah atau meninggikan kadar mas kahwin, akan ada hal buruk atau hal-hal yang tidak baik akan terjadi kepada pasangan. Keberkatan pun akan hilang. Kalau mengikut kepercayaan kami juga, kalau kita menambah-nambah lagi duit mas kahwin itu melebihi kadar yang sepatutnya, kami akan kena ‘ketulahanan’ [terkena musibah]”* R4.

Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa responden melihat tindakan merubah kadar mahar yang sedia ada juga merupakan satu amalan negatif dalam masyarakat dan memberikan tanggapan yang buruk terhadap wanita tersebut. Justeru, meletakkan kadar mengikut kehendak sendiri bukanlah satu perkara yang mudah untuk diamalkan dalam masyarakat yang sudah sebat dengan amalan menerima mas kahwin mengikut panduan kadar mahar yang sedia ada. Kenyataan ini disokong dengan pengakuan seorang responden yang menerima mahar seutas rantai dan sepasang gelang emas.

*“Pada awalnya, keluarga saya sendiri turut tidak setuju dengan mas kahwin tersebut. Namun, setelah menjelaskan dengan lembut kepada keluarga saya, akhirnya mereka faham. Jiran-jiran ramai yang pelik dan janggal dengan perkahwinan saya disebabkan mas kahwin saya tinggi daripada yang biasa. Tapi, itu kan hak kita. Lagipun, suami saya yang beria-ia mau bagi rantai tersebut sebagai mas kahwin..”* R13.

#### 4.6.2 Pengurusan Mahar Dalam Kalangan Responden

**Jadual 4.8. Pengurusan Mahar Dalam Kalangan Responden**

| Respon | Kekerapan |
|--------|-----------|
| Simpan | 9         |
| Guna   | 4         |

Sumber: Temubual

Jadual di atas yang menunjukkan pengurusan mahar dalam kalangan responden. Didapati terdapat dua kecenderungan yang menjadi amalan utama responden terhadap mahar iaitu samada menggunakan atau hanya menyimpannya. 9 daripada responden menggunakan dan membelanjakan wang mahar mereka untuk membeli sesuatu yang berharga seperti emas dan barang keperluan lain, sementara 4 responden hanya menyimpannya sahaja (tidak menggunakan). Data secara detil direkodkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.9. Penggunaan/Perbelanjaan Hasil Perolehan dari Mahar**

| Res. | Amalan   | Alasan                                  |
|------|--|---|
| R1   | Beli emas  | Tidak terfikir untuk membeli benda lain |
| R2   | Beli emas  | Boleh disimpan lama                     |
| R3   | Beli emas  | Emas lagi baik disimpan berbanding duit |
| R4   | Beli emas  | Kebiasaan adat                          |
| R5   | Masih disimpan   | Baru berkahwin                          |
| R6   | Simpan dengan mak  | Tidak tahu fungsi                       |
| R7   | Beli katil   | Mengikut adat                           |
| R8   | Beli emas  | Tak cukup membeli mesin jahit           |
| R9   | Beli barang keperluan  | Mengikut adat                           |
| R10  | Beli emas  | Dijadikan tanda ingatan                 |
| R11  | Masih disimpan dan tidak terfikir lagi bagaimana menggunakan | Baru berkahwin                          |
| R12  | Beli emas  | Cadangan suami                          |
| R13  | Simpan ( Responden menerima emas)                            | Tanda ingatan                           |

Sumber: Temubual

Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji mendapati terdapat kecenderungan dalam kalangan responden untuk membelanjakan wang mahar mereka untuk sesuatu yang bersifat lebih produktif dan bertahan lama seperti emas. Ini kerana, mereka percaya emas mempunyai nilai yang tidak susut berbanding wang kertas, di samping mempunyai ‘*sentimental value*’ untuk dijadikan simpanan kenangan perkahwinan. Walaupun alasan membeli emas bukan atas dasar kesedaran terhadap perlunya satu bentuk jaminan sosio-ekonomi dalam rumah tangga, namun secara tidak langsung amalan membeli dan menyimpan emas tersebut berpotensi menjadi satu bentuk simpanan dan jaminan sosio-ekonomi wanita terutamanya apabila berdepan musibah dalam rumah tangga.

*“Masa makcik kahwin dulu pada tahun 1990, maskahwinnya RM100, dan nilai itu sangat tinggi waktu itu. Emas pun murah dulu. Jadi kalau mas kahwin RM100 dulu memang sangat cukup untuk beli emas yang bernilai tinggi. Kalau kita tukar mas kahwin dengan emas, mungkin satu hari kita boleh gadaikannya bila kita terdesak sebab bila kita tukar emas, kita tidak akan senang membelanjakannya melainkan bila kita betul-betul perlu dan terdesak..” R4.*

#### **4.6.3 Rumusan**

Pengkaji mendapati kebanyakan responden menerima mahar selari dengan panduan kadar mahar yang sedia ada atas faktor melihat kadar tersebut merupakan kadar yang wajib diikuti walaupun pada hemat mereka kadar tersebut sudah tidak relevan. Di samping wujud salah faham berkenaan panduan kadar mahar, pengkaji mendapati wujud juga kekangan lain kepada wanita dalam menetapkan mahar mengikut hak dan kehendak mereka sendiri antaranya kekangan adat yang melarang sebarang penambahan kadar dan juga persepsi masyarakat setempat yang meletakkan bahawa meninggikan mahar (tidak mengikut panduan kadar mahar yang sedia ada) adalah sesuatu yang negatif dalam Islam. Keadaan tersebut jelas telah menyimpang dengan aturan Islam yang memberikan

hak ekslusif kepada wanita dalam urusan mahar tanpa membenarkan campurtangan daripada siapa pun melainkan dengan keredhaan wanita tersebut.

Berkenaan pengurusan mahar dalam kalangan wanita, pengkaji mendapati responden lebih cenderung membelanjakan wang mahar tersebut untuk membeli sesuatu yang lebih produktif dan boleh disimpan lama seperti barang-barang kemas. Walaubagaimapun, nilai emas yang disimpan (nilai jaminan sosi-ekonomi) oleh wanita tidak begitu tinggi berikutan panduan kadar mahar yang menjadi ikutan utama masyarakat dalam penetapan kadar mahar dilihat sudah terlalu rendah. Ini kerana, pengkaji mendapati responden terpaksa menampung kos pembelian emas tersebut dengan wang mereka sendiri kerana kadar mahar yang diterima iaitu RM 100 sudah terlalu rendah untuk membeli emas.

Amalan membelanjakan wang mahar untuk membeli emas yang lebih produktif tersebut didapati hanya mengikut adat dan kebiasaan dalam keluarga dan masyarakat setempat, bukannya atas kesedaran terhadap perlunya satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita dalam rumah tangga. Dapatan ini berbeza dengan kajian yang dibuat oleh Yvonne dan L. Esposito dalam *Islam, Gender & Social Change*<sup>298</sup> yang mendapati amalan membeli emas dengan wang mahar dalam kalangan wanita di Oman adalah atas dasar kesedaran mereka terhadap peranan mahar sebagai satu bentuk sekuriti dan jaminan sosio-ekonomi.

---

<sup>298</sup> Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito, *Islam, Gender, & Social Change*, 149.

## **4.7 Peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita**

### **4.7.1 Peranan mahar kepada wanita**

Mahar menurut kerangka Islam merupakan harta yang bermanfaat dan bernilai yang wajib diberikan oleh seorang suami kepada isteri. Namun, kajian terhadap mahar yang diterima oleh wanita di Tawau, Sabah mendapati mahar hanya berperanan dalam konteks menjadi tanda kenangan perkahwinan dan pelengkap kepada majlis akad pernikahan sahaja.

Dapatan ditunjukkan secara detil dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.10. Peranan Mahar Kepada Responden**

| <b>Respon</b>                | <b>Kekerapan</b> |
|------------------------------|------------------|
| Tanda kenangan perkahwinan   | 9                |
| Pelengkap majlis perkahwinan | 4                |

Sumber: Temubual

Hal tersebut menunjukkan bahawa kepentingan mahar terbatas kepada keperluan ketika majlis perkahwinan semata-mata dan tidak menyentuh peranannya sebagai jaminan sosio-ekonomi isteri. Pengkaji mendapati hal ini berpunca daripada persepsi wanita yang hanya melihat mahar sebagai pemberian yang bersifat pelengkap akad tanpa mengambil kira kepentingannya kepada mereka. Bagi mereka, manfaat dan kepentingan mahar jaminan sosio-ekonomi bukanlah menjadi keutamaan. Sebaliknya, apa yang penting adalah perkahwinan dapat dijalankan dengan mudah tanpa memberi bebanan kepada suami dalam urusan mahar.

*“Tujuan mas kahwin itu untuk mencukupkan syarat nikah..” R11*

*“Tidak tahu kepentingan dan kegunaan mas kahwin itu. Hanya untuk syarat wajib pernikahan sahaja..”R6.*

*“Bagi saya, mahar cukup untuk sah akad nikah. Sebab bagi saya, saya tidak menganggap mahar itu sebagai pemberian yang bertujuan menjamin wanita..” R3.*

Tambahan pula, pengkaji juga mendapati gaya bahasa yang digunakan oleh responden juga menggambarkan mereka tidak begitu mengambilberat tentang mahar yang diberikan.

*“Saya lupa saya gunakan mas kahwin itu untuk apa..” R10.*

*“Saya pun tak pasti saya gunakan untuk apa..” R9.*

*“Saya pun tidak tahu mas kahwin itu saya simpan di mana sekarang..” R1.*

Pengkaji mendapati kurangnya maklumat dan pendedahan berkenaan kepentingan mahar kepada wanita merupakan antara salah satu faktor kurangnya kesedaran wanita tentang kepentingan mahar. Ini kerana, daripada tahun ke tahun (merujuk kepada tahun-tahun perkahwinan responden), tiada sebarang perkembangan positif yang dilihat berkenaan kepentingan mahar dalam kalangan responden. Mereka juga mendakwa skop perbincangan mengenai mahar dalam kursus perkahwinan juga tidak menyentuh kepentingan dan peranan mahar, sebaliknya hanya terbatas kepada perbincangan konsep asas mas kahwin sahaja seperti pengertian mas kahwin dan kewajipan pemberiannya.

#### **4.7.2 Potensi mahar sekiranya terjadi musibah dalam rumah tangga**

Sekiranya berlaku musibah dalam rumah tangga seperti kematian suami atau perceraian, hanya 3 responden berpendapat mahar yang diterima berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi kepada mereka atas faktor mahar yang diterima bernilai tinggi dan relevan dengan keadaan semasa pada ketika itu, sementara 10 responden yang lain menafikannya. Dapatan ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.11. Potensi Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita Ketika Terjadi Musibah Dalam Rumah Tangga (Perceraian Atau Kematian Suami)**

| Respon     | Kekerapan |
|------------|-----------|
| Berpotensi | 3         |
| Tidak      | 10        |

Sumber: Temubual

Pengkaji telah mengklasifikasikan alasan-alasan responden berkenaan kegagalan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita kepada beberapa sebab:

#### **1. Nilai mahar yang terlalu rendah**

*“Bagi saya mas kahwin yang saya dapat tidak cukup untuk menjamin keperluan ekonomi saya kerana nilai mas kahwin itu terlalu rendah bagi saya. Untuk membeli emas pun, saya perlu menambah dengan duit sendiri..” R1.*

*“..memang tak dapat. Dengan nilai RM 100, apa yang kita boleh buat? R8.*

*“Bagi saya, mas kahwin itu memang tidak cukup untuk menjamin atau menampung keperluan di saat kita susah.” R9.*

#### **2. Persepsi yang rigid tentang kepentingan mahar**

*“Nilai RM100 memang tak dapat menampung ekonomi sebab bagi saya mahar itu juga bukan untuk menjamin sosio-ekonomi wanita..” R2.*

*“Dari segi ekonomi, memang tidak (tidak berfungsi sebagai jaminan ekonomi isteri). Sebab, bagi kami, mas kahwin itu untuk memenuhi syarat akad nikah sahaja..” R10.*

*“Sebelum ini saya tidak pernah terdengar dan mengetahui bahawa mahar itu boleh memberi kelebihan dan jaminan kepada sosio-ekonomi wanita. Kerana selama ini saya menganggap bahawa mahar itu hanya pemberian untuk penghargaan kepada isteri..” R5.*

Dari pada alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh responden, pengkaji mendapati bahawa peranan dan potensi mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita dipengaruhi oleh beberapa faktor:

### **1. Nilai mahar yang diterima**

Pengkaji mendapati bahawa semakin tinggi kadar mahar yang diberikan, semakin besar potensi dan manfaat mahar tersebut kepada wanita. Sekiranya mahar yang diberikan relevan dengan keadaan semasa dan mempunyai nilai yang tinggi, maka secara tidak langsung wanita tersebut telah memiliki satu aset atau simpanan yang bermanfaat untuk dirinya sekiranya menghadapi sebarang musibah dalam rumahtangga.

*“Masa makcik berkahwin dulu, mas kahwin tu tinggi nilainya. Untuk jadi simpanan atau jaminan ekonomi isteri, saya rasa boleh. Sebab dulu nilai RM 100 itu sangat besar.” R4.*

*“Kalau dulu mungkin ya (berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi) sebab mas kahwin dulu tinggi nilainya..” R6.*

*“Seperti yang saya katakan tadi, merujuk kepada mas kahwin saya dulu, ia memang memberi kelebihan ekonomi kepada kaum wanita. Nilai RM88 satu ketika dulu memang sangat tinggi. Jadi, ia memang pemberian bermanfaat untuk wanita.” R7.*

Dapatan ini dibuktikan juga dengan pengalaman seorang responden yang pernah mengalami masalah ekonomi dalam rumahtangga setelah baru dua bulan berkahwin hingga mendesak beliau untuk menggunakan mahar yang merupakan satu-satunya harta yang ada pada ketika itu bagi menampung keperluan ekonomi mereka.

*“Cerita tentang masalah rumahtangga, kami telah melaluinya bulan lepas. Masa itu, ekonomi kami memang di tahap yang paling teruk. Hanya mas kahwin yang kami ada pada masa itu. Tapi, mas kahwin (RM100) itu memang tidak cukup untuk menampung keperluan kami ketika itu. Kalau mas kahwin yang diberikan tinggi sedikit, mungkin boleh menampung keperluan kami masa tu..” R5.*

## **2. Kesedaran wanita terhadap kepentingan mahar**

Peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita juga dipengaruhi oleh kesedaran dan pengetahuan wanita terhadap kepentingan mahar itu sendiri. Ini kerana, walaupun wanita tersebut menerima mahar yang bernilai dan bermanfaat kepada mereka, namun oleh kerana persepsi mereka yang hanya meletakkan mahar sebagai pemberian kenangan dan ‘memorable’, maka peranan mahar hanya sebagai hadiah penghargaan dan tanda kenangan. Bagi golongan tersebut, mahar mesti tetap disimpan sebagai tanda ingatan perkahwinan dan tidak akan digunakan walaupun ketika berhadapan dengan musibah dalam rumah tangga.

*“saya tidak terfikir untuk menggunakan mahar ini walaupun dalam keadaan terdesak. Ini kerana, mahar merupakan tanda ingatan dan tanda kasih sayang suami kepada saya. Jadi, Saya akan berusaha untuk menyimpannya.” R3.*

Kenyataan tersebut diperkuuhkan lagi dengan pengalaman seorang ibu tunggal yang kematian suami. Beliau menjelaskan:

*“Saya tidak pernah terfikir untuk menggunakannya apatah lagi menganggap mahar itu sebagai jaminan sosio-ekonomi kepada saya. Bagi saya ia hanyalah hadiah kenangan daripada arwah suami kepada saya..” R2.*

### **4.6.3. Keperluan melihat mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita**

**Jadual 4.12. Pandangan Responden Berkenaan Keperluan Melihat Mahar Sebagai Satu Jaminan Sosio-Ekonomi Dalam Rumah Tangga**

| Respon | Kekerapan |
|--------|-----------|
| Perlu  | 8         |
| Tidak  | 5         |

Sumber : Temubual

Jadual di atas menunjukkan pandangan responden berkenaan keperluan melihat mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi dalam rumahtangga. 8 daripada responden bersetuju bahawa wanita perlu melihat mahar satu jaminan sosio-ekonomi dalam rumahtangga, sementara 5 responden berpendapat sebaliknya. Pengkaji mendapati, keperluan isteri terhadap jaminan sosio ekonomi dalam rumahtangga dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya:

### **1. Pengalaman Menghadapi Musibah Dalam Rumahtangga**

Kesedaran wanita terhadap kepentingan mahar juga dipengaruhi oleh pengalaman melalui musibah dalam rumahtangga seperti perceraian atau kematian suami. Ini kerana, dapatan yang menunjukkan perlunya melihat mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada isteri dalam rumahtangga adalah daripada kalangan mereka yang pernah melalui musibah tersebut. Berdasarkan pengalaman dan penjelasan salah seorang responden yang pernah mengalami perceraian, beliau menjelaskan bahawa pada ketika itu beliau tidak mempunyai sebarang harta melainkan mahar tersebut. Dengan kadar mahar yang relevan dan bernilai tinggi yang dimiliki pada ketika itu, ia jelas dapat menampung keperluan dan menjamin sosio-ekonomi beliau dalam masa beberapa bulan sementara mencari pekerjaan.

*“makcik pernah melalui dua kali perkahwinan. Bila seorang wanita yang tidak bekerja bercerai dan tidak punya apa-apa harta, pada masa itulah kita akan rasa kesusahannya. Jadi, mas kahwin itu digadai dan kita dapat pulangan yang besar ketika itu. Bolehlah menampung kos sara hidup kita beberapa bulan..” R4.*

## **2. Kemandirian Sosio-Ekonomi Wanita**

Perbezaan taraf hidup dan kemandirian sosio-ekonomi juga dilihat mempengaruhi keperluan wanita kepada sesuatu pemberian yang bersifat jaminan dan perlindungan ekonomi kepada mereka. Hasil analisis mendapati responden yang tidak memerlukan satu bentuk jaminan sosio-ekonomi dalam rumah tangga adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai kemandirian sosio-ekonomi atas faktor mempunyai pekerjaan dan bergaji tetap samada di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta. Mereka menjelaskan bahawa mereka sendiri mampu untuk menjamin sosio-ekonomi mereka sendiri tanpa berhajat kepada mahar yang tinggi di samping masih mendapatkan nafkah bulanan daripada suami.

*“Saya rasa tidak perlu sebab gaji saya sudah cukup untuk menampung keperluan harian saya. Selebihnya, saya buat simpanan jugak untuk masa depan..” R3.*

## **3. Kepercayaan mutlak isteri kepada suami**

Sebahagian responden berpendapat bahawa nafkah bulanan yang diberikan oleh suami sudah cukup untuk menampung keperluan dan simpanan pada masa akan datang. Kepercayaan mutlak yang diletakkan kepada suami untuk menampung keperluan hidup menyebabkan mereka tidak bergantung kepada potensi dan kepentingan mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada mereka.

*“Rasanya tak perlu. Untuk apa berkahwin kalau tidak ada rasa kepercayaan antara suami isteri. Yang penting, saling percaya.” R3.*

### **4.7.4 Rumusan**

Daripada beberapa respon yang telah dikemukakan, pengkaji mendapati mahar yang diterima hanya berperanan dalam ruang lingkup akad pernikahan sahaja iaitu sebagai tanda kenangan perkahwinan dan sebagai pelengkap majlis pernikahan semata-mata

yang tidak produktif. Kesan pemberian juga sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi terutamanya ketika menghadapi sebarang musibah dalam rumahtangga seperti kematian suami atau perceraian tidak dapat dirasakan oleh sebahagian besar responden. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Rubya Mehdi, “*Danish Law And The Practice Of Mahr Among Muslim Pakistanis In Denmark*”<sup>299</sup> mendapati mahar memainkan peranan yang sangat signifikan kepada wanita dalam konteks berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita terutamanya ketika berlaku perceraian atau kematian suami.

Pengkaji mendapati hal ini disebabkan panduan kadar mahar yang menjadi ikutan utama masyarakat sudah terlalu rendah dan tidak meraikan keadaan semasa. Merujuk kepada panduan kadar mas kahwin di Tawau Sabah iaitu RM 100 bagi yang belum berkahwin dan RM 80 bagi janda,<sup>300</sup> kadar tersebut sememangnya mempunyai nilai yang tinggi dan berpotensi menjamin sosio-ekonomi wanita satu ketika dulu atas faktor mencukupi dengan keperluan ekonomi dan relevan dengan keadaan semasa pada ketika itu. Namun, panduan kadar mahar yang tidak mengalami perubahan sejak beberapa dekad lalu menyebabkan mahar yang diterima pada masa kini tidak dapat memberi manfaat yang besar kepada wanita melainkan sekadar pelengkap majlis akad perkahwinan sahaja. Ini menunjukkan potensi mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi yang difahami oleh responden bergantung kepada nilai mahar yang tinggi dan relevan pada ketika mahar tersebut diterima. Dapatan ini sama dengan kajian yang dibuat oleh Zainunnisa Abd. Rahman dalam *Mahar in Malaysia: The Law Revisited*<sup>301</sup> yang

---

<sup>299</sup> Mehdi, “Danish Law”, 120.

<sup>300</sup> Kadar mas kahwin setiap negeri di Malaysia”, laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, diakses 4 Mei 2011, <http://www2.islam.gov.my/maskahwin-negeri-negeri>.

<sup>301</sup> Zainunnisa, “Mahar In Malaysia”, 17.

mendapati bahawa panduan kadar mahar yang terlalu rendah dan tidak meraikan keadaan semasa seakan tidak memberi apa-apa nilai kepada wanita, berbanding dengan potensi mahar di Negara-Negara lain. Berikut itu, pengkaji melihat sekiranya panduan kadar mahar dinilai semula dengan mengambil kira kepentingannya kepada wanita dan keadaan ekonomi semasa, maka semakin besar nilai jaminan sosio-ekonomi yang dimiliki oleh isteri.

Pengkaji juga mendapati, keperluan wanita menganggap mahar sebagai satu jaminan sosio-ekonomi wanita tidak dipengaruhi oleh faktor suku kaum dan etnik, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor latar belakang responden seperti pengalaman menghadapi musibah dalam rumah tangga, kepercayaan mutlak kepada suami dan faktor kemampuan kemandirian sosio-ekonomi wanita sendiri atas faktor mempunyai pekerjaan dan gaji bulanan yang mencukupi. Dapatkan ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Ziba Mir-Hosseini (2000)<sup>302</sup> dalam *Marriage on Trial: Islamic Family Law in Iran and Morocco* yang mana mendapati faktor latar belakang sosio-ekonomi wanita mempengaruhi keperluan mereka terhadap mahar yang bernilai tinggi. Ini kerana, beliau mendapati wanita ‘moden’ yang mempunyai taraf sosio-ekonomi tinggi dalam konteks mampu menyara hidup sendiri, berpendidikan tinggi dan mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh, yakin untuk menghadapi sebarang musibah dalam perkahwinan tanpa perlu bergantung kepada pemberian mahar daripada suami. Di samping itu, dapatkan kajian tersebut juga sama dengan dapatkan kajian ini yang mendapati bahawa pengalaman menghadapi musibah rumah tangga dalam kalangan wanita juga mendorong kesedaran mereka untuk melihat mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi.

---

<sup>302</sup> Ziba, *Marriage on Trial*, 75.

#### **4.8 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan daripada analisa yang telah dilakukan mendapati bahawa mahar tidak dapat berfungsi sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita. Walaupun tujuan pensyariatan mahar untuk memberi hak pemilikan harta kepada wanita dalam konteks memberikan aset yang bersifat produktif dan boleh dimanfaatkan oleh mereka, namun melihat kepada sistemnya di Malaysia, mahar dilihat tidak memberi manfaat yang besar dan produktif kepada wanita. Walaupun wujud kepelbagaian etnik di Tawau Sabah yang memberi variasi amalan dan kepercayaan dalam urusan mahar, namun didapati faktor etnik dan budaya tidak mempengaruhi pandangan dan persepsi mereka terhadap kedudukan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi. Hal ini disebabkan beberapa faktor, antaranya panduan kadar mahar yang menjadi ikutan lazim masyarakat dilihat sudah terlalu rendah dan tidak meraikan keperluan sosio-ekonomi semasa berbanding potensinya pada awal penetapan panduan kadar mahar tersebut

Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa masyarakat belum terdedah sepenuhnya berkenaan kepentingan mahar dalam perkahwinan. Ini kerana, mereka sama ada daripada latarbelakang sosio-ekonomi yang rendah atau tinggi dilihat tidak mengambil berat berkenaan kepentingan mahar kepada diri mereka, asalkan perkahwinan dapat dilangsungkan dengan lancar tanpa memberi bebanan yang besar kepada bakal suami. Kajian mendapati hal ini disebabkan kerana wanita melihat bahawa semakin rendah mahar yang diminta, semakin berkat sebuah perkahwinan. Faktor perbezaan latar belakang pendidikan responden dilihat tidak mempengaruhi amalan, pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap kepentingan dan peranan mahar secara lebih luas. Kesedaran wanita terhadap kepentingan mahar dan keperluan menganggap mahar sebagai satu jaminan sosio-ekonomi dalam rumahtangga yang hanya timbul

dalam kalangan wanita yang pernah melalui musibah seperti perceraian atau kematian suami. Justeru, ke arah memperkasakan peranan mahar dan memberi kesedaran kepada wanita, dapatan-dapatan yang dikemukakan dalam kajian ini perlu diambilkira.

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Rumusan**

Mahar merupakan harta berharga dan bermanfaat yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri dengan sebab pernikahan atau persetubuhan. Pemberian mahar yang merupakan adat tertua masyarakat Jahiliyyah dalam konteks perkahwinan ini telah diberi nafas baru oleh Islam dengan menzahirkan prinsip dan sistem yang adil berbanding sistem dan amalannya yang terdahulu. Islam yang memberikan hak kepada wanita dalam urusan dan pemilikan mahar bukan sahaja telah menghapuskan sistem yang mendiskriminasi wanita, bahkan pensyariatan mahar tersebut dilihat berfungsi memberikan satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada wanita

Mahar adalah nafkah awal dan jaminan atas perpindahan tanggungjawab seorang wanita daripada ayahnya kepada seorang lelaki yang telah menjadi suaminya. Secara tidak langsung, pemberian mahar adalah jaminan awal sosio-ekonomi isteri dalam memulakan kehidupan baru bersama suami. Mengikut amalan kebiasaan, sekiranya seorang wanita telah berkahwin, maka dia akan berpindah dan tinggal bersama suaminya. Justeru, sekurang-kurangnya wanita perlulah mempunyai perlindungan dan jaminan sosio-ekonomi di tempat baru terutamanya bagi wanita yang tidak memiliki kemampuan dan kemandirian ekonomi. Begitu juga bagi golongan isteri yang bergantung sepenuhnya kepada suami dalam aspek perbelanjaan hidup akan menjalani hidup dalam serba kesulitan apabila terjadinya perceraian. Justeru, selain harta warisan peninggalan suami, mahar berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita,

apatah lagi sekiranya keadaan ibu tunggal tersebut sudah uzur dan tidak berkemampuan untuk mencari pekerjaan dan sumber rezeki.

Namun, dalam mencapai hikmah dan potensi mahar tersebut, sistem dan landasan mahar menurut syariat Islam yang merangkumi syarat, kadar dan falsafah pensyariatannya perlu diaplikasikan dengan mengambilkira perkembangan zaman dan reality masyarakat semasa. Dalam konteks ini, jumhur fuqaha' menggariskan bahawa mahar mestilah daripada aset yang bernilai dan berharga, memberi manfaat kepada isteri dan nilai yang relevan dengan keadaan semasa.

Merujuk kepada istilah mas kahwin dan emas yang lazim digunakan sebagai mahar dalam amalan masyarakat Melayu terdahulu, didapati masyarakat Melayu pada ketika itu telah melihat mahar sebagai pemberian yang bernilai tinggi dan berpotensi memberi jaminan sosio-ekonomi kepada mereka sesuai dengan sifat emas itu sendiri yang bersifat produktif dan mempunyai nilai yang tinggi. Walaubagaimanapun, merujuk kepada amalan semasa masyarakat di Tawau, Sabah, mahar hanya sebagai pemberian ala-kadar yang bersifat simbolik pernikahan merujuk kepada kadar mahar yang diterima tidak dapat memberi manfaat yang besar kepada wanita.

Persepsi masyarakat melihat mahar hanya sebagai pelengkap akad pernikahan dan tanda ingatan semata-mata. Mereka juga meletakkan mahar sebagai pemberian yang menentukan tahap keberkatan sesuatu perkahwinan dengan meletakkan indikator bahawa mahar yang paling rendah adalah yang paling berkat. Adapun nilai, kadar dan kepentingan mahar bukanlah menjadi keutamaan wanita asalkan perkahwinan dapat dilangsungkan dengan lancar tanpa memberi bebanan yang besar kepada bakal suami. Namun, realitinya amalan memudahkan urusan perkahwinan hanya terbatas dalam

urusan mahar sahaja dan tidak menyentuh urusan keseluruhan majlis perkahwinan termasuklah urusan hantaran dan sebagainya.

Walaupun wujud garis panduan kadar mahar yang bertujuan supaya kadar mahar tidak diletakkan sewenang-wenangnya ke tahap yang paling rendah hingga menjatuhkan martabat wanita ataupun diletakkan ke tahap yang maksima hingga membebankan kaum lelaki untuk berkahwin, namun masyarakat didapati telah tersalah faham dengan garis panduan tersebut. Ini kerana, kebanyakan wanita menganggap bahawa kadar tersebut merupakan kadar yang wajib diikuti. Salah faham tersebut dilihat menyebabkan beberapa impak negatif dalam masyarakat antaranya menafikan hak wanita dalam penetapan mahar. Ini kerana, sebarang perubahan atau penambahan kadar mahar di luar panduan kadar mahar (yang sedia ada) adalah satu perkara yang dipandang negatif dalam masyarakat dan akan menghilangkan keberkatan perkahwinan. Faktor-faktor tersebut dilihat telah membataskan peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi kepada wanita. Persepsi responden telah meletakkan bahawa maksud jaminan sosio-ekonomi daripada pemberian mahar bergantung kepada jumlah kadar mahar yang dimiliki. Ini bermakna, semakin tinggi mahar yang diterima, maka semakin besar potensi mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita. Kajian juga mendapati bahawa masyarakat nampaknya masih kabur dan kurang peka tentang kepentingan dan keutamaan mahar dalam perkahwinan. Senario ini berpunca disebabkan kurangnya pendedahan berkenaan kepentingan dan potensi mahar berbanding kepentingan hantaran yang jelas telah dimaklumi oleh masyarakat.

Dengan mengambilkira dapatan-dapatan tersebut, secara keseluruhannya pengkaji mendapati mahar gagal berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita terutamanya ketika menghadapi sebarang musibah dalam rumahtangga seperti

kematian suami atau perceraian dalam konteks amalan mahar di Tawau, Sabah. Pengkaji mendapati hal ini disebabkan oleh panduan kadar mahar yang sedia ada iaitu RM 100 bagi bapa dan RM 80 bagi janda dilihat sudah terlalu rendah untuk dijadikan simpanan sekuriti atau untuk membeli aset yang bertahan lama dan bersifat produktif seperti membeli emas. Ini kerana, dapatan menunjukkan nilai simpanan emas yang dimiliki oleh wanita daripada wang mahar yang dibelanjakan tersebut tidak memiliki nilai yang tinggi berikutan kadar mahar yang diterima adalah rendah. Justeru, sekiranya panduan kadar mahar yang menjadi ikutan utama masyarakat dalam penetapan kadar mahar memiliki nilai yang tinggi dan bermanfaat besar kepada wanita, maka secara automatiknya wanita telah memiliki satu aset yang berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada mereka terutamanya apabila berdepan dengan musibah seperti kematian suami atau perceraian.

## 5.2 Cadangan

Menyedari peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita, sistem dan urusan mahar di Malaysia perlu diperkasakan supaya ia dapat memaksimumkan peranannya. Justeru, dalam memperkasakan fungsi dan kepentingan mahar tersebut, pengkaji mencadangkan:

### Saranan Kepada Jabatan Agama

- Majlis dan Jabatan Agama Islam perlu memberi pendedahan berkaitan kepentingan mahar kepada masyarakat. Maklumat boleh disalurkan samada melalui teknologi yang sedia ada seperti rangkaian media sosial seperti *Facebook* yang menjadi tumpuan utama golongan belia masa kini atau melalui media arus perdana, seminar-seminar dan forum-forum dan sebagainya. Ia dilihat sebagai

medium terbaik dalam memberi kesedaran dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat terutamanya golongan wanita berkenaan isu ini.

- Dalam memperkasakan peranan mahar kepada wanita, sistem mahar (panduan kadar mahar) di Sabah juga perlu dinilai semula kadarnya. Garis panduan kadar mahar perlu lebih relevan dengan mengambilkira keadaan semasa dan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Ini kerana, garis panduan tersebut sudah tidak berpotensi memberi manfaat yang besar kepada wanita.
- Memandangkan wujud kekangan kepada wanita dalam urusan penetapan mahar, pihak-pihak yang berkenaan perlulah memberi kefahaman dan pendedahan berkenaan hak-hak wanita dalam urusan mahar dan kepentingannya kepada mereka. Perkara ini perlu diambil berat berikutan hak urusan mahar tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh wanita, sebaliknya telah melibatkan campurtangan wali dan ahli keluarga.
- Cadangan penggunaan dinar emas sebagai mas kahwin mungkin dilihat sebagai amalan baru di Tawau, Sabah. Walaubagaimanapun, sekiranya pendedahan berterusan diberikan kepada masyarakat berkenaan kelebihan penggunaan dinar emas yang mempunyai nilai yang tinggi dan produktif berbanding pemberian wang kertas sebagai mahar, tidak mustahil satu hari nanti masyarakat akan semakin menerima amalan tersebut sekaligus melihat mahar sebagai pemberian yang bernilai tinggi dan bermanfaat besar kepada wanita terutamanya bagi golongan yang tidak memiliki kemandirian ekonomi.

- Penstrukturkan semula skop perbincangan dalam kursus-kursus pra-perkahwinan perlu dibuat dengan memberi pendedahan terhadap kepentingan dan peranan mahar dalam perkahwinan. Ini kerana, skop perbincangan yang sedia ada hanya membincangkan konsep mas kahwin secara ringkas tanpa menyentuh kepentingan dan peranannya yang berpotensi dari segi ekonomi kepada kehidupan isteri.

### **Saranan Kepada Institusi Pengajian Tinggi**

- Pengkaji mencadangkan skop pembelajaran bagi subjek Fiqh Kekeluargaan atau Fiqh Perkahwinan di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi awam mahupun swasta perlu diluaskan perbincangannya dengan menyentuh kepentingan dan peranan mahar dan keutamaannya berbanding pemberian hantaran, dengan mengambilkira realiti dan amalan masyarakat di Malaysia.

### **Badan Kerajaan dan Swasta**

- Usaha-usaha untuk memberi kefahaman dan pendedahan berkenaan kepentingan mahar kepada wanita memerlukan komitmen yang jitu daripada semua pihak samada kerajaan mahupun swasta. Malah kombinasi usaha-usaha tersebut mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami kepentingan dan tujuan pensyariatan mahar dalam perkahwinan.

### **Saranan Kepada Ahli Akademik Dan Pengkaji Akan Datang**

- Pengkaji melihat skop kajian berkenaan peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita masih agak kurang dibincangkan mengikut realiti masyarakat Malaysia. Justeru, kajian lanjutan secara lebih mendalam berkenaan topik tersebut perlu diteruskan oleh ahli akademik atau pengkaji akan datang.

- Melihat kepada hasil kajian bahawa panduan kadar mahar semasa gagal memberi peranan dan manfaat yang besar kepada isteri, pengkaji akan datang disarankan untuk menilai keupayaan dan potensi dinar emas sebagai mas kahwin yang dilihat lebih produktif dan relevan, serta membandingkannya (kelebihan dan kelemahan penggunaan dinar emas sebagai mahar) dengan panduan kadar mahar yang sedia ada di Malaysia. Pengkaji akan datang juga boleh mencadangkan satu kadar panduan mahar yang baru dengan melihat kepada realiti keperluan semasa dengan mengambilkira peranan mahar sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita.

### **5.3 Penutup**

Semua perkara yang telah dibincangkan adalah manifestasi daripada hasil kajian ilmiah yang telah dilakukan oleh pengkaji. Sebagai penutup, “*Mahar Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita*” perlu kepada penyelidikan lanjutan dan berterusan. Pengkaji berharap segala dapatan yang telah dihuraikan sedikit sebanyak mampu memberikan maklumat dan pendedahan yang bersifat semasa kepada semua pihak samada yang terlibat secara langsung mahupun yang tidak langsung. Dalam memastikan pensyariatan mahar mencapai objektif dan memberi maslahah kepada wanita, pengkaji berharap agar semua pihak saling prihatin dengan hasil kajian dan cadangan yang telah dikemukakan. Tindakan ini adalah wajar ke arah memperkasakan mahar sebagai satu pemberian yang bernilai tinggi yang berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita.

## BIBLIOGRAFI

### Bahasa Arab

‘Abd. Al-Rahmān Tāj. *al-Syarī’ah al-Islāmiyyah fī aḥwāl al-Shahksīyyah*. Mesir: Dār al-Taalīf, 1952.

Abū Dāud Sulaymān al-Sijistānī. *Sunan Abī Dāud*. Riyādh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyri wa al-Tawzī’, t.t.

Al-‘Adāwī, Muṣṭafā. *Jāmi’ Aḥkām An-Nisā’*, Riyādh: Dār As-Sunnah, 1992.

Al-‘Adzīm, Syamsul Ḥaq. ‘Aunul Ma’būd Syarḥ Sunan Abū Dāud. Beirut: Dār Al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 1995.

Al-‘Adzīm, Syamsul Ḥaq. ‘Aunul Ma’būd Syarḥ Sunan Abū Dāud. Madīnah: Al-Maktabah Al-Salafīyyah, 1968.

Al-Baiḥāqī, Abū Bakar Aḥmad bin al-Husayn. *Kitāb al-Sunan al-Kubrā*. Syria: Dār al-Ma’rifah, t.t.

Al-Bassām , ‘Abdullāh bin Abdul Rahmān. *Taudhīhul Aḥkām min Bulūghil Marām*. Jilid ke- 5. Edisi ke- 5. Mekkah: Dār Al-Asadi, 2003.

Al-Jazīrī, ‘Abdul Rahmān. *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*. Jilid 4. Lubnan: Dār Ibn Hazm, 2001.

Al-Nawawī, Yaḥyā bin Syaraf. *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhaddhab*. Juzu’ ke-18. Jeddah : Maktabah al-Irsyād, 1980.

Al-Şābūnī, Muḥammad `Alī. *Rawā'i` al-Bayān: Tafsīr Āyāt al-Aḥkām 'Ain al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Şābūnī, 2007.

Al-Sarkhasī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. *Al-Mabsūt*. Beirut, Lubnān : Dār Ibn Hazm, 1978.

Al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn. *Lubab al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*. Kaherah: Maktabah Al-Qiyāmah, t.t.  
al-Sijistānī, Abū Dāud Sulaymān. *Sunan Abī Dāud*. Riyādh: Maktabah Al-Ma’ārif li Al-Nasyri  
Wa Al-Tawzī’, t.t.

Al-Syāfi’ī, Muḥammad Bin Idrīs. *al-Umm*. Jilid ke-2. Manṣūrah: Dār al-Wafā, 2001.

Al-Ṭabarī, Abū Ja’far Muḥammad Ibn Jarīr. *Jam’i al-Bayān fī Taawīl al-Qur’ān*. Beirūt:  
Muassasah Al-Risālah, 2000.

Al-Tirmīdhī , Muḥammad Ibnu ‘Isā. *Sunan Al-Tirmīdhī*. Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bāb al-  
Ḥalabī, t.t.

Al-Zuhaylī , Wahbah. *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu*. Juzu’7. Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989.

Ibnu Ḥāmidīn, Muḥammad Amīn ibn ‘Umar. *Radd al-Mukhtār ‘alā ad-Dur al-Mukhtār*. Jilid ke-3.  
Beirūt: Dār al-Fikr, 2005.

Ibnu ‘Asyūr, Muḥammad Tahir al-Misawī. *Maqāsid al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār as-  
Salām, 2007.

Ibn Kathir, Ismā’īl Ibn ‘Umar Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*. Kaherah: Muassasah  
Qurtūbah, t.t.

Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn Ḥāfiẓ Allāh ibn Aḥmad. *Al-Mughnī*. Riyādh: Dār al-‘Ālam al-  
Kutub, 1997.

Muḥammad Abū Zuhrah. *al-Āhwāl al-Shakhsīyyah*. Beirut: Dār al-Fikr al-`Arabi, 1957.

Muḥammad Ibnu ‘Isā Al-Tirmīdhī. *Sunan Al-Tirmīdhī*. Mesir: Al-Bāb al-Ḥalabi, t.t.

Sābiq, al-Sayyid. *Fiqh al-Sunnah*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Fatḥ li-al-`Ilam al-`Arabī, 2000.

Zaydān, ‘Abdul Karīm. *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim fī as-Syari’ah al-Islāmiyyah*. Jilid ke-7. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993.

Zaydān, ‘Abdul Karīm. *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

### Bahasa Inggeris

Ala’eddin Kharofa. *Islamic Family Law: A Comparative Study With Other Religions*. Selangor: Syarikat Percetakan Ihsan, 2004.

Annelies Moors, “Women and Dower Property in Twentieth-Century Palestine: The Case of Jabal Neblus”, *Islamic Law and Society* 1 (1994): 301-331.

Annelies Moors. *Women, Property and Islam: Palestinian Experiences: 1920-1990*. England: Cambridge University Press, 1995.

Ashgar Ali Engineer (1994), “Status of Muslim Women”, *Economic and Political Weekly* 29, (Februari 1994): 297-300.

Ashgar Ali Engineer. *The Rights Of Women In Islam*. 3<sup>rd</sup> Edition. New Delhi: Sterling Publishers Private Limited, 2008.

Cyril Glassé and Huston Smith. *The New Encyclopedia Of Islam*. Walnut Creek, CA: AltaMira Press, 2001.

David C. Buxbaum. *Family Law And Customary Law in Asia: A Contemporary Legal Perspective*. Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers, 1968.

Diane Singerman. *Avenues of Participation: Family, Politics, and Networks in Urban Quarters of Cairo*. U.S.A: Princeton University Press, 1996.

Donald G. Tugby, “The Social Function Of Mahr In Upper Mandailing Sumatera, American Anthropologist”, *Blackwell Publishing* 61, No. 4 (1959): 631-640.

Flavia Agnes, "Economic Rights of Women In Islamic Law", *Economic and Political Weekly* 31, (1996), 2832-2838.

Ghada G. Qaisi, "A Student Note : Religious Marriage Contracts : Judicial Enforcement of Mahr Agreements in American Courts", *Journal of Law and Religion* 15 (2000): 67-81.

Haifaa A. Jawad. *The Rights Of Women In Islam: An Authentic Approach*. Wiltshire: Antony Rowe Ltd. Chippenham, 1998.

Jack Goody and Stanley Jeyaraja Tambiah. "Bridewealth and Dowry". Cambridge: CUP Archive, 1973.

Jamal Al-Badawī. *The Status Of Women In Islam*. Riyadh: International Islamic Publishing House, 1980.

Jamila Hussain. *Islam : Its Law And Society*. Sydney: The Federation Press, 2004.

J. Henry Korson, "Dower and Social Class in an Urban Muslim Community", *Journal of Marriage and Family* 29 (1967): 527-533.

John L. Esposito and Natana J. De Long-Bas. *Women In Muslim Family Law*. New York: Syracuse University Press, 2001.

Judith Romney Wegner. *Chattel Or Person?: The Status of Women in the Mishnah*. Vol. 29. Oxford University Press, 1992.

Junius P. Rodriguez. *Slavery in the Modern World: A History of Political, Social, and Economic Oppression*. California: ABC-CLIO, LLC, 2011.

Kathleen Kuiper. *Islamic Art Literature and Culture*. New York: Britannica Educational Publishing, 2009.

Lene Løvdal. *Private International Law, Muslim Laws and Gender Equality: The Adjudication Of Mahr In Scandinavian, English and French Courts*. Oslo: University Of Oslo, 2009.

Lynn Welchman. *Women's Rights And Islamic Family Law : Perspectives On Reform*. London: Zed Books, 2004.

Madeline C. Zilfi. *Women in the Ottoman Empire: Middle Eastern Women in the Early Modern Era*. BRILL, 1997.

Maulana Wahiduddin Khan. *Woman in Islamic Shariah*. New Delhi, India: Goodword Books, 2000.

Michael G. Peletz. *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Rembau*. England: University of California Press, 1992.

Mohammad Hashim Kamali. *An Introduction To Shariah*. Selangor: Ilmiah Publishers, 2006.

Mohd Umar. *Bride Burning In India: A Socio Legal Study*. New Delhi: A.P.H. Publishing Corporation, 1998.

Mohtar bin Md. Dom. *Malay Wedding Customs*. Kuala Lumpur: Federal Publications, 1979.

Mounira Charrad. *States and Women's Rights: The Making of Postcolonial Tunisia, Algeria, and Morocco*. United States: University of California Press, 2001.

Murtada Mutahhari. *The Rights Of Women In Islam*. Tehran: World Organization For Islamic Services, 1980.

Noël J. Coulson. *A History Of Islamic Law*. Edinburgh:Edinburgh University Press, 1994.

Pascale Fournier. *Muslim Marriage in Western Courts: Lost in Transplantation*. England: Ashgate Publishing, 2010.

Prabhat Chandra Tripathy. *Contemporary Social Problems and the Law*. New Delhi: APH Publishing, 2000.

Raihanah Azahari , “Factors Contribute To Marital Problems Among Malay Muslim Women: A Case Study In Malaysia”, *Jurnal Syariah* 16 (2008): 245-268.

Rakesh Kumar, “Law of Dower (Mahr) In India”, *Journal of Islamic Law and Culture* 12 (2010), 58-73.

Ruby Mehdi, “Danish Law And The Practice Of Mahr Among Muslim Pakistanis In Denmark”, *International Journal Of The Sociology Of Law* 31 (2003): 115-129.

Shamim Akhter. *Faith And Philosophy In Islam*. India: Kalpaz Publications, 2009.

Shamim Aleem. *Prophet Muhammad(s) and His Family: A Sociological Perspective*. Bloomington, IN: AuthorHouse, 2007.

Sharifah Zaleha Syed Hassan and Sven Cederroth. *Managing Marital Disputes in Malaysia: Islamic Mediations And Conflict Resolutions in The Syariah Courts Surrey*. United Kingdom: Routledge Curzon, 1997.

Taisha Abraham. *Women And The Politics Of Violence*, New Delhi: Har-Anand Publications, 2002.

Tesfa G. Gebremedhin. *Women, Tradition and Development: A Case Study of Eritrea*. United States: The Red Sea Press, 2002.

Veena Talwar Oldenburg. *Dowry Murder: The Imperial Origins of a Cultural Crime*. New York: Oxford University Press, 2002.

Yossef Rapoport, “Matrimonial Gifts In Early Islamic Egypt”, *Islamic Law and Society* 7, Brill Publishing (2000): 1-36.

Yousuf N. Lalljee. *Know Your Islam*. 3<sup>rd</sup> Edition. New York: Taknike Tarsile Quran, 1981.

Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito. *Daughters of Abraham: Feminist Thought In Judaism, Christianity, and Islam*. United States Of America: University Press of Florida, 2001.

Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito. *Islam, Gender and Social Change*. New York: Oxford University Press, 1998.

Zainunnisaa Abdul Rahman, “Mahar in Malaysia: The Law Revisited”, *Shariah Law Reports* (2007): 1-18.

Ziba Mir-Hosseini. *Marriage On Trial: Islamic Family Law In Iran And Morocco Compared*. London: I.B. Tauris & Co. Ltd., 1993.

Ziba Mir-Hosseini. *Marriage on Trial: A Study Of Islamic family Law, Society and Culture In The Modern Middle East*. London: I.B. Tauris & Co. Ltd., 2000.

#### Bahasa Malaysia

‘Abdullah Alwi Haji Hassan. *Teori dan aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors, 2005.

Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan. *Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2006.

‘Abdullah Siddik. *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

Amran Kasimin. *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989.

Anisah Ab.Ghani dan Saadan Man (2006), “Nilai-Nilai Adat Dan Budaya Dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu” Dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Mohd. Salleh Haji Md @ Haji Ahmad et.al., Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

Azman Abd. Rahman dan Zahari Musa, “Nilai Mas Kahwin Dan Hantaran Dan Kesannya Kepada Kebahagiaan Rumahtangga”, (makalah, Seminar Falsafah Perkahwinan, Mac 2006) 1-13.

H.M. Sidin. *Asal-Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1964.

Ismā`il ibn `Umar Ibnu Kathīr. *Tafsīr Ibnu Kathīr: Tafsīr Ibnu Kathīr*. Terj. M. Abd. Ghoffar E.M. et al.. Bogor: Pustaka Imam As-Syafie, 2008.

Joseph Schachalt. *Pengantar Hukum Islam*. Jogjakarta: Penerbit Islamika, 2003.

*Kamus Dewan*. Ed-ke 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. *Famili Harmoni: Memupuk Keluarga Bahagia*. Shah Alam: Karya Bestari, 2008.

Mat Saad Abd. Rahman. *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Selangor: Intel Multimedia And Publication, 2007.

Mazlan Abd Manan, “Kesalahan-Kesalahan Matrimoni Kalam Kes Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah: Kajian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan”, tesis sarjana: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.

Mohd. Som Sujimon. *Fikah Kekeluargaan*. Selangor: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007.

Muhammad Baghir. *Fiqh Praktis II: Menurut Al-Quran, As-Sunnah Dan Pendapat Para ‘Ulama’*. Bandung : Penerit Karisma, 2008.

Peunoh Daily. *Hukum Perkahwinan Islam: Satu Kajian Perbandingan Di Kalangan Ahlus-Sunnah dan Negara-Negara Islam*. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd., 2007.

Raihanah Azahari et.al., “Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dengan Penentuan Kadar Hantaran”, *Jurnal Fiqh* 6, Kuala Lumpur: Universiti Malaya (2009): 107-124.

Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya Dalam Penentuan Kadar Mahar” Dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Mohd. Salleh Haji Md @ Haji Ahmad et.al., Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006, 315-323.

Raihanah Azahari, “Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor”, *Jurnal Syariah* 15, Kuala Lumpur: Universiti Malaya (2007): 115-128.

Syaikh Muḥammad Bin Ṣāliḥ Al-‘Uthaimin. Al-Syarḥ Al-Mumti Kitāb Al-Waqf wa Al-Hibah wa Al-Washiyyah. Terj. Abu Hudzaifah, Jakarta: Pustaka Imam Al-Syāfi’ī, 2008.

Yaacob Harun. *Kekeluargaan Dan Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1995.

Zaharah Jaafar, “Penetapan Kadar Nafkah Isteri: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan”, tesis sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004.

Zaini Nasohah. *Perceraian: Hak Wanita Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004.

Zulkifli Mohd Yusoff. *Tafsir: Ayat Ahkam: Huraian Hukum-Hakam Dalam Al-Quran*, Selangor: PTS Darul Furqan, 2011.

### Rujukan Akhbar

Hafizah Iszahanid, “Hantaran Mahal Lambang Status Pengantin,” *Berita Minggu*, Februari 2009, 22.

Norliza Mohd. Zakaria “Kejutan Buat Wawa,” *Utusan Malaysia*, 2009 Januari, 21.

### Rujukan Laman Web

\_\_\_\_\_, “Mas Kahwin Negeri-Negeri”, laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, <http://www.islam.gov.my/maskahwin-negeri-negeri>.

Jabatan Perangkaan Malaysia, “Population Distribution by Local Authority Areas And Mukims 2010”, laman sesawang *Department Of Statistics*, diakses 23 Julai 2012, [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1353&lang=en](http://http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1353&lang=en).

Michele Tertilt, “The Economics Of Brideprice and Dowry: A Marriage Market Analysis”, laman sesawang [www2.wiwi.hu-berlin.de](http://www2.wiwi.hu-berlin.de), diakses 11 November 2011, <http://www2.wiwi.hu-berlin.d institute/wpol/html/...bag/.../tertilt.pdf>

Richard Freeland, “The Islamic Institution of Mahr and American Law”, laman sesawang [law.gonzaga.edu](http://law.gonzaga.edu), diakses 31 Oktober 2011, [www.law.gonzaga.edu/files/GJIL-Vol4-IslamicInstitution.pdf](http://www.law.gonzaga.edu/files/GJIL-Vol4-IslamicInstitution.pdf)

## **LAMPIRAN 1**

### **Soalan Temubual**

1. Apa yang anda faham tentang mahar/mas kahwin?
2. Apa hukum mahar yang ditangguhkan?
3. Pada pengetahuan puan, adakah panduan kadar mahar yang ditetapkan wajib diikuti?
4. Berkenaan panduan kadar mahar semasa yang sedia ada (RM 100 bagi dara/ RM 80 bagi janda), adakah ia masih relevan dengan keadaan semasa?
5. Pada pandangan puan, apakah ciri-ciri mahar yang terbaik menurut Islam?
6. Berapakah kadar mahar yang diterima puan?
7. Bagaimanakah puan menguruskan mahar tersebut?
8. Apakah peranan mahar tersebut kepada puan?
9. Adakah ia berperanan dan berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita terutamanya bila berlaku musibah dalam rumah tangga seperti perceraian atau kematian suami?
10. Pada pandangan puan, adakah golongan isteri perlu melihat mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita?